

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Permasalahan Kajian

Khutbah Jumaat adalah media mingguan umat Islam yang disampaikan dalam bentuk ucapan bagi sekelompok masyarakat Islam di sesebuah kariah¹. Ia merupakan medan untuk menyampaikan mesej agama kepada mereka dan panduan agama mingguan yang dapat memberikan penjelasan segera terhadap permasalahan yang timbul dalam kehidupan. Di zaman ini khususnya, khutbah Jumaat perlu memainkan peranan yang penting dalam memberi penjelasan dan pedoman ketika umat Islam berhadapan dengan isu-isu kemasyarakatan dan polemik semasa.

Rasional yang mendorong kajian ini dilakukan adalah keinginan untuk mengenalpasti satu metode dalam menyediakan khutbah Jumaat dan cabaran-cabaran yang berlaku di dalamnya. Realiti semasa memaparkan bahawa khutbah Jumaat di negara kita sering dipersoalkan kredibilitinya kerana kegagalannya tampil sebagai medan nasihat agama yang dihormati. Pelbagai komen dan rungutan disuarakan menggambarkan kepincangan peranan khutbah hari ini. Contohnya, pada 24 Oktober 2003, sebuah rencana di Utusan Malaysia bertajuk 'Khutbah Jumaat Perlu Mekanisme Baru'² tulisan Zamri Misman menyatakan bahawa khutbah Jumaat telah menjadi ruang waktu tidur para pekerja yang hadir menunaikan solat

¹ Kariah adalah satu kawasan yang didiami penduduk yang berkongsi masjid atau surau. Lihat *Kamus Dewan, Edisi keempat* (2007), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 678.

² Sumber:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1024&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_04.htm, 2 Julai 2009.

Jumaat setelah penat bekerja di waktu pagi, sebelum menyambung semula kerja mereka. Ia berpunca dari khutbah Jumaat yang membosankan dan tidak memberi impak yang diharapkan. Malah ada di kalangan mereka yang sengaja melambat-lambatkan kehadiran ke masjid untuk mengelak dari mendengar khutbah Jumaat kerana merasakan ia tidak memberi apa-apa faedah kepada mereka. Pada 23 September 2005, akhbar yang sama menyiarkan sebuah artikel tulisan Wan Mohd Hafiz Wan Hamzah, bertajuk 'Program Motivasi Melalui Khutbah Jumaat'³ yang menyarankan agar khutbah perlu benar-benar berfungsi mengisi keperluan spiritual umat Islam. Menurutnya, khutbah Jumaat sewajarnya menjadi pakej motivasi mingguan yang berjalan 48 kali sepanjang tahun. Beliau juga menyifatkan bahawa khutbah Jumaat hari ini 'layu', perlu diperbaiki dan tidak berkesan. Kemelut kegagalan khutbah Jumaat dilihat semakin ketara apabila terbabit dengan kes polis. Ini berpunca keenganan seorang khatib membaca teks khutbah yang disediakan oleh jabatan agama kerana beranggapan khutbah tersebut tidak dapat memenuhi keperluan pedoman agama masyarakat setempat. Inilah yang dilaporkan sebagaimana yang tersiar di akhbar Berita Harian 14 September 2011.⁴ Semua kejadian ini berlaku ekoran kepincangan dan kelemahan di dalam penyediaan khutbah Jumaat. Situasi ini menggambarkan bahawa jabatan-jabatan agama atau mana-mana institusi yang terlibat dalam kerja-kerja menerbitkan khutbah memerlukan satu rujukan atau panduan yang berkesan dalam menghasilkan teks khutbah Jumaat yang berkualiti. Selaras dengan tujuan pensyariatannya, khutbah Jumaat perlu dijana dengan baik agar dapat memberi pedoman dan membentuk reaksi positif umat Islam dalam menilai, memahami dan menghadapi permasalahan semasa di dalam kehidupan mereka.

³ Sumber:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0923&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_03.htm, 2 Julai 2009.

⁴ Sumber: <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Kariahmasjidbuatlaporanpolis/Article/>, 2 Julai 2011.

Kajian bertajuk '**Teks Khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan: Kajian Tentang Metode dan Cabaran Penyediaannya**' ini adalah sebuah kajian lapangan yang berusaha mendedahkan dan menghuraikan tiga persoalan utama; pertama, berkaitan isi kandungan teks khutbah Jumaat terbitan JAWI. Kedua, berkaitan metode penyediaan khutbah Jumaat yang digunakan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan ketiga, tentang cabaran-cabaran dalam proses penyediaannya. Cawangan Khutbah di jabatan ini telah mengaplikasikan satu metode khas dalam kerja-kerja penyediaan dan penerbitan teks khutbah Jumaat setiap bulan sejak beberapa tahun lalu. Metode ini dikatakan telah membentuk sebuah sistem yang membantu pengawalan kualiti khutbah dan kelancaran proses penerbitannya. Apakah sebenarnya metode ini? Sejauh manakah keupayaan metode yang digunakan ini? Apakah kesan yang dapat dilihat hasil dari pengaplikasian metode ini pada teks-teks khutbah Jumaat terbitan JAWI? Apakah pula cabaran-cabaran yang dihadapi dalam menjalankan kerja-kerja ini? Persoalan-persoalan inilah yang menjadi fokus utama kajian ini. Lantaran itu, penyelidik merasakan bahawa Cawangan Khutbah JAWI yang telah sekian lama menerbitkan teks-teks khutbah ini wajar dikaji dan didedahkan, seterusnya hasil kajian ini diketengahkan agar dapat dimanfaatkan oleh individu atau organisasi yang terlibat dalam usaha-usaha menyediakan teks khutbah.

Dari sudut hala tuju pula, kajian ini memberi fokus kepada teks khutbah Jumaat terbitan JAWI dan metode penyediaan teks khutbah Jumaat yang diaplikasikan dan menjadi amalan di Cawangan Khutbah JAWI secara khusus serta mengenalpasti cabaran yang dihadapi dalam menjayakan sistem ini. Ia adalah satu usaha membina tapak asas untuk kajian-kajian akan datang di dalam bidang penyediaan teks khutbah. Hasil kajian ini diharap dapat membantu usaha-usaha menghasilkan garis panduan penyediaan teks khutbah yang baik dan berkualiti. Di

samping itu, hasil pembentangan kajian ini juga boleh membantu cawangan ini melihat sudut-sudut kekuatan dan kelemahan yang berlaku dalam sistem penyediaan teks khutbah Jumaat di JAWI untuk dinilai dan diperbaiki.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini dibuat bertujuan bagi mencapai objektif yang telah sasarkan. Ia dilaksanakan bagi merealisasikan 3 objektif berikut:

1. Untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan isi kandungan teks khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
2. Bertujuan mengenalpasti proses dan menilai metode penyediaan teks khutbah Jumaat yang diaplikasikan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
3. Menganalisis cabaran dalam menyediakan teks khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan dan faedah tertentu. Kepentingan dan faedah kajian ini dapat diperjelaskan dengan butiran-butiran seperti berikut :

1.3.1 Kepentingan Penyelidik

Berikut disenaraikan beberapa faktor yang menjelaskankan kepentingan kajian ini kepada penyelidik :

- i. Khutbah Jumaat yang merupakan salah satu saluran dakwah dilihat perlu diperkemaskan dan dipertingkatkan kualitinya dari semasa ke semasa. Penyelidik menjadikan dorongan ini sebagai satu usaha memberi nafas baru kepada cara menyediakan teks khutbah Jumaat di samping memberikan penyelidik pengalaman dan menambah pengetahuan di bidang ini.
- ii. Sebagai seorang imam dan khatib yang berkhidmat di masjid di bawah pentadbiran JAWI sejak Ogos 2006, penyelidik terlibat secara langsung dengan penyampaian khutbah Jumaat sebagai sebahagian daripada tugas utama. Segala permasalahan dan kepincangan yang timbul berkaitan khutbah adalah menjadi perhatian penyelidik. Apabila berlaku kelemahan dan kepincangan pada khutbah yang disampaikan, khatib adalah individu pertama yang akan dipertanggungjawabkan dan ditanya tentang teks khutbah yang dibaca. Oleh yang demikian, hasil pengalaman dan pengamatan sebagai imam dan khatib selama tempoh 5 tahun ini, penyelidik merasakan kajian ini perlu dan bermanfaat untuk diketengahkan.
- iii. Penyelidik juga adalah salah seorang panel penyemak teks Khutbah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan sejak Julai 2007. Dengan kajian yang dibuat pada metode penyediaan teks khutbah Jumaat JAWI ini, penyelidik dapat meninjau seluruh peringkat dan tahap penyediaan teks tersebut. Hasilnya, penyelidik berupaya mendapat kefahaman dan maklumat yang lengkap tentang proses penyediaan teks khutbah secara menyeluruh, di samping panduan dan bimbingan penyelia yang berpengalaman.

- iv. Penyelidik juga adalah di antara panel penulis teks khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sejak awal 2010. Pernah juga diundang untuk menyertai Bengkel Penulisan Khutbah anjuran jabatan ini pada Disember 2011. Peluang menulis teks Khutbah Jumaat JAIS ini telah memberi penyelidik gambaran teknik penulisan dan penyediaan teks khutbah di dua jabatan agama yang berasingan di tanahair. Tentunya pengalaman ini dapat sedikit sebanyak membantu penyelidik untuk membuat perbandingan dalam mengenalpasti kebaikan yang boleh dikongsi bersama dan kelemahan yang boleh diperbaiki di dua institusi tersebut dalam usaha-usaha penyediaan teks khutbah.

1.3.2 Kepentingan Institusi

Berikut disenaraikan pula beberapa faktor yang menunjukkan kepentingan kajian ini kepada institusi-institusi yang menyediakan teks khutbah Jumaat :

- i. Kegagalan khutbah Jumaat berperanan sebagai saluran pedoman agama dan penyelesaian bagi permasalahan semasa masyarakat Islam adalah sesuatu fenomena yang merugikan. Kepincangan ini berpunca dari sistem dan proses penghasilan teks khutbah yang tidak berkesan dan pengurusan penerbitannya yang kurang berkualiti. Kenyataan Zulkefli Aini di Utusan Malaysia bertarikh 30 Julai 2003 yang bertajuk ‘Khutbah Jumaat – Sekadar Teori Tiada Kesan?’⁵

⁵ Sumber:
http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=0730&pub=utusan_malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm, 2 Julai 2009.

menggambarkan kegagalan khutbah Jumaat di waktu ini dalam mengisi keperluan masyarakat Islam di negara ini. Beliau menyatakan di samping mutu penyampaian khatib Jumaat yang lemah dan tidak berketrampilan, teks khutbah pula tidak mengikut arus perkembangan semasa, tidak fokus pada tajuk malah ada yang tidak jelas tema dan objektifnya. Kajian dan pendedahan yang dibuat secara khusus tentang proses penyediaan teks khutbah Jumaat di Cawangan Khutbah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan ini dijangka dapat menjadi panduan dan rujukan bagi institusi-institusi terlibat di sudut tatacara penyediaan teks khutbah di masa hadapan.

- ii. Cawangan Khutbah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telah mengaplikasi satu sistem dan metode yang tersusun dalam menyediakan teks khutbah Jumaat. Sistem yang diaplikasikan ini dilihat mampu menghasilkan khutbah Jumaat secara teratur dan konsisten jika diperbaiki dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Kajian secara lapangan yang dilakukan menyelidik bertujuan mendedahkan aliran proses penyediaan teks khutbah di jabatan ini dan memaparkan secara menyeluruh setiap peringkat kerja-kerja penghasilannya. Hasil kajian ini akan membantu mendedahkan sudut-sudut kekuatan dan kelemahan metode yang digunakan di sini. Tidak dinafikan bahawa sesuatu produk yang baik dan berkualiti lahir dari kilang yang baik sistem pengurusan dan pengeluarannya. Justeru, pendedahan ini akan membantu cawangan khutbah ini dan institusi-institusi lain yang terlibat dalam usaha menerbitkan khutbah untuk mengambil panduan dan manfaat darinya.

- iii. Pendedahan metode yang digunakan di Cawangan Khutbah JAWI ini akan menarik perhatian institusi lain yang berkenaan untuk menilai dan memberi pandangan terhadapnya. Ini merupakan langkah permulaan yang baik terhadap semua sistem penyediaan teks khutbah di negara ini apabila banyak pandangan, idea dan kritikan yang membina dapat disuarakan dan dikongsi bersama hasil dari pendedahan yang dibuat melalui kajian ini. Hasil perkongsian pandangan dan idea ini akan menjadikan khutbah Jumaat diselia dengan lebih serius dan teliti di samping mendapat lebih perhatian dari pihak-pihak yang menerbitkannya.

1.3.3 Kepentingan Masyarakat Islam

Beberapa faktor yang menunjukkan kepentingan kajian ini kepada masyarakat Islam di negara ini ialah :

- i. Khutbah Jumaat adalah satu syiar Islam yang sepatutnya digunakan sejajar dengan kepentingan umat Islam. Perhimpunan mingguan umat Islam ini perlu dipastikan dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya dan dapat memberi impak positif yang maksima kepada mereka. Melalui kajian ini, institusi-institusi yang terlibat dalam penyediaan teks khutbah akan dapat melihat satu rujukan dan panduan dalam menerbitkan khutbah yang berkualiti dan memenuhi keperluan masyarakat Islam di negara ini.

- ii. Kajian ini akan memaparkan satu sistem penyediaan teks khutbah yang diatur mengikut perjalanan takwim sepanjang tahun di samping memberi penjelasan kepada isu-isu semasa yang berbangkit. Sekiranya sistem ini diamalkan oleh pihak-pihak yang menerbitkan khutbah Jumaat, masyarakat Islam di negara ini akan sentiasa memperolehi maklumat dan pedoman yang mereka perlukan. Khutbah Jumaat sewajarnya perlu selari dan bertidak balas dengan peristiwa dan isu semasa untuk membekalkan panduan agama kepada masyarakat Islam dalam menghadapi persoalan sosial dan kehidupan seharian mereka.
- iii. Untuk melahirkan masyarakat Islam yang berinformasi dan peka dengan situasi semasa, khutbah Jumaat perlu diselia oleh satu sistem yang sentiasa peka dalam menyediakan jawapan dan panduan kepada permasalahan semasa. Ini akan membantu mereka untuk bertindak selaras dengan maklumat dan kefahaman yang diperolehi melalui khutbah Jumaat yang disampaikan setiap minggu.

1.4 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada pelaksanaan penyelidikan di Cawangan Khutbah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) sahaja. Cawangan Khutbah ini merupakan satu unit yang berada di bawah pentadbiran Bahagian Pengurusan Kariah yang mengurus secara langsung segala hal ehwal dan pentadbiran seluruh masjid dan surau di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya kecuali Masjid Negara, Masjid Wilayah Persekutuan dan Masjid Putrajaya yang ditadbir urus secara langsung oleh JAKIM. Cawangan ini terletak di

tingkat satu di bangunan Kompleks Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Jalan Perdana, Kuala Lumpur.

Dari sudut bahan kajian pula, penyelidikan ini tertumpu kepada teks khutbah Jumaat yang dihasilkan di sini. Ini bermakna segala teks khutbah lain seperti teks khutbah Hariraya Aidilfitri dan Aidiladha tidak termasuk di dalam kajian ini. Penyelidikan juga akan difokuskan pada sistem dan metode penyediaan teks khutbah Jumaat bermula dari pemilihan tajuk sehingga ke peringkat cetakan buku. Ini bermakna aktiviti-aktiviti yang berlaku selepas proses cetakan buku khutbah Jumaat tidak termasuk dalam pembentangan kajian ini. Semua proses ini dapat diperolehi melalui manual-manual dan panduan sistem kerja yang diaplikasikan di cawangan ini.

Tumpuan kajian ini juga dikhususkan kepada teks-teks khutbah Jumaat yang diterbitkan sekitar 3tahun terakhir bermula pada bulan Jun 2009 hingga Disember 2011. Ini kerana pada tempoh berkenaan sistem penyediaan teks khutbah Jumaat JAWI telah berjalan lancar dan diaplikasikan secara menyeluruh. Seajar dengan tumpuan kajian kepada metode penyediaan di dan teks khutbah, maka adalah wajar tumpuan diberikan kepada tempoh terbaik pencapaian kualiti kerja cawangan ini.

Secara umumnya, kajian disertasi ini tidak akan menumpukan kepada teks khutbah semata-mata sebagai sasaran kajian, tetapi ia juga memberi penelitian kepada metode, proses dan cabaran dalam penyediaan teks khutbah yang diterbitkan oleh JAWI. Kajian dan pendedahan yang dibuat akan dijalankan di semua peringkat dan aliran proses penyediaan teks khutbah bermula dari pemilihan tajuk, penulisan, semakan awal, semakan panel penyemak,

kelulusan dan pengesahan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan sebelum dicetak dan diedarkan.⁶ Kesimpulannya, disertasi ini adalah satu kajian lapangan yang mendedahkan metode dan sistem yang diterima pakai di Cawangan Khutbah, Bahagian Pengurusan Kariah JAWI untuk dikaji dan dinilai serta dimanfaatkan oleh penyelidik-penyelidik di masa hadapan.

Walaupun terdapat banyak kajian dan tulisan dibuat mengenai khutbah Jumaat namun kajian yang memberi fokus pada sesuatu sistem atau metode sedia ada yang telah digunakan belum dapat dikesan sebagai bukti yang menunjukkan bahawa ia pernah dilakukan. Justeru kajian metode penyediaan ini adalah kajian perintis dan dilakukan bagi memulakan langkah ke arah mengkaji metode dan sistem penyediaan khutbah Jumaat.

1.5 Kajian Terdahulu

Secara umumnya, kajian berkaitan dengan khutbah Jumaat secara teori, sejarah dan panduan penulisannya telah banyak dilakukan dan diterbitkan. Namun hasil pengamatan penyelidik, kajian berkaitan proses dan metodologi penyediaan teks khutbah secara penyelidikan lapangan belum pernah dilakukan dan diterbitkan secara ilmiah. Pendedahan terhadap sistem penyediaan khutbah di mana-mana institusi juga belum dapat dikesan. Meskipun begitu, penyelidik telah menemui beberapa buku dan hasil penyelidikan terdahulu yang dapat dijadikan rujukan asas bagi membantu dan menyempurnakan kajian ini, iaitu :

1. Kitab *Nahj al-Balāghah lī al-Imām ‘Alī bin Abī Ṭālib* (Pendekatan Balaghah Imam Ali bin Abu Talib). Kitab ini adalah himpunan khutbah dan kata-kata

⁶ Sumber : Cawangan Khutbah Bahagian Pengurusan Kariah JAWI, (2008), rujuk Preoesdur Carta aliran penerbitan teks khutbah Jumaat JAWI, Februari 2008

Saidina Ali yang dikumpul oleh *Al-Sharīf al-Riḍā* dan disusun serta dihuraikan oleh *Al-Shaikh Muḥammad ‘Abduh* dan diterbitkan pada 2006 oleh Muassasah al-Mukhtār, Kaherah, Mesir.

Penyelidik menjadikan kitab ini sebagai satu rujukan primer bagi kajian berkaitan khutbah ini. Dengan membaca dan meneliti contoh-contoh khutbah tokoh ulung Islam, Saidina Ali bin Abi Talib, penyelidik dapat mengenalpasti gaya dan bentuk khutbah pada era awal Islam dan ciri-cirinya. Antara ciri-ciri khutbah beliau yang perlu dikekalkan pada khutbah-khutbah hari ini ialah pembentangan maklumat dan panduan secara jelas dan mantap. Misalnya, lihatlah betapa padat dan jelasnya panduan yang terdapat ayat-ayat di dalam khutbah ini:

إِنَّ أَخَوْفَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمْ اثْنَتَيْنِ طُولُ الْأَمَلِ وَاتِّبَاعُ الْهَوَى ، فَأَمَّا طُولُ الْأَمَلِ فَيُنْسِي الْآخِرَةَ وَأَمَّا اتِّبَاعُ الْهَوَى فَيَصُدُّ عَنِ الْحَقِّ ، أَلَا وَإِنَّ الدُّنْيَا قَدْ وَلَّتْ مُدْبِرَةً وَالْآخِرَةُ مُقْبِلَةٌ وَلِكُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا بَنُونَ فَكُونُوا مِنْ أبنَاءِ الْآخِرَةِ وَلَا تَكُونُوا مِنْ أبنَاءِ الدُّنْيَا فَإِنَّ الْيَوْمَ عَمَلٌ وَلَا حِسَابَ وَغَدًا حِسَابٌ وَلَا عَمَلَ.⁷

Maksudnya: “Sesungguhnya apa yang paling aku bimbangi terjadi pada kalian adalah 2 perkara: panjang angan-angan dan menuruti hawa nafsu. Adapun panjang angan-angan akan melupakan kamu kepada akhirat dan menuruti hawa nafsu akan menghalang kalian dari kebenaran. Ingatlah sesungguhnya dunia berlalu pergi dan akhirat datang mendekati. Kedua-duanya mempunyai anak. Maka jadilah kamu dari kalangan anak-anak akhirat, jangan jadi anak-anak

⁷ Al-Shaikh Muḥammad ‘Abduh (2006), *Nahj al-Balāghah*, Kaherah, Muassasah al-Mukhtār, h. 94

dunia kerana hari ini (di dunia) adalah amalan tiada perhitungan sedangkan esok (di akhirat) adalah perhitungan tiada lagi amalan.”

Di samping itu juga penyelidik juga dapat melihat ketinggian nilai bahasa dan sastera di dalam khutbah-khutbah beliau. Penyelidik dapat menilai mutu dan tahap keunggulan khutbah di zaman beliau berbanding khutbah-khutbah pada zaman selepasnya. Amati keindahan ritma ayat-ayat di dalam khutbah berikut:

وَفَرَضَ عَلَيْكُمْ حَجَّ بَيْتِهِ الْحَرَامِ، الَّذِي جَعَلَهُ قِبْلَةً لِلْأَنَامِ، يَرُدُّونَهُ وُرُودَ الْأَنْعَامِ، وَيَأْتِيهِونَ إِلَيْهِ وُلُوءَ الْحَمَامِ،⁸

Maksudnya: “dan Dia memfardukan ke atas kamu ibadah Haji di Baitulharam, yang dijadikan sebagai kiblat bagi sekalian manusia, mereka datang mengerjakannya berbondong-bondong seperti haiwan-haiwan ternakan yang dibebaskan dan mereka bersegera kepadanya umpama merpati yang berterbangan.”

Meskipun begitu, pada penelitian penyidik, kitab ini bukanlah rujukan yang lengkap untuk kajian mengenai metode penyediaan kerana ia hanya menyediakan contoh-contoh khutbah yang baik sahaja sedangkan penyelidik juga memerlukan sumber rujukan yang memuatkan kaedah penyediaan khutbah di dalam kajian ini.

2. Buku *al-Khitābah; Usūluhā – Tārīkhuhā Fī Azhar ‘Usūrihā ‘Inda al-‘Arab* (Khutbah; Asal-usul dan Sejarahnya Di Era Kegemilangan Bangsa Arab). Buku karangan Al-Imām Muḥammad Abū Zahrah, pada 1934 dan diterbitkan oleh *Dār al-Fikr al-‘Arābiy*, Kaherah, Mesir.

⁸ *Ibid*, h. 33

Kitab ini membahaskan khutbah dari perbagai sudutnya. Di samping memuatkan perbincangan tentang takrif, sejarah perkembangan, pembahagian dan isi kandungannya, penulis juga membicarakan cara penghasilan khutbah dan faedah-faedahnya. Beliau menyatakan bahawa di antara faedah-faedah khutbah ialah menyelesaikan permasalahan, mendamaikan permusuhan, mendamaikan perasaan yang gelisah, menegakkan kebenaran, meruntuhkan kebatilan, membangunkan keadilan dan menentang kezaliman. Khutbah dikenali sebagai '*lisān al-hidāyah*' (suara petunjuk).⁹ Seterusnya penulis juga menyatakan bahawa khutbah boleh dihasilkan dengan melalui beberapa langkah asas, antaranya memahim fitrah, mempelajari asas ilmu khutbah, membaca kata-kata para ilmuan, mengkaji ilmu-ilmu yang berkaitan masyarakat dan latihan penulisan yang cukup.¹⁰

Penyelidik mendapati bahawa kitab ini adalah kitab yang sesuai untuk menjadi rujukan asas kajian ini kerana ia merangkumi perbincangan pelbagai sudut berkaitan khutbah. Ditambah pula dengan kekemasan susunan bab-bab di dalam kitab ini. Namun kekurangan yang dikesan oleh penyelidik ketika membaca kitab ini ialah dari sudut pembentangan contoh-contoh khutbah yang dihasilkan pada masa kini. Ia hanya tertumpu kepada khutbah-khutbah di zaman awal Islam dan kegemilangannya.

3. Buku bertajuk *al-Khitābah wa I'dad al-Khātib* (Khutbah dan Persediaan Khatib). Buku ini ditulis oleh Dr. Tawfiq al-Wā'iī, pada 1999 dan diterbitkan oleh *Dār al-Yaqīn, al-Mansūrah*, Mesir.

⁹ Muḥammad Abu Zahrah (1934) *Al-Khaṭābah: Usūluha- Tārīkhuhā*, Kaheerah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy, h. 17

¹⁰ *Ibid*, h. 18-20

Buku ilmiah ini memaparkan kajian yang meliputi sejarah permulaan dan perkembangan khutbah, hala tuju dan kepentingannya dalam penyebaran dakwah dan pembahagian khutbah kepada beberapa kategori.¹¹ Buku ini juga membahaskan tentang keperluan dan persediaan sebagai khatib berserta sifat-sifat yang perlu ada pada diri mereka. Penulis juga menghuraikan tentang panduan pembentukan teks khutbah Jumaat secara lengkap pada Bab Empat buku beliau ini.

Penyelidik melihat buku ini adalah buku yang baik susunan babnya dan amat membantu penyelidik di dalam kajian ini. Ini dapat dilihat ketika penulis membangunkan fakta-fakta berkaitan teks khutbah Jumaat, jenis-jenisnya dan sejarah perkembangannya.¹² Justeru penyelidik menjadikan buku ini sebagai rujukan teori dalam kajian ini. Ia juga dijadikan rujukan dalam perbincangan mengenai asas-asas khutbah Jumaat seperti bahagian-bahagian, rukun, syarat dan identiti yang perlu ada pada khutbah Jumaat.

4. Buku bertajuk '*Rauḍah al-Khuṭabā*' (Taman Para Khatib) karangan Dr. Mustafā Murād pada 2002 dan diterbitkan oleh *Dār al-Fajr Li al-Turath*, Kaherah, Mesir.

Buku berunsur ilmiah ini memfokuskan perbincangan tentang asas-asas khutbah, tatacara menyediakan khutbah, persediaan dan panduan menjadi khatib yang berjaya dan jenis-jenis khutbah. Banyak butiran maklumat yang baik dan membantu kajian ini terdapat di dalam buku ini. Antara yang menarik perhatian penyelidik ketika meneliti buku ini adalah penulis membahagikan khutbah kepada dua kategori iaitu khutbah bacaan teks dan khutbah yang

¹¹ Dr. Tawfiq al-Wā'ī (1999) *al-Khitābah wa l'dad al-Khātib*, Dār al-Yaqīn, al-Manṣūrah, Mesir, h. 82-85

¹² *Ibid*, h. 16-19

disampaikan secara spontan.¹³ Penyelidik mengambil banyak maklumat dari perbincangan buku ini. Di bab akhir buku ini penulis memuatkan contoh-contoh khutbah terbaik yang pernah dihasilkan sejak zaman Rasulullah SAW dan para sahabat baginda sehingga zaman ini.

Penyelidik menjadikan buku ini sebagai rujukan ilmiah dalam memaparkan fakta-fakta berkaitan asas-asas pembentukan teks khutbah Jumaat, bahagian-bahagian utama teks tersebut dan kaedah pembentukannya. Buku ini menjadi di antara rujukan utama bagi pembentangan Bab 2 di dalam disertasi ini kerana perbincangannya dapat memberi gambaran yang jelas tentang tatacara penyediaan sebuah teks khutbah Jumaat yang berkesan dan ciri-cirinya.

5. Buku bertajuk '*Fann al-Khiṭābah*' (Seni Ilmu Khutbah) karangan Antowan al-Qawwāl pada 1996 dan diterbitkan oleh *Dār al-'Ilm Li al-Malāyīn*, Beirut, Lubnan.

Buku ini menjurus kepada perbincangan tentang kategori-kategori khutbah yang menerangkan dengan jelas perbezaan dan ciri-ciri setiap khutbah tersebut. Antara kandungan menarik buku ini ialah memuatkan perkembangan khutbah menerusi peredaran zaman dan tamadun seperti khutbah di zaman Rom dan Yunan, di zaman Arab Jahiliah, di permulaan Islam, zaman Khulafā al-Rāshidīn, Kerajaan Umawiyah, Abbasiyah dan khutbah masa kini.¹⁴ Paparan maklumat di dalam buku ini dapat memberikan penyelidik gambaran sebenar khutbah di era-era tersebut dan mengenali identiti utama setiap khutbah.

¹³ Dr. Mustafā Murād (2002), *Rauḍah al-Khiṭabā, Dār al-Fajr Li al-Turath*, Kaherah, Mesir, h. 18

¹⁴ Antowan al-Qawwāl (1996), *Fann al-Khiṭābah, Dār al-'Ilm Li al-Malāyīn*, Beirut, Lubnan, h. 85-112

Penyelidik merujuk kepada buku ini untuk mendapatkan perbincangan berkenaan sejarah perkembangan khutbah Jumaat sejak ia mula disyariatkan di zaman Rasulullah S.A.W. hingga ke zaman ini. Dengan merujuk kepada buku ini penyelidik dapat memaparkan perubahan-perubahan dan peningkatan-peningkatan yang berlaku pada setiap era yang dilalui. Pengaruh-pengaruh yang menyebabkan perubahan-perubahan ini juga dikenalpasti melalui buku ini.¹⁵

6. Buku bertajuk '*Khutbah al-Jum'at wa Dawruhā fī Tarbiyah al-Ummah*' (Khutbah Jumaat dan Peranannya dalam Mendidik Ummah). Karya 'Abd al-Ghani Aḥmad Muḏhir, 2008. Buku ini dapat ditemui diruang laman web alminbar.al-islam.com/images/books/123.doc

Buku ini adalah di antara hasil kajian terbaik mengenai khutbah Jumaat. Ia merupakan kajian ilmiah mengenai ciri-ciri khutbah Jumaat, kelemahan dan kekurangan yang wajar diperbaiki, cara menghasilkan khutbah yang sempurna serta panduan dan saranan yang baik dalam menghasilkan khutbah yang berkualiti.¹⁶ Penulis memberi garis panduan yang jelas untuk menghasilkan khutbah yang benar-benar menepati identiti dan keperluan khutbah Jumaat. Beliau juga menggariskan beberapa keperluan awal dalam menyediakan sesebuah khutbah seperti pemilihan tajuk, memahami keperluan dan masalah semasa masyarakat. Beliau juga memuatkan beberapa perkara yang perlu dielakkan untuk memelihara keberkesanan khutbah Jumaat.¹⁷ Penyelidik merujuk kepada buku ini untuk menyusun pembentangan berkaitan

¹⁵ *Ibid*, h. 86-87

¹⁶ 'Abd al-Ghani Aḥmad Muḏhir (2008), *Khutbah al-Jum'at wa Dawruhā fī Tarbiyah al-Ummah*, h. 122-133

¹⁷ *Ibid*, h. 118-120

khutbah Jumaat secara umum, masalah-masalah dan kepincangan yang berlaku di dalam khutbah dan teori mengenai penyelesaiannya.

7. Buku bertajuk 'Khutbah Jumaat yang Berjaya dan Contoh-contohnya' tulisan Dr. Basri bin Ibrahim al-Azhari, 2003.

Buku ini membentangkan ciri-ciri khutbah yang berjaya dan beberapa contoh khutbah yang menepati ciri-ciri ini dari hasil karya penulis sendiri yang telah disampaikan di Masjid Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kuala Terengganu.¹⁸ Khutbah-khutbah yang dimuatkan di dalam buku ini amat baik untuk dijadikan contoh dan panduan dalam menghasilkan teks khutbah yang baik dan memberi impak yang berkesan. Antaranya khutbah bertajuk 'Peranan Masjid Yang Sebenar' dan 'Masjid dan Politik' yang dimuatkan di dalam buku ini.¹⁹ Sebagai satu rujukan yang bersifat tempatan penyelidik menjadikan buku ini sebagai rujukan tambahan dalam menilai teks-teks khutbah yang dikaji dan bahan perbandingan dalam membina dan menyusun pembentangan kajian.

Di samping merujuk kepada buku-buku di atas, penyelidik juga mendapatkan beberapa kajian lain dalam bentuk disertasi dan artikel yang membantu kajian ini. Hasil-hasil kajian dan tulisan ini disenaraikan di sini sebagai rujukan, antaranya ialah:

1. Disertasi bertajuk '*A Content Analysis Of Khutbah Jumaat*' oleh Ahmad Bin Ibrahim. Sebuah kajian bagi memenuhi keperluan Sarjana Pengurusan

¹⁸ Dr. Basri bin Ibrahim al-Azhari (2003) *Khutbah Jumaat yang Berjaya dan Contoh-contohnya*, Kuala Lumpur: Hidayah Publisher, h. 25.

¹⁹ *Ibid*, h. 155 & 169

Maklumat Fakulti Pengajian Maklumat, Universiti Teknologi MARA, pada tahun 2002.

Kajian ini menampilkan analisa tentang isi kandungan khutbah Jumaat dan kepentingannya dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Ia menjelaskan betapa pentingnya isi kandungan khutbah dapat diterima dan sampai kepada para jemaah dengan membentangkan beberapa contoh khutbah yang kemudiannya dianalisa untuk memaparkan tahap keberkesanan komunikasi di dalam khutbah Jumaat.

2. Sebuah kajian ilmiah bertajuk '*Manhaj fī I'idād Khutbah al-Jum'ah*' (Prinsip Dalam Penyediaan Khutbah Jumaat), tulisan Dr. Şoleh 'Abdullāh bin Muḥammad Humayd²⁰, 2008.

Kajian beliau ini berkisar tentang cara dan panduan dalam menyediakan khutbah Jumaat. Ia merupakan sebuah penulisan ilmiah mengenai khutbah Jumaat yang baik untuk dijadikan rujukan asas dalam kajian-kajian berkenaan persoalan ini. Antaranya beliau membentangkan pembentukan khutbah Jumaat yang kemas bermula dengan muqadimah, isi kandungan dan kesimpulan berserta penutupnya. Beliau juga menekankan persoalan fokus kepada sesuatu tajuk di samping memberi kadar panjang dan tempoh masa penyampaian sesebuah khutbah Jumaat yang ideal. Beliau menyifatkan bahawa khutbah yang baik mempunyai 3 ciri-ciri utama, iaitu fokus kepada topik perbahasan, kepelbagaian gaya

²⁰ Beliau merupakan Ketua Majlis Tertinggi Kehakiman Arab Saudi bermula Safar 1430H/Februari 2009M. Lihat <http://alminbar.al-islam.com/images/books/045.pdf>, 24 Julai 2009.

persembahan dan pendek tapi padat.²¹ Penyelidik mengambil banyak pandangan beliau di dalam buku ini untuk membentangkan perbincangan Bab Dua kajian ini.

3. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, dari Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1998 yang bertajuk ‘Komunikasi Tanpa Lisan Dan Implementasinya Dalam Khutbah Jumaat: Kajian Kes Di Masjid Al-Taqwa, Kg. Batu 38, Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan’²², hasil penyelidikan Zulkefli Bin Aini.

Kajian lapangan terhadap khutbah Jumaat ini memberi gambaran bahawa Khutbah Jumaat yang diproses dengan sempurna dan berkualiti akan dapat menjadi saluran komunikasi yang efektif kepada orang ramai khususnya umat Islam yang hadir mendengar khutbah. Reaksi para jemaah sewaktu mendengar khutbah dapat memberi gambaran tahap keberkesanan yang dicapai oleh sesebuah khutbah yang disampaikan.

4. Disertasi bertajuk ‘Khutbah Jumaat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Suatu Kajian Mengenai Isu-isu Akidah’, oleh Mohamad Zain Dolah (1999), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, bagi menyempurnakan ijazah peringkat Sarjana Usuluddin.

Kajian beliau lebih tertumpu kepada isi kandungan khutbah dan perkara-perkara yang berkaitan dengan persoalan dan isu-isu akidah yang pernah disampaikan melalui khutbah Jumaat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penyelidik menjadikan kajian ini sebagai

²¹ Soleh ‘Abdullāh bin Muḥammad Humayd (2008), *Manhaj fī I’idād Khutbah al-Jum’ah*, h. 21-22

²² Desertasi ini boleh ditemui di Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM no. disertasi BP183.6.Z848 1998.

rujukan ketika mengenalpasti kekuatan dan kelemahan teks khutbah JAWI kerana bahan kajian beliau adalah bahan yang sama dikaji oleh penyelidik.

5. Disertasi Sarjana Usuluddin yang bertajuk, 'Penggunaan Hadith-Hadith Da'if Dalam Khutbah Jumaat: Suatu Kajian Terhadap Khutbah Jumaat Terbitan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)', Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.oleh Jamaluddin Abdul Wahab (2006).

Dalam disertasi ini penyelidik memfokuskan kajian pada teks khutbah bagi mengenalpasti hadith-hadith dai'f yang dimuatkan dan dijadikan dalil dalam penulisan teks khutbah yang diterbitkan oleh JAIS. Beliau selanjutnya memberi penjelasan tentang status hadith-hadith tersebut dan membuat saranan kepada semua badan yang berkaitan agar mengelak penggunaan hadith-hadith da'if dalam penulisan khutbah. Penyelidik mengambil manfaat dari kajian ini tentang keperluan memastikan kesahihan hadith dan dalil-dalil yang dimuatkan di dalam teks khutbah Jumaat.

6. Kajian bertajuk, 'Faktor Ketidakberkesanan Khutbah Jumaat Di Kalangan Jemaah di Masjid Universiti Darul Iman (UDM), Kampus KUSZA',²³ oleh Wan Jamiluddin bin Wan Ibrahim.

Kajian ini memaparkan hasil tinjauan mengenai tahap kefahaman dan penghayatan para jemaah di masjid ini dan mengenalpasti faktor-faktor ketidakberkesanan khutbah Jumaat. Di

²³ Kajian ini boleh didapati di [http://www.scribd.com/doc/9665401/Faktor Ketidakterkesanan-Khutbah-Jumaat](http://www.scribd.com/doc/9665401/Faktor-Ketidakterkesanan-Khutbah-Jumaat), 26 Julai 2009.

samping itu, beliau turut menyenaraikan langkah-langkah yang wajar dilakukan bagi meningkatkan tahap keberkesanan khutbah di kalangan jemaah yang hadir. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah temubual dengan lima orang jemaah solat Jumaat yang diambil secara rawak dari pelbagai latarbelakang dan usia. Penyelidik merumuskan bahawa khutbah Jumaat perlu dikaji dan diperbaiki dari semasa ke semasa kerana peranannya yang besar kepada umat Islam. Beliau menjadikan kaedah menemubual beberapa responden yang digunakan di dalam kajian ini sebagai salah satu metode disertasi ini.

7. Kajian bertajuk, '*Uslūb Khutbah al-Jumu'ah*' (Tatacara Penyediaan Khutbah Jumaat), oleh 'Abd Allāh bin Daifullāh al-Ruhaylī, disiarkan oleh www.al-islam.com pada 10 Mei 2008.²⁴

Kajian menjelaskan tentang uslub sebenar khutbah Jumaat dan kepentingan melaksanakannya. Pengkaji memaparkan bukti kepentingan peranan uslub khutbah Jumaat melalui ciri-ciri khutbah Jumaat itu sendiri. Antaranya ciri kefardhuan menghadirinya, waktu dan jadual perlaksanaannya, kedudukan khatib di atas mimbar, kewajipan dengar dan diam tanpa bersuara serta beberapa ciri lain yang menggambarkan ketinggian martabat khutbah Jumaat. Selanjutnya pengkaji menyarankan agar setiap khutbah perlu merujuk kepada uslub khutbah Nabi SAW bagi memastikan keberkesannya. Beliau juga memuatkan panduan yang diberikan oleh Imam Al-Ghazali mengenai uslub khutbah Jumaat. Di akhir kajian ini penyelidik melampirkan beberapa saranan terhadap khutbah Jumaat yang telah diputuskan di Mukhtamar Risalah Masjid anjuran Rābitah al-'Aālam al-Islāmi yang telah berlangsung pada 15 hingga 20 Ramadan 1395H di Mekah al-Mukarramah.

²⁴ Lihat <http://www.islamhouse.com/p/142651>, 26 Julai 2009.

8. Kajian bertajuk, 'Analisis Khutbah Dalam Keberkesanan Komunikasi', oleh Saphibi Wangoh.²⁵

Kajian ini memaparkan gambaran tentang khutbah secara menyeluruh. Pengkaji menerangkan peranan khutbah sebagai media dakwah dan keutamaannya. Beliau juga menyenaraikan jenis-jenis dakwah yang dapat diaplikasikan di dalam khutbah. Di samping menekankan peranan khutbah yang perlu dilaksanakan, beliau turut membentangkan faktor-faktor yang membantu keberkesanan khutbah yang disampaikan. Penyelidik merujuk dan mengambil maklumat hasil analisis beliau dalam kajian ini yang menjelaskan faktor-faktor yang membantu keberkesanan khutbah.

9. Artikel bertajuk, 'Manfaatkan Khutbah Jumaat', tulisan Abd Rashid bin Abd Halim, Pensyarah UniKL-Malaysian Spanish Institute Kulim Kedah.²⁶

Artikel ini telah disiarkan di Berita Harian pada 22 Mei 2009 dengan tajuk; 'Pengisian, Teknik Sampai Khutbah Perlu Berkesan Pikat Jemaah'. Penulis membentangkan beberapa aspek yang menyebabkan Khutbah Jumaat tidak berkesan dan gagal menarik perhatian jemaah. Beliau turut menyarankan agar Khutbah Jumaat perlu selari dengan permasalahan semasa umat Islam dan menyalurkan pandangan Islam terhadapnya di samping tidak mengabaikan kepentingan peranan dan gaya penyampaian khatib yang menyampaikan khutbah.

²⁵ Sumber: <http://www.scribd.com/doc/6503792/Analisis-Khutbah-Dalam-Keberkesanan-Komunikasi>, 26 Julai 2009.

²⁶ Sumber: <http://www.scribd.com/doc/15709691/Manfaatkan-Khutbah-Jumaat>, 26 Julai 2009.

10. Artikel bertajuk, '*Makānah Khuṭbah al-Jumu'ah Fī al-Islām*' (Kedudukan Khutbah Jumaat di dalam Islam, oleh Dr. Muḥammad bin 'Adnān al-Simān.²⁷

Sebuah artikel yang padat dengan maklumat berserta dalil-dalil dalam membentangkan ketinggian martabat Khutbah Jumaah di sisi Islam. Penulis juga menerangkan tentang tujuan-tujuan utama pensyariatan khutbah Jumaat dan faktor-faktor yang menyebabkan Khutbah Jumaat diberi kedudukan yang tinggi di dalam Islam. Kesimpulan yang dibuat oleh penulis menyatakan bahawa di atas kedudukan yang utama dan martabat yang tinggi yang diberikan, khutbah Jumaat wajar diberi perhatian khusus dan disempurnakan sebaiknya demi mencapai matlamat pernsyariatannya kepada umat Islam.

1.6 Metodologi Kajian

Sewajarnya dinyatakan di sini bahawa penggunaan perkataan 'penyelidikan' dan 'kajian' di dalam disertasi ini tidak dibezakan pengertiannya dan maksud penggunaannya walaupun ada sesetengah penulis membezakannya. Ada pendapat menyatakan bahawa 'penyelidikan' sebagai kajian yang datanya dibentuk sendiri dengan kaedah pengumpulan yang dirancang, manakala 'kajian' pula merujuk kepada hasil kajian yang memanipulasi data yang sedia ada.²⁸ Meskipun begitu, penggunaan kedua-dua istilah ini dalam pembentangan kajian ini akan membawa maksud dan pengertian yang sama.

²⁷ Lihat <http://www.aahlalheeth.com/vb/showthread.php?t=174032>, 30 Julai 2009.

²⁸ Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*, Kuala Lumpur, Kamil & Shakir Sdn. Bhd, hal. 7.

Istilah metodologi membawa pengertian sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya²⁹. Dengan istilah yang lain ia boleh difahami sebagai cara atau kaedah dalam melakukan sesuatu. Pemilihan dan penggunaan metode yang betul dan sesuai bagi sesuatu kajian akan menghasilkan sebuah kajian yang dapat diterima dan tidak dipertikaikan kebenarannya. Maka setiap penyelidik perlu menggariskan metode-metode yang akan diguna pakai di dalam kajiannya.

Di dalam kajian yang bertajuk '**Teks Khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan : Kajian Tentang Metode dan Cabaran Penyediaannya**' ini, beberapa metode telah dikenal pasti dan diputuskan sebagai aplikasi bagi memenuhi tuntutan kajian. Metode-metode ini dijangka dapat memenuhi keperluan dan menyempurnakan kajian penyelidikan ini. Berikut adalah metode-metode yang telah dipilih untuk dijadikan garis panduan bagi disertasi ini, iaitu :

1.6.1 Metode Pengumpulan Data

Sebagaimana dimaklumi metode pengumpulan data adalah usaha awal bagi menghimpun maklumat yang berkaitan dengan kajian untuk dijadikan bahan rujukan, analisa dan penyelidikan.³⁰ Di dalam disertasi ini penyelidik telah mengumpul data sebagai asas keperluan kajian dengan menghimpun kumpulan data yang diperlukan. Untuk kajian ini data-data yang dikumpulkan terdiri daripada memo, surat, borang, rajah, rakaman suara, carta, manual, kertas kerja, bahan-bahan kursus dan seminar, koleksi teks khutbah dan sebagainya.

²⁹ *Kamus Dewan* (2007), *op.cit.*, h. 1030.

³⁰ Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 63 – 64.

Untuk memberi gambaran yang lebih jelas, di sini dibentangkan sumber-sumber yang membantu proses dan metode pengumpulan data. Perolehan data melalui metode ini lazimnya dapat diperolehi melalui dua sumber, iaitu :

i) Data Kajian Perpustakaan

Data kajian perpustakaan yang digunakan sebagai asas kepada kajian ini juga dikenali sebagai metode dokumentari. Kedua-dua istilah ini dimaksudkan sebagai sesuatu benda bertulis yang dapat memberi pelbagai keterangan. Selain buku, benda-benda bertulis tersebut termasuklah gambar, kumpulan hukum, peraturan, keputusan, peradilan dan seumpamanya.³¹ Ia juga termasuk laporan-laporan dari jabatan kerajaan, badan berkanun, syarikat, persatuan dan seumpamanya.

Di samping itu, data dan maklumat ini juga diperolehi melalui kertas kerja seminar, rujukan fail dan borang-borang maklumat hasil kerja. Dalam usaha memperoleh sumber maklumat tambahan, rujukan kepada laman-laman web di *internet* turut dibuat bagi mengukuhkan maklumat dan data yang diperolehi. Dalam disertasi ini, metode pengumpulan data kajian perpustakaan ini digunakan pada Bab Satu, Bab Dua dan sebahagian dari Bab Tiga.

ii) Data kajian lapangan

Dalam kajian ini kaedah utama pengumpulan data dibuat secara langsung dari lokasi sumber data yang merupakan lapangan atau medan kajian, merangkumi beberapa metode seperti berikut :

³¹ *Ibid.*, h. 55.

- a) Metode temubual (*interview*). Metode ini digunakan oleh seseorang untuk sesuatu tujuan atau bagi mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seorang responden. Metode ini dilakukan dengan bercakap dan bersoal jawab secara bersemuka dengan responden. Manakala responden pula ialah orang yang menjadi subjek penyelidikan.³²

Proses temubual yang dilakukan penyelidik untuk menyempurnakan disertasi ini berjalan dalam tempoh 3 tahun bermula Januari 2009 hingga Disember 2011. Ia bermula ketika penyelidik mula merancang untuk membuat kajian di lapangan ini pada awal Januari 2009. Ketika itu penyelidik bertemu dengan Tuan Haji Hashim bin Salleh, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Kariah untuk menyatakan hasrat menyambung pengajian di peringkat sarjana dan menjadikan Cawangan Khutbah JAWI sebagai medan kajian³³. Beliau memberi galakan agar kajian ini dimulakan segera dan mencadangkan agar penyelidik mengatur pertemuan dengan Ketua Cawangan Khutbah untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang dapat membantu dan menyiapkan kajian. Susulan dari pertemuan ini, penyelidik mula menyusun jadual pertemuan dan senarai responden yang diyakini dapat memberikan maklumat yang diperlukan. Mereka adalah pegawai dan kakitangan terlibat secara langsung di dalam kerja penyediaan teks khutbah ini. Penyelidik selanjutnya bertemu dengan Ketua Cawangan Khutbah yang bernaung di Bahagian Pengurusan Kariah JAWI, Encik Khairul Asyraf bin Ahmad untuk mendapatkan gambaran awal secara umum tentang proses penyediaan khutbah di sini.³⁴ Setelah

³² Koentjaraningrat (1983), *Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: P. T. Gramedia, h. 162.

³³ Pertemuan dengan responden dibuat di pejabat beliau di Aras 1, Kompleks Pusat Islam, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan pada 19 Januari 2009

³⁴ Temubual dengan responden di pejabat beliau di Aras 1, Kompleks Pusat Islam, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan pada 3 Februari 2009

memberi penjelasan dan gambaran tentang aliran proses penyediaan khutbah yang dilaksanakan di JAWI, beliau mencadangkan akan penyelidik turut menemubual beberapa individu yang bertanggungjawab di setiap peringkat kerja-kerja penyediaan khutbah ini. Mereka yang dinyatakan ini merupakan responden utama untuk ditemubual bagi mendapatkan keterangan dan maklumat yang tepat berkaitan kajian. Penyelidik menyusun jadual pertemuan dengan mereka yang berkenaan mengikut aliran carta kerja yang disusun peringkat demi peringkat. Misalnya mereka yang merangka tajuk dan sinopsis khutbah adalah di antara individu yang mula ditemubual sebelum penyelidik menemui kakitangan yang bertanggungjawab menaip dan mengemaskini teks-teks khutbah. Sesuai dengan cara temubual dilakukan peringkat demi peringkat, maka soalan-soalan yang disediakan oleh penyelidik juga adalah berkaitan dan bersesuaian dengan setiap peringkat tersebut. Semua soalan dan perbincangan dengan responden adalah berkaitan sistem yang diguna pakai di cawangan Khutbah JAWI, kaedah perlaksanaannya, panduan dan rujukan dalam pelaksanaan metode dan sejauh mana keberkesannya menurut hasil pengamatan dan pengalaman mereka.

Dalam tempoh masa yang sama, penyelidik turut menemubual panel penulis dan penyemak khutbah yang terlibat di dalam proses penyediaan teks khutbah ini. Temubual ini telah mengumpul perkongsian maklumat, pandangan, komenter dan saranan yang memberi gambaran dan situasi sistem yang dijalankan. Soalan-soalan di dalam sesi temubual disusun mengikut kesesuaian individu yang terlibat di setiap peringkat dan bahagian proses penyediaan khutbah bagi menjamin perolehan maklumat yang diperlukan di samping kesinambungan data yang diperolehi. Tempoh masa temubual bagi setiap sesi adalah di antara 30 hingga 45 minit. Ada di kalangan responden yang ditemubual lebih dari sekali kerana keperluan penyelidik mendapatkan maklumat dari semasa ke semasa daripada mereka. Proses *interview* yang berlaku

sepanjang tempoh tiga tahun ini berjalan lancar hasil kerjasama yang baik dari semua pihak yang terlibat. Ini adalah kerana penyelidik adalah salah seorang pegawai JAWI yang bekerja bersama mereka di bawah satu jabatan. Kelebihan inilah yang diguna oleh penyelidik dengan sebaiknya untuk menyempurnakan metode temubual dalam kajian ini. Selanjutnya butiran maklumat yang diperolehi dari semua sesi temubual ini dicatat di dalam satu buku nota khas untuk kajian ini. Ada kalanya penyelidik merakam butiran perbualan secara langsung menggunakan aplikasi perakam suara yang telah sedia ada di dalam telefon bimbit penyelidik. Kaedah temubual ini telah dilakukan dengan baik dan berjaya mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam kajian ini.

Setelah itu, maklumat dan keterangan hasil temubual yang diperolehi dikumpulkan untuk dianalisis. Proses pengumpulan data ini disusuli dengan proses menganalisis dan membuat perbandingan terhadap data-data yang diperolehi dengan fakta sedia ada yang terkumpul menerusi kajian perpustakaan. Penjelasan dan pembentangan fakta-fakta ini dimuatkan dan dibahaskan di dalam Bab Tiga dan Bab Empat disertasi ini.

- b) Metode pemerhatian. (*Observasi*) Metode ini membantu penyelidik untuk memastikan segala maklumat dan keterangan yang dikumpul dapat diperakui bahawa ia wujud dan benar. Metode ini diterjemahkan sebagai satu cara mudah untuk mendapatkan sejumlah data dengan melakukan pemerhatian terhadap objek yang dikaji.³⁵ Sekiranya kaedah ini digunakan dengan cermat dan teratur, ia merupakan salah satu daripada cara melakukan penyelidikan ilmiah.³⁶ Kaedah

³⁵ J. Supranto (1986), *Kaedah Penyelidikan: Penggunaannya Dalam Pemasaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 67 – 68.

³⁶ Koentjaraningrat, *op. cit*, h. 137.

pemerhatian yang dilakukan penyelidik di dalam kajian ini dapat dibahagikan kepada 2 bahagian, iaitu:

- i. Pemerhatian Luaran
- ii. Pemerhatian Dalaman

Pemerhatian Luaran yang dimaksudkan di sini adalah pemerhatian yang dilakukan sebelum penyelidik terlibat secara langsung dengan kerja-kerja penyediaan khutbah di Cawangan Khutbah JAWI. Ia berlaku hasil dorongan minat dan keprihatinan penyelidik terhadap khutbah dan bermula sejak menjawat tugas sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam (Imam) lantikan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada Ogos 2006. Ia berlanjutan selama setahun sebelum penyelidik dilantik sebagai panel penyemak teks khutbah JAWI pada September. Pemerhatian secara luaran ini dilakukan dengan memantau proses penyediaan dan menyemak semua teks yang diterbitkan oleh JAWI ketika itu secara sendirian. Pada tahun 2007, penyelidik juga seringkali berbincang dan memberi cadangan kepada Ketua Cawangan Khutbah JAWI pada ketika itu apabila terdapat kesilapan pada teks khutbah,³⁷ Penyelidik juga pernah mengikuti Bengkel Penyediaan Teks Khutbah Jumaat yang dianjurkan cawangan ini pada tahun yang sama.³⁸ Hasil pemerhatian luaran selama setahun ini telah menimbulkan keinginan yang kuat di dalam diri penyelidik untuk terlibat secara langsung dan membuat kajian di dalam proses penyediaan khutbah ini.

Manakala Pemerhatian Dalaman pula bermaksud pemerhatian yang dibuat setelah penyelidik terlibat secara langsung dengan proses penyediaan khutbah. Ia adalah pemerhatian secara langsung yang dilakukan di lokasi kajian iaitu Cawangan Khutbah JAWI. Pemerhatian

³⁷ Ketua Cawangan Khutbah pada ketika itu ialah Encik Mohd Fairud bin Saderi yang kini bertugas di Bahagian Penyelidikan JAWI. Penyelidik sering berbincang dan bertukar pandangan dengan beliau pada tempoh antara Januari – Ogos 2007

³⁸ Bengkel ini diadakan di Selesa Resort, Bukit Tinggi, Bentong, Pahang pada 21-27 April 2007

ini meliputi aktiviti-aktiviti taklimat, mesyuarat, perbincangan, bengkel, kursus, arahan dan kerja-kerja yang berlaku di lokasi penyelidikan. Pemerhatian telah mula dijalankan sejak timbul keinginan penyelidik untuk membuat penyelidikan berkaitan perkara ini iaitu bermula sekitar Januari 2008 dan terus dijalankan sehingga Disember 2011. Ini bermakna proses pemerhatian dalaman ini berjalan sepanjang 4 tahun. Tambahan pula, proses ini dibantu dengan penglibatan penyelidik sebagai salah seorang Panel Penyemak Khutbah JAWI telah memberi ruang dan peluang kepada penyelidik untuk melaksanakan kaedah pemerhatian dalaman ini dengan baik.

Proses metode pemerhatian ini dilakukan secara bertulis dan catatan di dalam buku nota khas untuk kajian ini. Apa sahaja maklumat yang diperolehi dan diperlukan untuk kajian ini, seperti cara pelaksanaan sesuatu manual kerja, pemilihan dan pembahagian tajuk-tajuk khutbah dan perjalanan proses semakan, penyelidik akan merekodkannya ke dalam buku tersebut. Pemerhatian dijalankan oleh penyelidik dengan turut sama menyertai program-program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh cawangan ini. Antara aktiviti yang pernah penyelidik sertai di samping menghadiri mesyuarat semakan khutbah JAWI setiap bulan ialah Bengkel Pemantapan Khutbah JAWI 2010,³⁹ Kursus Pemantapan Penulisan Teks Khutbah JAWI 2011⁴⁰ dan Bengkel Pemantapan Penulisan Teks Khutbah JAWI 2012⁴¹. Selain merekod dengan catatan, penyelidik juga menyalin hasil-hasil dapatan bengkel, kursus dan mesyuarat yang melibatkan perjalanan proses penyediaan khutbah di cawangan ini. Dengan memperuntukkan tempoh masa pemerhatian secara luaran dan dalaman selama 5 tahun ini, penyelidik yakin dan mampu menjalankan kajian disertasi ini dengan baik dan sempurna.

³⁹ Bengkel 3 hari 2 malam ini diadakan pada 15-17 Disember 2009 di Bayu Beach Resort, Port Dickson

⁴⁰ Bengkel ini dijayakan pada 27-29 Julai 2010 di Masjid Al-Ghufran Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur

⁴¹ Bengkel ini pula dibuat pada 18-20 Oktober 2011 di Mahkota Hotel, Bandar Hilir Melaka

1.6.2 Metode analisa data.

Metode ini adalah kerja susulan dari hasil yang terkumpul melalui metode pertama, metode pengumpulan data. Dengan adanya sejumlah data-data terkumpul yang diperolehi melalui kaedah-kaedah tersebut, barulah data tersebut dapat dianalisis melalui metode penganalisaan. Dalam penyelidikan ini analisis data dibuat melalui metode-metode berikut :

- a) **Metode induktif** : bermaksud pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum.⁴² Data yang diperolehi tersebut disimpulkan dalam bentuk huraian umum. Ini adalah proses mula dalam kaedah analisis yang perlu dibuat bagi mendapat gambaran umum dari pelbagai sudut tentang fokus kajian. Huraian bentuk umum tersebut dalam mengaplikasikan metode ini dimuatkan di dalam Bab Dua dan Bab Tiga. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan metode ini dalam membentuk teori-teori asas pembentangan. Di dalam Bab Dua penyelidik merujuk dan meneliti 5 rujukan asas sebelum membuat kesimpulan dalam membentangkan teori tentang definisi, sejarah, syarat, rukun dan jenis khutbah Jumaat. Di dalam Bab Tiga pula penyelidik membentangkan tentang Cawangan Khutbah JAWI dan teks khutbah Jumaat JAWI secara umum menggunakan metode ini setelah data diperolehi dari sumber-sumber yang dipilih.

⁴² Imam Barnadib (1982), *Erti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbit FIP-IKIP, h. 52 – 53.

- b) **Metode deduktif** : bermaksud pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil umum terhadap hal-hal yang bersifat khusus.⁴³ Ini adalah proses susulan dari proses mula di atas. Satu usaha penelitian dan saringan data bagi mengenalpasti data-data yang bakal dibawa sebagai asas di dalam kajian penyelidikan. Huraian tersebut terdapat dalam Bab Dua, Bab Tiga dan Bab Empat. Di dalam Bab Dua penyelidik menggunakan metode ini ketika membahaskan tentang penyediaan teks khutbah Jumaat secara tradisi dan metode penyediaannya di negara-negara Timur Tengah. Manakala pada Bab Tiga metode ini digunakan dalam menghasilkan pembentangan tentang identiti dan ciri-ciri teks khutbah Jumaat JAWI. Di dalam Bab Empat penyelidik membentangkan aliran proses penyediaan khutbah Jumaat di Cawangan Khutbah JAWI menggunakan metode ini.
- c) **Metode komparatif**: bermaksud sesuatu kesimpulan yang dibuat berdasarkan data-data yang diperolehi melalui perbandingan di antara kedua-dua data deduktif dan induktif.⁴⁴ Metode ini terdapat dalam Bab Dua, Bab Tiga dan Bab Empat. Secara umumnya metode ini merupakan kesimpulan dan hasil kajian yang diperolehi dan dicapai oleh penyelidik. Menurut kebiasaan amalan kajian ilmiah, metode komparatif ini dibentangkan di penghujung sesuatu pembentangan. Justeru, penyelidik juga menggunakan cara yang sama ketika menggunakan metode ini.

⁴³ *Ibid.*, h. 52.

⁴⁴ *Ibid.*

1.6.3 Metode Kajian Teks

Seperkara lagi yang perlu dinyatakan di sini adalah kajian disertasi ini juga berbentuk kajian tekstual. Ini adalah kerana disertasi ini juga menjadikan teks khutbah Jumaat JAWI sebagai bahan dan fokus kajian. Kajian tekstual ialah kajian yang berasaskan teks yang boleh dikategorikan kepada analisis teks, suntingan teks, alih bahasa, perbandingan, dan intertekstualiti.⁴⁵ Namun dalam disertasi ini, penyelidik hanya menggunakan metode kajian tekstual ini dalam bentuk menganalisis teks untuk mengenalpasti kecenderungan dan fokus teks khutbah Jumaat yang diterbitkan oleh JAWI.

Metode kajian tekstual ini digunakan penyelidik dalam membuat analisis terhadap isi kandungan teks-teks khutbah Jumaat JAWI. Analisis ini akan memaparkan pembahagian kategori dan kecenderungan teks-teks tersebut. Ia berdasarkan kepada apa yang termuat di dalam teks-teks yang ditulis sepanjang 3 tahun bermula Januari 2009 hingga Disember 2011. Metode kajian tekstual ini diaplikasikan secara khusus di dalam Bab Tiga ketika penyelidik membahaskan secara terperinci tentang teks khutbah Jumaat JAWI.

Dengan menggunakan tiga jenis metode yang dinyatakan di atas di dalam menyempurnakan kajian ini, diharapkan agar hasil yang diperolehi nanti dapat mencapai objektif-objektif kajian yang disasarkan dan tidak dipertikaikan kesahihannya.

⁴⁵ Idris Awang, (2009), *op.cit.* h. 34-35.

BAB DUA

KHUTBAH JUMAAT: TEKS DAN METODE PENYEDIAAN

2.1 Pengertian Khutbah

Perkataan ‘khutbah’ adalah kalimah yang berasal dari Bahasa Arab, dari kata dasarnya *khaṭaba, yakḥṭubu, khuṭbatan* (*خَطَبَ - يَخْطُبُ - خُطْبَةٌ*). Ia membawa maksud mengemukakan pertuturan kepada orang lain untuk tujuan memahamkannya.⁴⁶ Di sudut istilah pula khutbah bererti perkataan yang disusun oleh seseorang untuk diucapkan di depan khalayak ramai bagi memberi kefahaman kepada mereka.⁴⁷ Di dalam Bahasa Melayu khutbah dapat difahami sebagai pidato atau syarahan yang mengandungi ajaran atau nasihat keagamaan.⁴⁸

2.2 Sejarah Perkembangan Khutbah

Khutbah telah wujud sejak zaman awal peradaban manusia kerana ia adalah suatu perkara yang dapat memenuhi tuntutan bersatu dan membentuk perpaduan dalam kehidupan manusia. Khutbah terbukti dapat menghimpunkan sekelompok manusia yang bersatu fikrah lalu bertindak sebagai media yang dapat memandu dan memimpin mereka ke satu hala tuju atau tindakan yang tertentu dalam kehidupan.⁴⁹

⁴⁶ Dr. Mustafā Murād (2002), *Rawḍah al-Khuṭabā'*, Kaheerah: Dār al-Fajr Li al-Turāth, h. 12.

⁴⁷ Takrif khutbah daripada ‘Amīm al-Ihsān al-Majdi. Rujuk *al-Khiṭāba' wa I'dad al-Khaṭīb*, Dr Tawfiq al-Wā'ī (1999), al-Manṣūrah Mesir: Dār al-Yaqīn, h.12.

⁴⁸ *Kamus Dewan* (2007), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, , Edisi 4, h. 784.

⁴⁹ Dr. Tawfiq al-Wā'ī (1999) *op.cit*, h.16.

Para penyelidik sejarah tamadun manusia mengatakan bahawa ilmu berkenaan khutbah mula dikesan di zaman peradaban Yunan. Mereka dikenalpasti sebagai bangsa pertama yang menyusun ilmu ini dan meletakkan kaedah dan garis panduan mengenainya. Faktor yang menyumbang kepada perkembangan ilmu ini di kalangan mereka adalah sikap dan layanan baik pemimpin terhadap mereka yang mahir berpidato di samping kedudukan istimewa yang dianugerahkan oleh kerajaan Yunan di Athen pada waktu itu kepada golongan ini. Jawatan tinggi di dalam kerajaan banyak disandang oleh pemedato-pemidato yang hebat. Panglima angkatan tentera yang berkuasa menentukan bulan peperangan dan perjanjian perdamaian juga dilantik dari kalangan mereka. Kenyataannya, mereka yang memiliki kepetahan berbicara dan kemahiran berpidato mendapat kedudukan dan pangkat yang tinggi di dalam masyarakat Yunan di zaman itu.⁵⁰

Setelah zaman itu muncul sasterawan Itali yang masyhur, Ariosto⁵¹. Beliau mula menyusun kaedah ilmu pidato dan menulis buku mengenainya. Hasil tulisannya ini telah diterima sebagai bahan rujukan oleh para penyelidik selepasnya. Di zaman kerajaan Rom pula ilmu khutbah telah berkembang pesat sejajar dengan keperluan pemerintahan dan sosio-budaya masyarakat ketika itu.⁵² Terdapat juga sekolah-sekolah yang dibangunkan khas untuk anak-anak para bangsawan dan hartawan di kalangan mereka yang khusus mengajarkan anak-anak ini ilmu pidato dan cabang-cabang seninya.⁵³

Pada zaman Jahiliah Arab, khutbah amat masyhur dan dijadikan sebagai satu acara penting di dalam sesuatu keraian dan pertemuan masyarakat. Di atas keistimewaan ini, setiap

⁵⁰ *Ibid*, h.16-17.

⁵¹ Nama sebenarnya Ludovico Ariosto. (1474 –1533). Kelahiran Reggio Emilia, Italy. <http://www.kirjasto.sci.fi/ariosto.htm>,. 8 Januari 2010.

⁵² Dr. Tawfiq al-Wā'ī (1999) *op.cit*, h. 18.

⁵³ Muhammad Abu Zahrah (1934) *Al-Khaṭābah: Usūluha- Tārīkhuhā*, Kaerah: Dār al-Fikr al-‘Arabiy, h. 11.

kabilah dan suku bangsa Arab mempunyai khatib⁵⁴ masing-masing di samping para penyair kabilah. Meskipun khutbah tidak mendapat publisiti yang hebat dan meluas berbanding syair, namun terdapat juga khutbah yang ditulis, dihafal dan diulang-ulang ungkapannya kerana keindahan bahasa dan kekuatan isi kandungannya. Di zaman itu khutbah lebih berperanan untuk membangkitkan semangat para perajurit agar gagah berjuang di medan perang. Khutbah juga berperanan sebagai wasilah perdamaian dalam menyelesaikan perbalahan dan persengketaan antara dua puak yang bertelagah. Di atas tuntunan ini, setiap kabilah akan memilih seorang khatib yang paling petah dan handal berpidato sebagai wakil mereka. Pertandingan dalam merebut jawatan khatib ini juga kerap dilakukan bagi memilih yang terbaik dari kalangan mereka. Mereka juga memerlukan khatib yang baik ketika menghantar utusan perwakilan kabilah menghadap raja-raja yang berkuasa di zaman itu.⁵⁵

Antara nama-nama khatib yang terkenal disebut para sejarawan ialah Qays Ibnu Sādāt, seorang yang kekal menganut agama *hanif* (yang lurus dan mentauhidkan Allah), ajaran Nabi Ibrahim dan Ismail di zaman itu. Dia banyak menyeru umat Arab kepada Tuhan yang Esa dan meninggalkan penyembahan berhala. Seorang tokoh lagi bernama Aktham bin Sayf yang terkenal kerana khutbahnya yang singkat, padat dan tepat. Dia pernah menjadi utusan kaumnya bagi menghadap Raja Parsi dan Raja Kisra sehingga berjaya menarik perhatian dan menimbulkan rasa kagum raja tersebut dengan khutbahnya. Setelah kedatangan Islam dia memeluk agama tauhid ini dan dengan kelebihan sebagai khatib yang hebat dia berupaya menyeru ramai di kalangan sahabat-sahabatnya kepada Islam.⁵⁶

⁵⁴ Kalimat Arab yang bermaksud pembaca atau penyampai khutbah. Lihat *Kamus Dewan* (2007) *op.cit*, h. 782.

⁵⁵ Muḥammad Nashirudin (2002), *Pembahasan Mengenai Khutbah Juma'at*, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, h. 34-35.

⁵⁶ *Ibid* h. 39-41.

Setelah kedatangan Islam, khutbah menjadi salah satu metode dakwah yang penting. Selari dengan kewajipan dan sifat *tabligh*⁵⁷ pada peribadi para Rasul, khutbah memainkan peranan utama dalam usaha menyeru manusia kepada keimanan terhadap Allah, tuhan yang esa. Ia juga merupakan di antara tugas utama mereka dalam menyampaikan risalah Allah dan menyeru manusia untuk menyembah-Nya, mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala tegahan-Nya bagi menjamin kesejahteraan kehidupan manusia. Jika disuluh kepada isi kandungan khutbah Rasulullah SAW, ia meliputi perbahasan akidah, ibadah, akhlak dan panduan cara hidup bermasyarakat. Sesuai dengan kedatangan baginda membawa ajaran baru dalam semua aspek kehidupan di dalam dunia Arab khususnya, baginda merupakan seorang khatib yang fasih, mampu menghuraikan permasalahan dengan jelas, bijak berbahas dan berhujah di samping sentiasa dipandu oleh wahyu Allah SWT. Kekuatan inilah yang mampu merubah agama, sosio budaya, pemikiran dan budaya masyarakat Arab Jahiliah ketika itu. Ini adalah di antara mukjizat dan keperluan dakwah baginda di zaman itu dalam menghadapi kaum Arab yang terkenal dengan ketinggian nilai kesasterawanan dan kemahiran berpidato yang mereka kuasai.⁵⁸

2.3 Perkembangan Khutbah Di Era Islam

Tidak dapat dinafikan bahawa khutbah juga adalah satu kaedah utama di dalam pendidikan dan penyebaran maklumat sejak dari zaman permulaan kemunculan Islam, seterusnya di zaman *Khulafā' al-Rāsyidīn* selepas Rasulullah SAW dan para khalifah di zaman selepas mereka sama ada dari Kerajaan Umayyah dan Abasiyah. Para pemimpinnya telah

⁵⁷ Perbuatan menyampaikan perintah Allah kepada yang tidak mengetahui atau memberi peringatan kepada mereka yang mengetahui, sifat wajib yang ketiga bagi Rasulullah SAW. Lihat *Kamus Dewan* (2007) *op.cit*, h. 782.

⁵⁸ Muḥammad Abu Zahrah (1934) *op.cit*, h. 200-201.

menggunakan khutbah sebagai saluran utama di dalam memberi mandat kepada kaum muslimin.⁵⁹

Di zaman awal kemunculan Islam dan di zaman pemerintahan Khulafa al-Rasyidin, khutbah diangkat sebagai satu keperluan pentadbiran yang diberi perhatian serius. Ini selaras dengan keperluan di zaman tersebut dalam usaha membentuk struktur sebuah masyarakat Islam yang ampuh. Khutbah berperanan besar di semua aspek pentadbiran kehidupan umat Islam sama ada di bidang agama, dakwah, siasah, kemasyarakatan dan ketenteraan. Dalam situasi ini, khutbah telah mencapai tahap perkembangan yang begitu pesat kerana ia merupakan medium utama Dakwah Islamiah di Semenanjung Tanah Arab ketika itu yang dihuni oleh majoriti penduduk yang buta huruf. Justeru, khutbah yang menarik dan berkesan adalah satu-satunya jalan dakwah yang terbaik di zaman ini dalam usaha mengenalkan bangsa Arab kepada agama Islam. Khutbah juga dapat memenuhi tuntutan tradisi mereka yang sering datang secara rombongan untuk mengetahui tentang Islam. Di antara ciri-ciri khutbah di zaman ini adalah :⁶⁰

- i. Bersifat tenang dan sentiasa mengajak manusia berfikir tentang kehidupan
- ii. Gaya bahasanya indah kerana telah disulami dengan petikan ayat-ayat Al-Quran
- iii. Sering mengguna perumpamaan berhikmah bersumberkan ajaran Islam
- iv. Kadangkala khutbah menggunakan bahasa yang keras dan ancaman bagi menyelesaikan masalah perbalahan atau peperangan antara kaum.

Menurut penyusun kitab *Nahj al-Balāghah*, Al-Sayyid al-Sharīf al-Riḍā, di antara keistimewaan khutbah dan kata-kata Saidina ‘Ali ialah ketinggian bahasa dan sasteranya,

⁵⁹ *Ibid* h. 205

⁶⁰ Anṭuwān al-Qawwāl (1996) : *Fann al-Khiṭāba*, Beirut: Dār al-‘Ilmī lil-Malāyīn, h. 75-76.

ketepatan kalimah dan susunan ayatnya meliputi keperluan agama dan keperluan duniawi. Khutbah dan tulisan beliau juga diakui dan diterima sebagai rujukan para khatib dan penulis selepasnya. Tulisan dan khutbah beliau juga bersifat ringkas dan padat, di samping indah dan tepat kerana kesan ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W.⁶¹

Rentetan daripada itu, muncul Zaman Kerajaan Bani Umayyah yang digelar sebagai zaman keemasan khutbah di kalangan bangsa Arab. Faktor utama yang menjadikan khutbah sampai ke tahap ini adalah perhatian khusus yang diberikan kepada khutbah dan kepesatan perkembangannya di era ini. Ia disokong oleh keperluan semasa yang menuntut pengawalan kestabilan sistem pemerintahan yang sentiasa menghadapi cabaran dan tentangan dari pelbagai sudut. Justeru khutbah-khutbah yang cenderung kepada unsur-unsur politik khutbah lahir dan berkembang pesat di era ini. Ciri-ciri khutbah di zaman Kerajaan Bani Umayyah ini ialah :

- i. Khutbah hanya disampaikan oleh para pemimpin, khalifah dan ketua-ketua kabilah
- ii. Khutbah disampaikan dengan sastera bahasa Arab yang tinggi kesan daripada gaya bahasa Al-Quran yang indah
- iii. Lebih bersifat mendokong dan mempertahankan perjuangan dan kepentingan kelompok masing-masing.⁶²

Walau bagaimanapun pada zaman Kerajaan Bani Abbasiyah khutbah sudah mula hilang peranannya. Bangsa Arab ketika ini mula mengalih tumpuan pada syair, falsafah dan pelbagai bidang ilmu lain. Khutbah-khutbah politik juga tidak lagi mendapat ruang yang luas dan bebas seperti pada zaman Kerajaan Bani Umayyah. Hanya khutbah-khutbah yang menyokong kerajaan diberi ruang untuk diperdengarkan. Namun khutbah-khutbah agama tetap kekal berperanan dan terpelihara kerana ia menjadi hujah pemerintah dalam usaha mengekalkan kekuasaan mereka.

⁶¹ Al-Shaikh Muḥammad ‘Abduh (2006), *Nahj al-Balāghah*, Kaheerah, Muassasah al-Mukhtār, h. 15-16.

⁶² Antuwān al-Qawwāl (1996) *op.cit*, h. 86-87.

Pemimpin-pemimpin Bani Abbasiyah sering menggunakan khutbah agama sebagai medan mengingatkan rakyat bahawa mereka adalah kerajaan warisan Rasulullah SAW dan pembela agama.

Antara faktor yang menyumbang kepada kemunduran perkembangan khutbah pada zaman ini adalah :⁶³

- i. Kemasukan bangsa-bangsa bukan Arab ke dalam agama Islam secara beramai-ramai. Mereka mula berpindah ke negara-negara Arab lalu menetap dan menjalani kehidupan bersama bangsa Arab. Mereka menumpukan pengajian di dalam bidang ilmu asas agama dan bidang ilmu-ilmu kehidupan yang lain. Lantaran situasi ini, para ulama dan ilmuan serta kitab-kitab karangan mereka lebih mendapat perhatian berbanding para khatib dan khutbah di era ini
- ii. Kesan percampuran antara penduduk asal Arab dan bangsa-bangsa ini telah melahirkan loghat dan dialek pertuturan seharian yang telah mempengaruhi dan mencemarkan ketulenan Bahasa Arab. Keindahan bahasa yang sering digunakan ketika berkhotbah sudah tidak lagi mendapat perhatian dalam situasi masyarakat yang sebegini.

Bermula dari era inilah khutbah mengalami zaman kemunduran dan kejatuhan kerana ia kurang diberi perhatian oleh masyarakat Arab untuk satu tempoh masa yang panjang.⁶⁴

Zaman kebangkitan semula khutbah bermula di era baru setelah tamat zaman penjajahan Barat di semenanjung Tanah Arab dan negara-negara Islam. Di era ini para pemimpin berusaha

⁶³ *Ibid* h. 86-87.

⁶⁴ *Ibid* h. 100-101.

gigih membangunkan keyakinan rakyat dengan khutbah dan pidato mereka yang mantap dan bersemangat. Para pejuang kemerdekaan dan ahli-ahli politik mula berpidato dan berkhutbah di seluruh negara bagi meraih sokongan dan kepercayaan masyarakat. Khutbah kembali berperanan besar dalam membangunkan sistem pemerintahan dan kestabilan sosio-politik negara-negara tersebut. Sehingga hari ini khutbah masih relevan dan dipraktikkan oleh para pendakwah, ulama dan pemimpin sebagai media⁶⁵ penyalur maklumat dan buah fikiran mereka. Dari sudut pandangan Islam pula ia diterima sebagai wasilah dakwah dan pendidikan yang berkesan untuk menggerakkan akal dan merangsang jiwa manusia untuk bangkit melaksanakan sesuatu tindakan atau mempertahankannya.⁶⁶ Justeru, antara faktor yang menyebabkan ramai di kalangan pemimpin dan pendakwah menjadi terkenal kerana kehebatan khutbah atau pidato mereka.

2.4 Jenis-jenis Khutbah

Pembahagian jenis-jenis khutbah di sini adalah berdasarkan kepada persediaan dan cara seseorang khatib sewaktu menyampaikan khutbah. Dengan asas pembahagian ini maka khutbah boleh dibahagikan kepada 2 jenis, iaitu:⁶⁷

2.4.1 Khutbah Bacaan

Ini adalah khutbah yang telah siap disediakan teksnya sebelum khatib memulakan khutbah. Ia biasanya disediakan oleh khatib sendiri atau penulis-penulis yang mempunyai keupayaan ilmu dan pengetahuan umum juga berkaitan permasalahan masyarakat yang luas.

⁶⁵ Media bermaksud alat atau pengantara komunikasi. *Kamus Dewan* (2007) *op.cit*, h. 1011.

⁶⁶ Abd al-Ghani Ahmad Muzhir, 2008 *Khutbah al-Jumuah wa Dawruhā fi Tarbiyah al-Ummah*. h. 2. Lihat alminbar.al-islam.com/images/books/123.doc.

⁶⁷ Dr. Mustafā Murād (2002), *op.cit*, h. 18.

Hasilnya akan menjadikan khutbah yang disampaikan lebih tersusun dengan gaya bahasa yang kemas, perbahasan khutbah lebih fokus dan tepat kepada sesuatu tajuk perbincangan dan mampu memberi impak yang lebih baik kepada para pendengar. Ia juga dapat dihadkan pada tempoh masa yang tertentu sebagaimana yang diinginkan oleh khatib. Khutbah dari kategori inilah yang paling banyak digunakan di waktu ini khususnya khutbah Jumaat yang disampaikan saban minggu di negara kita yang diterbitkan oleh jabatan-jabatan agama seluruh negara. Khutbah dari kategori inilah yang menjadi fokus kajian di dalam disertasi ini.

2.4.2 Khutbah Spontan

Khutbah dari kategori spontan ini adalah khutbah yang disampaikan oleh khatib yang mempunyai keyakinan yang tinggi, kepetahan berucap, keupayaan mental yang kuat di samping kawalan emosi yang baik. Ini kerana khutbah yang disampaikan bergantung sepenuhnya kepada kekuatan maklumat dan ilmu yang disusun di dalam minda khatib. Tahap keberkesanan khutbah yang disampaikan secara langsung tanpa teks ini amat bergantung kepada kredibiliti khatib yang menyampaikannya. Justeru, khatib yang memiliki kepetahan berucap, keupayaan mengingat, menyusun dan menyampaikan maklumat di dalam mindanya dengan kemas dan baik akan berjaya menjadikan khutbah yang disampaikan berkesan dan menarik minat pendengar. Justeru, khutbah jenis ini hanya wajar diaplikasikan oleh para khatib yang berkemampuan dan berkecayaan melakukannya. Inilah yang pernah dilakukan oleh Saidina Ali ketika berkhutbah selepas beliau meninggalkan medan perang Şiffīn. Di antara ungkapan indah di dalam khutbah ialah:⁶⁸

⁶⁸ Al-Shaikh Muḥammad ‘Abduh (2006), *op.cit.*, h. 33

أَحْمَدُهُ اسْتِمَامًا لِنِعْمَتِهِ، وَاسْتِسْلَامًا لِعِزَّتِهِ، وَاسْتِعْصَامًا مِنْ مَعْصِيَتِهِ، وَأَسْتَعِينُهُ فَاقَةً إِلَى كِفَايَتِهِ، إِنَّهُ لَا يَضِلُّ مَنْ
هَدَاهُ، وَلَا يَبُلُ مَنْ عَادَاهُ، وَلَا يَفْتَقِرُ مَنْ كَفَاهُ، فَإِنَّهُ أَرْجَحُ مَا وُزِنَ، وَأَفْضَلُ مَا خُرِنَ.

Maksudnya: “Aku memujiNya kerana memohon kesempurnaan nikmatNya, berserah diri pada keagunganNya, memohon pemeliharaan daripada menderhakaiNya dan memohon pertolongan dariNya dengan mengharapkan pembelaanNya. Sesungguhnya tidak akan sesat sesiapa yang diberi petunjukNya, tidak akan binasa sesiapa yang dipeliharaNya dan tidak akan fakir sesiapa yang diberi kecukupan olehNya, maka sesungguhnya Dialah yang paling tinggi daripada segala apa yang dinilai dan sebaik-baik apa yang disimpan.”

Sebaliknya, khatib yang lemah dan kurang berkemampuan menguasai elemen-elemen kekuatan khatib tidak mampu menggunakan cara ini malah akan terserlah kelemahannya ketika berkhotbah. Khotbah secara spontan ini bukanlah sesuatu yang mudah dan tidak ramai orang yang mampu melakukannya. Sungguhpun begitu, berkhotbah dengan cara ini tidak akan terlepas daripada kesilapan-kesilapan yang tidak disengajakan dan di luar kawalan khatib. Ia bergantung sepenuhnya kepada keupayaan dan kemahiran khatib. Tempoh masa khotbah ini juga tidak dapat dikawal kerana ia bergantung kepada kepekaan khatib terhadap khotbahnya.

2.5 Khutbah Jumaat

Khutbah Jumaat merangkumi dua khotbah yang mengandungi ucapan keagamaan yang disampaikan oleh khatib di atas mimbar pada hari Jumaat sebelum solat Jumaat didirikan. Ucapan mingguan ini membawa mesej dan tujuan untuk membimbing manusia kepada

kebaikan, mendorong mereka untuk melakukannya dan menegah mereka dari kejahatan dan segala unsurnya di samping menjelaskan persoalan-persoalan kehidupan semasa menurut kehendak Syarak.⁶⁹ Pada kebiasaannya khutbah Jumaat bersifat mendidik dan memperingatkan kaum muslimin akan tanggungjawab dan kewajipan mereka sebagai umat Islam di samping memberikan penjelasan dan penyelesaian kepada permasalahan semasa mereka merujuk kepada sumber-sumber Syariat Islam yang utama seperti Al-Quran dan Al-Hadith.

Khutbah Jumaat adalah salah satu bahagian utama solat Jumaat bahkan ia merupakan syarat sah solat tersebut. Ia menjadi syarat sah bagi solat Jumaat dengan persepakatan para fuqaha yang menyatakan bahawa tidak sah solat Jumaat tersebut tanpanya⁷⁰. Ia adalah satu media mingguan umat Islam yang disampaikan dalam bentuk ucapan bagi sekelompok masyarakat Islam di sesebuah kariah⁷¹. Kini, khutbah Jumaat memainkan peranan yang penting dalam memberi penjelasan dan pemahaman kepada masyarakat ketika berhadapan dengan isu dan polemik semasa. Khutbah Jumaat merupakan medan untuk menyampaikan mesej agama kepada umat Islam dan ia berperanan sebagai panduan agama terhadap permasalahan yang timbul dalam kehidupan masyarakat Islam. Justeru, teks khutbah Jumaat perlu disiapkan dengan penuh teliti bagi memastikan ia menepati semua syarat dan ciri-cirinya yang sebenar.

⁶⁹ Dr. Soleh bin Abdullah Humaid (2008) *Manhaj fī I'dād Khutbah al-Jum'ah*. <http://alminbar.al-islam.com/images/books/045.pdf>, 9 Ogos 2009.

⁷⁰ Wahbah al-Zuhaylī, (1997) *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillātuhu*, Damsyik, Syria: Dar al-Fikr, Juz 2, h. 1303.

⁷¹ Kariah adalah satu kawasan yang didiami penduduk yang berkongsi masjid atau surau. Lihat *Kamus Dewan* (2007) *op.cit* h. 678.

2.5.1 Syarat Khutbah Jumaat

Perkara utama yang membezakan antara khutbah Jumaat dengan khutbah-khutbah lain adalah kewujudan syarat dan rukunnya yang menjadi penentu sah atau batal khutbah Jumaat ini. Menurut Mazhab Imam Asy-Syafie, syarat-syarat yang perlu ada di dalam khutbah Jumaat terkandung di dalam lima perkara berikut, iaitu⁷²:

- i. Khatib perlu berdiri ketika menyampaikan kedua-dua khutbah Jumaat jika dia berkemampuan. Dua khutbah ini diselangi dengan duduk seketika di antara keduanya. Dalilnya adalah hadith riwayat Bukhari dan Muslim daripada Ibnu Umar RA yang menyatakan bahawa :

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ قَائِمًا ثُمَّ يَتَعَدُّ ثُمَّ يَقُومُ كَمَا تَفْعَلُونَ الْآنَ.⁷³

Bermaksud: “Nabi SAW berkhotbah secara berdiri lalu baginda duduk kemudian bangun semula sebagaimana apa yang kamu lakukan sekarang.”

Khutbah Jumaat perlu dilaksanakan sebelum didirikan solat Jumaat. Telah sepakat para fuqaha⁷⁴ di atas perkara ini.

- ii. Khatib yang berkhotbah mestilah suci daripada hadas kecil dan hadas besar, najis yang tidak dimaafkan pada pakaiannya, badannya dan tempat berdirinya. Dia juga wajib menutup aurat. Ini adalah kerana 2 khutbah ini menggantikan 2

⁷² Dr. Mustafā al-Khin, Dr. Mustafā al-Bughā, ‘Alī al-Sharbajī (2008) *al-Fiqh Al-Manhajī*, Dār al-Qalam, Damsyik, Juz 1, h.206-207.

⁷³ Muḥammad b. Ismā’īl Abu ‘Abdullāh al-Bukhārī (1981), *Sahīh al-Bukhārī*, ‘Kitāb al-Jumu’ah’, no. hadith 880, Beirut, Dār al-Turāth al-‘Arābī, juz. 6 h. 32

⁷⁴ (Kata jamak bagi faqih) orang yg ahli dalam ilmu fiqah. Lihat *Kamus Dewan* (2007) *op.cit*, h. 418.

rakaat solat Zohor. Maka apa juga yang disyaratkan di dalam solat seperti menutup aurat dan taharah, menjadi syarat yang dituntut di dalam khutbah.

- iii. Rukun-rukun khutbah Jumaat mestilah dibaca di dalam Bahasa Arab sekalipun para jemaah yang hadir tidak memahaminya.
- iv. Rukun-rukun khutbah Jumaat perlu dibaca secara berturutan, begitu juga di antara dua khutbah; yang pertama dan yang kedua dan di antara khutbah kedua dengan solat Jumaat. Jika berlaku pemisahan masa yang panjang di antara dua khutbah atau di antara khutbah dan solat maka khutbah Jumaat tersebut dikira tidak sah dan solat Jumaat itu perlu ditukar menjadi solat Zohor.

2.5.2 Rukun Khutbah Jumaat

Rukun khutbah Jumaat pula adalah perkara-perkara yang perlu ada di dalam sesebuah khutbah Jumaat bagi memastikan kesempurnaannya. Rukun-rukun ini terangkum dalam lima perkara. Ia adalah perkara asas yang perlu dipastikan terkandung di dalam setiap teks khutbah Jumaat yang ditulis. Rukun-rukun tersebut adalah:⁷⁵

- i. Pujian kepada Allah SWT
- ii. Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW dengan syarat bahawa nama baginda disebut dengan nyata.
- iii. Pesanan agar bertaqwa kepada Allah SWT. (ketiga-tiga rukun yang ini perlu dibaca pada khutbah pertama dan kedua)

⁷⁵ Dr. Mustafā al-Khin, Dr. Mustafā al-Bughā, ‘Alī al-Sharbajī (2008) *op.cit*, h. 207-208

- iv. Membaca satu ayat daripada ayat-ayat al-Quran. Disyaratkan ayat yang dibaca adalah ayat yang difahami dan jelas maksudnya.
- v. Berdoa untuk kaum muslimin pada khutbah yang kedua.

2.5.3 Sunat-sunat Khutbah Jumaat

Di samping syarat dan rukun, khutbah Jumaat juga mempunyai beberapa adab yang perlu diperhatikan oleh para khatib dan jemaah yang hadir bagi memelihara kesempurnaan perlaksanaannya. Adab-adab ini merujuk kepada perlakuan dan sunnah Rasulullah SAW sewaktu hayat baginda. Di antara adab- adab itu ialah:⁷⁶

- i. Khutbah hendaklah disampaikan di atas mimbar yang sebaiknya diletakkan di sebelah kanan mihrab, mengikut sunnah Rasulullah SAW. Jika mimbar tersebut berbentuk tangga, disunatkan bagi khatib untuk berada pada anak tangga mimbar yang paling atas sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW menurut hadith riwayat Al-Bukhari dan Muslim. Jika tiada mimbar khatib hendaklah naik di suatu tempat yang tinggi.⁷⁷
- ii. Duduk seketika di atas mimbar sebelum memulakan khutbah Jumaat dan duduk di antara dua khutbah sebagaimana perbuatan Rasulullah SAW di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah RA :

⁷⁶ Wahbah al-Zuhaylī, (1977) *op.cit.*, h. 1311.

⁷⁷ Wahbah al-Zuhaylī, (1977) *op.cit.*, h. 1311.

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَخْطُبُ الْخُطْبَتَيْنِ وَهُوَ قَائِمٌ وَكَانَ يَفْصِلُ بَيْنَهُمَا
بِجُلُوسٍ.⁷⁸

Bermaksud: “Bahawa Rasulullah SAW berkhotbah dalam keadaan berdiri dan baginda memisahkan antara dua khutbah baginda dengan duduk.”

- iii. Disunatkan bagi khatib memberi salam sebelum memulakan khutbah.
- iv. Khatib hendaklah menyaringkan dan meninggikan suaranya ketika menyampaikan khutbah. Abdullah RA meriwayatkan sebuah hadith lagi:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا خَطَبَ احْمَرَّتْ عَيْنَاهُ وَعَلَا صَوْتُهُ وَاشْتَدَّ غَضَبُهُ حَتَّى
كَانَهُ مُنْذِرٌ جَيْشٍ.⁷⁹

Bermaksud : “Rasulullah itu ketika berkhotbah merah kedua matanya, tinggi suaranya, tegas marahnya seakan dia memberi amaran kepada suatu pasukan tentera.”

- v. Disunatkan khatib memegang tongkat atau pedang atau busur panah di tangan kiri. Sementara tangan kanannya diletakkan pada mimbar.
- vi. Disunatkan bagi khatib untuk memendekkan khutbahnya tanpa meleret-leret pada perkara yang tidak perlu. Hadith riwayat Amar bin Yasir R.A. menyatakan bahawa beliau mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda:

إِنَّ طُولَ صَلَاةِ الرَّجُلِ وَقَصَرَ خُطْبَتِهِ مَتْنَةٌ مِنْ فَقْهِهِ فَأَطِيلُوا الصَّلَاةَ وَأَقْصِرُوا الْخُطْبَةَ.⁸⁰

⁷⁸ Ahmad bin Shū'ayb bin 'Ali al-Nasāī, (2005), *Sunan Al- Nasāī, "Kitāb al-Jumu'ah"*, no. hadith 1399, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyāh, h. 241.

⁷⁹ Muslim bin Al-Hajjāj al-Qushayrī (1987), *Sahīh Muslim, "Kitāb al-Jumu'ah"*, no. hadith 867. Muāssasah 'Izzuddīn Lí al-Ṭabā'ah wa al-Nashr, juz. 2, h. 269.

“Sesungguhnya lama solat dan pendeknya khutbah seseorang adalah tanda baik kefahamannya (dalam urusan agama). Maka panjangkanlah solat dan pendekkanlah khutbah.”

- vii. Sentiasa peka dengan permasalahan semasa kaum muslimin, lalu dapat menyampaikan khutbah berserta panduan dan saranan agama berkaitan perihal tersebut.
- viii. Para jemaah hendaklah diam dan mendengar khutbah yang disampaikan dengan taat tanpa bersuara, bahkan menegur orang lain agar diam pun telah dikira merosakkan dan mensia-siakan pahala solat Jumaatnya. Sebuah hadith yang masyhur dan sahih telah menyatakan tentang perkara ini.⁸¹ Sabda Rasulullah S.A.W. sepertimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A :

إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَنْصِتْ وَالْإِمَامُ يَخُطُبُ فَقَدْ لَعَوْتَ.⁸²

Bermaksud: “Apabila kamu berkata kepada rakanmu pada hari Jumaat ‘diam’, sedang imam berkhotbah, maka engkau telah sia-sia.”

2.5.4 Identiti Khutbah Jumaat

Khutbah Jumaat memiliki identiti dan ciri-ciri istimewa yang membezakannya dengan syarahan, pidato atau ucapan-ucapan lain seumpamanya. Di samping syarat-syarat dan rukun-

⁸⁰ Muslim bin al-Hajjāj Al-Qushayrī (1987), *op.cit.* , no. hadith 869, h. 259.

⁸¹ Wahbah al-Zuhaylī (1997) *op.cit.*, h. 1314.

⁸² Muḥammad b. Ismā’īl Abu ‘Abdullāh al-Bukhārī (1981), *op.cit.*, no. hadith 893, h. 42.

rukun tersebut, khutbah Jumaat juga memiliki beberapa ciri-ciri istimewa yang membezakannya dengan segala ucapan dan syarahan seumpamanya. Di antara ciri-ciri istimewa khutbah Jumat ini ialah :⁸³

- i. Ia berlangsung dalam suasana yang tenang dan khusyuk,⁸⁴ iaitu waktu sebelum solat Jumaat didirikan. Kaum muslimin duduk di dewan solat di dalam masjid pada waktu ini dengan jiwa yang bersedia untuk mendengar dan menghayati khutbah yang disampaikan.
- ii. Suasana senyap tanpa gangguan suara lain. Situasi ini berlaku kerana para jemaah berkewajipan untuk diam di samping mendengar khutbah sepanjang tempoh ia disampaikan. Ini menjadikan khutbah Jumaat dapat didengar dengan jelas dan dihayati oleh semua jemaah yang hadir.
- iii. Perlaksanaannya berlaku secara istiqamah⁸⁵ dan berjalan secara berterusan setiap minggu sepanjang tahun. Hasilnya, ia umpama sebuah institusi pengajian mingguan yang lengkap dan berkesinambungan pengajarannya sepanjang hayat.
- iv. Ia dihadiri dan didengar oleh pelbagai golongan masyarakat tanpa mengira tahap umur, kedudukan sosioekonomi dan latar belakang budaya. Ini menjadikannya sebagai saluran media yang luas kerana jangkauannya telus menerobos ke segenap peringkat ahli kariah.

Di atas keistimewaan ini khutbah Jumaat perlu diberi perhatian khusus oleh institusi atau jabatan yang menerbitkannya. Ia perlu dipastikan agar dapat mengisi keperluan masyarakat

⁸³ ‘Abd al-Ghāni Aḥmad Muḥzir (2008) *op.cit*, h. 3.

⁸⁴ Khusyuk bererti dengan penuh minat atau sepenuh hati (ketika mendengar atau berbuat sesuatu). Lihat *Kamus Dewan Edisi keempat*, (2007) *op.cit* , h. 784.

⁸⁵ Istiqamah ialah istilah Arab yang bererti ketaatan menjalankan sesuatu suruhan secara terus menerus. Lihat *Kamus Dewan, Edisi keempat Ibid*, h. 592.

Islam setempat dan memberi perhatian kepada permasalahan semasa terutama masalah yang berlaku di kawasan kariah masjid itu. Inilah di antara peranan dan tujuan pensyariatian khutbah Jumaat. Apabila saluran ini tidak digunakan dengan sewajarnya, kesempatan perhimpunan mingguan kaum muslimin tidak akan mencapai objektifnya. Contohnya apabila negara dilanda masalah aqidah dan gejala sosial di kalangan remaja, khutbah Jumaat perlu membentangkan penjelasan mengenainya, bukan topik lain yang tidak berkenaan seperti tajuk penjagaan kesihatan atau kempen makan buah-buahan tempatan. Kepincangan ini adalah sesuatu yang amat merugikan dan perlu ditangani segera bagi menjamin peranan khutbah Jumaat ini berlangsung dengan baik dan berkesan.

Dari sudut praktikalnya, khutbah Jumaat disampaikan setiap minggu. Ini menjadikan khutbah Jumaat dapat dipersembahkan sebanyak 52 kali dalam setahun secara berterusan. Ditambah pula dengan kewajipan solat Jumaat yang difardhukan ke atas kaum lelaki umat Islam yang sihat dan bermukim, sewajarnya khutbah Jumaat perlu dihasilkan dan dipersembahkan dengan baik agar dapat memberi kesan positif kepada cara berfikir dan tindak balas umat Islam dalam menilai, memahami dan menghadapi permasalahan semasa.

Untuk menghasilkan khutbah yang menepati ciri-ciri khutbah Jumaat yang mampu mengisi keperluan masyarakat Islam masa kini, ia perlu disusun dan diproses melalui satu sistem penyediaan teks khutbah yang baik dan berkesan.

2.5.5 Teks Khutbah Jumaat

Teks khutbah Jumaat adalah teks ucapan keagamaan yang disediakan secara bertulis untuk disampaikan oleh khatib di atas mimbar pada hari Jumaat sebelum solat Jumaat didirikan. Teks ucapan mingguan ini disusun untuk membawa mesej agama yang berperanan memandu umat Islam kepada kebaikan, mendorong mereka untuk melakukannya dan mencegah mereka dari kejahatan dan segala unsurnya di samping menjelaskan persoalan-persoalan kehidupan semasa menurut panduan Syariat Islam. Ia juga perlu dilengkapi dengan rukun-rukunnya yang lima dan dibentuk dengan asas-asas utama yang memantapkannya. Asas- asas utama ini adalah merujuk kepada bahagian-bahagian penting yang perlu wujud dalam pembentukan sebuah teks khutbah Jumaat. Asas-asas ini terdiri daripada 3 bahagian utama, iaitu:⁸⁶

i. Mukadimah

Tidak dapat dinafikan setiap sesuatu perkara yang ingin dilakukan pasti ada permulaannya. Begitu juga teks khutbah Jumaat yang memerlukan mukadimah atau kata pendahuluan sebagai asas pertama yang perlu disusun kemas bagi memastikan kejayaan khutbah yang digarap.

Menurut kebiasaannya mukadimah teks khutbah Jumaat akan dimuatkan dengan beberapa rukunnya seperti pujian pada Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, ucapan dua kalimah syahadah berserta pesanan bertaqwa kepada Allah SWT. Bahagian ini juga biasanya akan menyebut sepotong ayat Al-Quran yang berkaitan dengan topik khutbah dan selanjutnya menyatakan tajuk fokus perbahasan khutbah tersebut sama ada secara langsung

⁸⁶ Dr. Mustafā Murād (2002), *op.cit*, h. 21.

atau tidak. Ketika merujuk kitab *Nahj al-Balāghah* penyelidik mendapati bahawa inilah cara yang pernah digunakan oleh Saidina Ali ketika berkhotbah tentang sifat-sifat orang bertaqwa dengan menyertakan ayat 128 *Surah al-Nahl*⁸⁷ dan membacakan ayat 10 dan 11 *Surah Nūh*⁸⁸ ketika berkhotbah mengajak umat Islam bertaubat sebelum memulakan solah *istisqā* (meminta hujan).

Ada juga khatib yang memulakan bahagian ini dengan membangkitkan beberapa persoalan yang berkaitan tajuk khutbah. Tidak ketinggalan juga ada kalanya khatib memulakan khutbah dengan mengutarakan sesuatu topik isu semasa atau bersempena sesuatu peristiwa mengikut perjalanan takwim tahunan. Semua ini dilakukan bagi mengundang perhatian para jemaah kepada khutbah yang disampaikan. Ini bermaksud, bahagian asas pertama ini sewajarnya dapat memberi gambaran awal kepada keseluruhan khutbah. Mukadimah yang indah, tersusun kemas dan mampu memberi gambaran yang jelas tentang hala tuju khutbah adalah sangat penting kerana ia adalah pencetus gambaran mula dan bayangan awal mengenai sesebuah khutbah di minda para pendengar. Kegagalan menyusun mukadimah dengan baik akan memberikan implikasi yang buruk kepada keseluruhan khutbah. Justeru, para khatib dan penyusun khutbah tidak harus memandang ringan kepada bahagian mukadimah ini bahkan mereka perlu memastikan ia dapat memenuhi tuntutan ini dengan sebaiknya.⁸⁹

ii. Isi Kandungan

Isi kandungan khutbah Jumaat adalah intipati kepada tajuk yang ingin dibicarakan. Ia adalah bahagian utama dan terpenting yang menjadi kayu pengukur kepada tahap dan kualiti

⁸⁷ Al-Shaikh Muḥammad ‘Abduh (2006), *op.cit*, h. 362.

⁸⁸ *Ibid*, h. 247.

⁸⁹ *Ibid*, h. 22-23.

sesebuah teks khutbah Jumaat. Di bahagian inilah dibentangkan topik perbahasan, bukti dan contoh permasalahan, panduan dan saranan dan diperkukuhkan dengan hujah Al-Quran dan Hadith. Isi kandungan ini perlu disusun dengan kemas dan teratur bagi menjamin kefahaman para pendengar. Gaya bahasa dan penggunaan perkataan yang tepat adalah amat perlu bagi memastikan khutbah yang dipersembahkan benar-benar memberi impak dan mampu menarik perhatian mereka. Bahagian ini juga perlu dipastikan agar tidak dimuatkan dengan perkara-perkara lain yang tiada kaitan dengan tajuk khutbah. Perlu disedari bahawa ruang masa penyampaian khutbah Jumaat adalah tempoh yang amat terhad. Memuatkan sebarang maklumat yang tidak diperlukan hanya akan membuatkan khutbah menjadi ceramah yang membosankan dan mengakibatkan hilangnya tumpuan para jemaah terhadapnya.⁹⁰

Di samping itu, segala yang termuat di dalam di dalam isi kandungan ini perlu dipastikan kesahihan maklumatnya dan dinyatakan sumberambilannya. Contohnya bila dibentangkan sepotong ayat Al-Quran maka perlulah dinyatakan ia adalah petikan dari surah apa dan ayat berapa. Bagi Hadith Rasulullah SAW juga perlu dinyatakan Imam periwayat hadith dan Sahabat Rasulullah yang meriwayatkannya. Jika memuatkan kata-kata dan pendapat ulama maka perlulah dinyatakan kitabnya. Begitu juga sekiranya menyatakan statistik dan laporan maka sumber perolehan maklumat ini perlu disertakan bersama. Ini adalah satu tuntutan yang tidak boleh diabaikan kerana khutbah Jumaat adalah satu media mingguan Umat Islam untuk mereka memperolehi panduan, maklumat dan petunjuk agama. Justeru ia perlu dipastikan segala isi kandungannya padat, benar dan tepat belaka.⁹¹

⁹⁰ Dr. ‘Abd al-‘Aāfī Muḥammad Shalbī & ‘Abd al-Mu’ī ‘Abd al-Maqṣūd (2006), *Al-Khiṭābah al-Islāmīyah*, Al-Maktab al-Jāmi’ī al-Hadīth, Iskandariah, Mesir, h. 20-23

⁹¹ Dr. Mustafā Murād (2002), *op.cit*, h. 28-29

iii. Penutup

Bahagian ini adalah bahagian akhir khutbah Jumaat. Untuk melahirkan sebuah teks khutbah Jumaat yang baik dan berkualiti, bahagian penutup ini juga perlu dimanfaatkan dengan sebaiknya. Adalah amat baik sekali sekiranya ia digunakan sebagai ruang untuk menyatakan rumusan dan kesimpulan kepada keseluruhan khutbah yang disampaikan. Ini bertujuan agar para jemaah dapat mengimbas semula penghayatan pada isi perbincangan khutbah untuk kali terakhir. Kaedah mengulang semula butiran-butiran dan fakta utama ini akan menjadikan khutbah lebih difahami, dihayati dan diingati.

Di penghujung khutbah Jumaat juga wajar disertakan harapan, pesanan dan dorongan agar para jemaah beramal dengan apa yang telah diperolehi dari khutbah. Akhirnya khutbah Jumaat ditutup dengan bacaan sepotong ayat Al-Quran yang berkaitan dengan *mauduk*⁹² khutbah berserta terjemahannya dan disusuli dengan bacaan doa khatib memohon keberkatan dan keampunan kepada Allah SWT.⁹³

2.5.7 Unsur-unsur Pengukuh Teks Khutbah

Umum menyedari bahawa khutbah Jumaat adalah ucapan berunsur nasihat dan peringatan berunsur agama. Bagi memastikan keberkesanan natijahnya dan kekuatan isi kandungannya kepada para pendengar, di sini disenaraikan beberapa unsur yang dapat membentuk teks khutbah Jumaat menjadi sebuah khutbah yang mempunyai kekuatan yang dapat mengesankan jiwa jemaah pendengar. Berikut adalah unsur-unsur pengukuh tersebut:

⁹² Tajuk (ceramah, perbahasan, dll) Lihat *Kamus Dewan* (2007) *op.cit*, h. 1009.

⁹³ Dr. Mustafā Murād (2002), *op.cit*, h. 31-32

i. Unsur Agama

Agama adalah asas kepada penyatuan sebuah kelompok manusia yang bersepakat di atas sesuatu kepercayaan. Atas dasar ini unsur agama yang merupakan rujukan asas umat Islam tidak boleh diketepikan di dalam khutbah Jumaat. Agama adalah unsur paling berkesan untuk membawa hati umat Islam kepada suatu hasrat dan matlamat kerana ia telah diterima sebagai pedoman yang sangat diyakini dan sama sekali tidak diragui.⁹⁴ Keyakinan umat Islam kepada sumber agama telah menjadikan Al Quran dan Hadith sebagai unsur di dalam penulisan teks khutbah Jumaat. Tambahan pula ia merupakan salah satu rukun khutbah Jumaat di samping peranannya sebagai unsur pengukuh khutbah Jumaat yang utama. Perkara-perkara lain yang berada di dalam kelompok unsur agama ini adalah perkataan dan perlakuan para Sahabat, Persepakatan Ulama Muslimin dan *Qias*⁹⁵.

Keperluan bersandar kepada unsur agama adalah sesuatu yang tidak dapat disangkal kerana persoalan keagamaan seperti khutbah Jumaat ini adalah persoalan yang berada di tahap yakin dan pasti. Justeru, unsur agama ini tidak boleh dipinggirkan di dalam pembentukan teks khutbah Jumaat.

ii. Adat dan Tradisi

Sebagaimana agama, sesuatu kelompok masyarakat manusia berhimpun di atas suatu adat dan tradisi yang dipegang dan diamalkan. Ia biasanya diwarisi daripada datuk nenek mereka yang terdahulu. Maka adat dan tradisi ini terpasak kuat dalam jiwa pengamalnya,

⁹⁴ Muḥammad Abu Zahrah (1934) *op.cit*, h . 33.

⁹⁵ Qias adalah penetapan hukum yg dibuat dgn membandingkan keadaan sesuatu hal dgn hukum dasar yg terdapat dlm Quran dan hadith.

sentiasa menjadi kebanggaan mereka dan dipertahankan setiap masa. Di atas kekuatan ini teks khutbah Jumaat perlu menyelitkan mana-mana adat dan tradisi masyarakat setempat yang tidak menyalahi syariat sebagai bahan rujukan dan panduan dalam usaha memandu manusia ke jalan kebenaran. Penggunaan adat dan tradisi sebagai modal menarik di dalam teks khutbah Jumaat akan menjadikannya lebih dekat dan mesra dengan jemaah pendengar. Khutbah Jumaat adalah umpama hidangan makanan, jika ia dikenalpasti lazat dan menarik nescaya akan ramailah manusia yang sudi menjamahnya. Al-Ahnaf bin Qais, seorang sasterawan Arab yang ulung pernah berkata: “Manusia tidak akan meminum minuman yang tidak sukainya.”⁹⁶ Ungkapan ini membawa maksud bahawa sebagai pendakwah atau khatib, seseorang itu perlu mempersembahkan mesej dakwah dan khutbah dengan persembahan yang mantap dan indah, sehingga mampu menarik minat para jemaah menumpukan perhatian dan memusatkan pendengaran terhadap apa yang disampaikan.

Sebagai contoh bagi kelompok masyarakat Melayu, ketika khutbah membicarakan tajuk mendidik anak, di samping mengutarakan ayat-ayat Al-Quran dan hadith sebagai hujah-hujah asas, alangkah indahnya jika dimuatkan juga pepatah melayu yang berbunyi, “Melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Pepatah Melayu yang memang sudah sinonim dengan tradisi masyarakat Melayu akan menjadikan khutbah Jumaat begitu mesra dan dekat di hati pendengar. Inilah pengukuh teks khutbah Jumaat yang sewajarnya tidak diabaikan atau dikesampingkan.

⁹⁶ Muhammad Abu Zahrah (1934) *op.cit*, h . 34

iii. Sejarah

Kisah teladan dan sejarah orang-orang terdahulu yang terkenal dengan kejayaan dan kebaikan wajar dimuatkan di dalam penulisan teks khutbah. Ini kerana jiwa manusia suka kepada kisah yang menarik dan dapat mendorong mereka mencontohinya dalam menjayakan sesuatu usaha dan matlamat. Melalui khutbah Jumaat umat Islam wajar didedahkan dengan kisah-kisah Rasul-rasul, para sahabat Rasulullah, para tabiin,⁹⁷ para ulama dan orang-orang soleh yang diyakini kejayaan dan kebaikan mereka di sisi umat ini. Unsur ini akan menjadikan khutbah tampak lebih kemas dan menarik untuk dipersembahkan kepada khalayak ramai. Seorang tabiin dan khatib yang terkenal, Hasan Al-Basri telah menggunakan kaedah ini di dalam ucapan-ucapannya. Dia diriwayatkan sering mengutarakan kisah-kisah para Sahabat dan perlakuan mereka sebagai hujah bagi memantapkan fikrah dan perbahasan yang dibentangkan di dalam ucapannya.⁹⁸ Kisah-kisah teladan ini telah terbukti mampu memberikan gambaran lebih jelas dan contoh untuk memandu manusia ke arah apa yang diharapkan.

iv. Kata-kata Hikmah

Di samping Al-Quran dan Hadith menjadi unsur pengukuh utama khutbah Jumaat, kata-kata hikmah para ilmuan dan orang-orang soleh boleh dijadikan modal bagi memperelok dan menjadikan khutbah lebih menarik. Sudah jelas terbukti kata-kata hikmah mereka sentiasa mendapat tempat di hati manusia kerana telah terbukti kebenaran dan keindahan kata-kata tersebut. Ia adalah hasil pengalaman dan pengamatan mereka yang dikurniakan hikmah dari sisi

⁹⁷ Pengikut (menurut ilmu hadith, mereka ialah orang yg bertemu dan berguru dgn para sahabat tetapi tidak bertemu dgn Rasulullah SAW). Lihat *Kamus Dewan* Edisi keempat, (2007) *op.cit.*, , h. 1562.

⁹⁸ Muḥammad Abu Zahrah (1934) *op.cit.*, h.35

Allah SWT. Para khatib terdahulu sering menggunakan kata-kata hikmah yang masyhur di dalam khutbah mereka dan menjadikannya sebagai Pengukuh hujah dan pendapat yang mereka kemukakan. Sikap manusia yang cenderung meniru apa yang mereka sukai dan kagumi telah menjadikan kata-kata hikmah orang-orang yang berjaya begitu berkesan dalam membentuk perubahan di dalam diri mereka. Justeru, para khatib yang sedar hakikat ini perlu memanfaatkannya dengan sebaik mungkin bagi menjadikan khutbah mereka lebih menarik dan berkesan. Sebagai contoh kata-kata hikmah yang menarik ialah kata-kata Saidina ‘Alī bin Abu Tālib: “Akal tanpa adab umpama seorang pahlawan yang berani tanpa senjata.” Juga katanya lagi: “ Tanda orang riak ada 3; malas ketika bersendirian, rajin bila di khalayak manusia dan menambah amal kebaikan bila dipuji tetapi mengurangnya bila dicemuh.”⁹⁹

v. Pembuktian

Bukti dan pernyataan maklumat seperti data dan statistik yang diakui kesahihan beritanya dan diyakini sumbernya adalah satu unsur pengukuh khutbah yang sangat penting dan berkesan. Data dan statistik adalah merupakan bukti yang menjadi hujah bagi mengajak para pendengar menerima dan menghayati khutbah yang disampaikan.

Contohnya apabila khutbah membicarakan tajuk berkenaan penagihan dadah, teks khutbah Jumaat perlu menyatakan statistik penagih-penagih dadah yang sedang dirawat di pusat rawatan dan pemulihan seluruh negara yang dikeluarkan secara rasmi oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Statistik sebegini akan memberi gambaran realiti permasalahan yang sedang dihadapi dan ini akan memberi impak yang lebih kepada para pendengar.

⁹⁹ Riyād al-Muttaqīn. Rujuk: <http://www.almotaqeen.net/mak/play.php?catsmktba=127>, 27 Disember 2009.

vi. Undang-undang

Penyataan undang-undang dan peraturan di dalam teks Khutbah Jumaat juga dapat menambah kekuatan dan keberkesanan isi kandungan khutbah. Undang-undang dan peraturan adalah kata putus bagi menjawab sesuatu persoalan yang timbul. Setiap individu di dalam satu kelompok masyarakat akan akur dengan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di antara mereka. Ia juga akan dapat memberi maklumat yang tepat kepada para jemaah tentang undang-undang dan peraturan yang perlu mereka patuhi dan tindakan-tindakan yang wajar dilaksanakan terhadapnya.¹⁰⁰

Wajar disebut di dalam khutbah sebagai contoh, seorang pembunuh dapat dijelaskan hukumannya di sisi Syariat Islam melalui ayat Al-Quran dan Hadith. Namun, secara realitinya sebagai rakyat Malaysia dia terikat dengan hukuman undang-undang negara ini yang boleh menjatuhkan hukuman mati mandotari di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan jika sabit kesalahan tersebut. Inilah di antara unsur-unsur yang dikenalpasti dapat menambah kekuatan isi kandungan teks khutbah dan memberi impak yang lebih besar kepada jemaah para pendengar.

2.6 Metodologi Penyediaan

Salah satu fokus kajian ini ialah terhadap metodologi. Justeru, sebaiknya istilah ini diperjelaskan maksud dan tujuan penggunaannya sebelum penyelidik membincangkan tentang metodologi penyediaan khutbah secara terperinci. Meskipun secara ringkas, namun ia cukup untuk memenuhi keperluan memberi penjelasan tentang tujuan penggunaan istilah ‘metodologi’ ini sebagaimana yang dimaksudkan.

¹⁰⁰ Muḥammad Abu Zahrah (1934) *op.cit*, h.37-38

2.6.1 Pengertian Metodologi

Di sudut bahasa, metodologi berasal dari perkataan metode. Metode pula terbentuk dari dua perkataan yang berasal dari bahasa Yunani (Greek) iaitu '*meta*' dan '*hodos*'. Meta bererti 'melalui' manakala hodos bererti 'jalan atau cara'. Kemudian ia digabungkan pula dengan perkataan '*logi*' lalu menjadi '*metodologi*'. Gabungan yang membentuk kalimah ini memberi maksud ilmu pengetahuan tentang jalan atau cara yang harus dilalui untuk mencapai sesuatu tujuan. Ini adalah kerana kalimah '*logi*' diambil dari perkataan '*logos*' yang bererti akal atau ilmu.¹⁰¹ Maka kalimah metodologi yang berasal daripada gabungan *methods* dengan *logos* itu membawa maksud 'sains mencari ilmu'. Secara praktik metodologi merupakan 'cara menyasat dan memperolehi pengetahuan mengenai sesuatu'.¹⁰²

Ia boleh ditakrifkan sebagai suatu rentetan susunan aktiviti yang sistematik bagi menyelesaikan sesuatu masalah dengan membangunkan satu aplikasi pengaturcaraan. Sebuah metodologi akan menggunakan satu set teknik yang digunakan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang spesifik.¹⁰³ Set teknik ini adalah sekumpulan disiplin sistem pilihan yang akan dilalui dan dipatuhi sepanjang usaha menjayakan sesebuah penyelidikan. Lantaran itu, terdapat beberapa jenis metodologi pembangunan penyelidikan yang boleh digunakan dalam membangunkan sesebuah aplikasi sistem. Menurut Adams dan Schvaneveldt, metodologi kajian merupakan suatu proses, suatu set perkakasan bagi melaksanakan suatu penyelidikan dan perolehan maklumat, serta juga suatu seni bagi melaksanakan suatu karya sains. Dalam kajian ilmiah, metode adalah suatu perkara yang ada kaitan dengan kaedah kerja. Melalui cara kerja

¹⁰¹ Sumber: <http://rumahmakalah.wordpress.com/2008/11/05/>, 28 April 2010.

¹⁰² Sumber: <http://www.al-azim.com/masjid/seminar/falak2006/5.pdf>, 15 April 2010

¹⁰³ Sumber: <http://www.efka.utm.my/thesis/images/4master/2005/2jsb-P/Part1/KUAZRILRIDZHIEMA031175D05TT5.doc>, 22 Mac 2011

tersebut sesuatu yang menjadi sasaran kajiselidik, ilmu yang bersangkutan dapat diketahui.¹⁰⁴ Maka, metode adalah suatu unsur yang sangat penting dalam menjayakan kajian ilmiah. Penyelidikan berasaskan metode yang sesuai akan memperolehi hasil yang tidak diragui. Sebaliknya sesuatu penyelidikan yang mengguna pakai metode yang tidak sesuai akan mengakibatkan hasil penyelidikan tersebut dipertikaikan kesahihannya.

2.6.2 Asas-Asas Metodologi

Asas-asas yang membentuk metodologi adalah merujuk kepada keperluan-keperluan yang diyakini dapat membantu usaha-usaha pemilihan metode yang sesuai bagi sesebuah penyelidikan. Asas-asas yang dipilih sebagai metode ini menjadi alat dan medium bagi menyempurnakan penyelidikan tersebut. Berikut adalah beberapa asas kepada pembentukan dan pemilihan metodologi penyelidikan:

i. Pengalaman Peribadi¹⁰⁵

Sebagai anggota sesebuah organisasi atau masyarakat, pasti ada sesuatu perkara dan keadaan yang menimbulkan tanda tanya pada seseorang individu yang mendorongnya untuk mencari jawapan dan memahami permasalahan tersebut secara mendalam. Sebagai contoh, seorang guru yang pernah mengajar murid darjah satu di sekolah rendah selama lebih dua puluh tahun pasti memiliki pengalaman dan kemahiran yang dapat menyelesaikan pelbagai masalah pembelajaran di kalangan murid-murid di tahap ini seperti kelemahan membaca dan menulis, masalah disiplin, tumpuan belajar dan sebagainya. Pengalaman guru ini amat perlu

¹⁰⁴ Sumber: <http://www.efka.utm.my/thesis/images/4MASTER/2005/>, *op.cit.*

¹⁰⁵ Idris Awang. (2009), *op.cit.* h. 14.

didokumentasikan sebagai bahan rujukan dan panduan untuk guru-guru muda dan bakal-bakal guru. Ini kerana pengalaman dan pengajaran daripada guru ini adalah sesuatu yang amat berharga dan amat besar manfaatnya.

Disertasi yang sedang dibuat oleh penyelidik kajian ini juga dibuat di atas asas ini. Penyelidik adalah individu yang terlibat secara langsung dengan proses penyediaan teks khutbah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Faktor yang mendorong penyelidikan tentang tajuk ini adalah keinginan untuk memaparkan satu proses penyediaan teks khutbah yang sistematik untuk rujukan dan panduan organisasi yang berkaitan dan masyarakat umum. Pengalaman selama lebih tiga tahun bersama Cawangan Khutbah JAWI ini memberi kelebihan dan kekuatan kepada penyelidik untuk melakukan kajian secara serius terhadap metodologi yang diaplikasikan di sini. Di atas asas yang sedia ada ini penyelidik memilih metode tinjauan dan pengamatan sebagai salah satu metode kajian ini.

ii. Bidang Pengetahuan

Ini adalah asas yang berkait rapat dengan latar belakang pengajian seseorang pelajar di mana-mana institusi pengajian.¹⁰⁶ Penglibatan seseorang dengan suatu bidang ilmu menyebabkan dia cenderung kepada bidang tersebut .dan memiliki keupayaan ilmu dan pengalaman yang khusus di dalamnya. Ini kerana setiap bidang ilmu mempunyai teori, prinsip dan kaedah sendiri untuk menjelaskan atau mengemukakan penyelesaian kepada sesuatu masalah. Inilah asas yang menjadi pemangkin untuk seseorang melakukan penyelidikan. Cuma, setiap individu mempunyai gaya dan kaedah yang berbeza dalam menghuraikan formula

¹⁰⁶ *Ibid*, h. 17

penyelesaian dan pendekatan berdasarkan keadaan dan keperluan semasa. Penyelidik disertasi ini juga mempunyai asas ini sebagai dasar dan tapak asas kajiannya. Pengajian di peringkat Sarjana Muda di dalam bidang Dakwah dan Usuluddin telah banyak memberi pendedahan ilmiah dan maklumat asas yang amat membantu penyelidik di dalam disertasi ini. Berpandukan asas yang dimiliki ini, penyelidik menggunakan metode pengumpulan data berkaitan permasalahan kajian di dalam disertasi ini untuk membina tapak-tapak asas dalam kajian ini.

iii. Keprihatinan

Ia bermaksud kepekaan dan sikap prihatin terhadap apa yang berlaku di dalam masyarakat dan persekitarannya, khususnya persoalan yang berkaitan dengan kajian penyelidik. Banyak persoalan yang timbul dan masalah yang berlaku sewajarnya mengundang keprihatinan seseorang untuk mengkaji dan mencari jalan penyelesaiannya. Masalah-masalah dalam masyarakat ini adalah isu-isu semasa yang didedahkan oleh media massa dan elektronik dapat dilihat di akhbar harian, majalah, berita-berita di televisyen, laman-laman web di internet dan sebagainya.¹⁰⁷ Ia meliputi masalah semasa masyarakat dan negara seperti kenaikan harga barangan keperluan, inflasi, penagihan dadah, ponteng sekolah, ajaran sesat dan gejala sosial remaja. Keprihatinan menjadi asas yang akan mendorong seseorang untuk mengkaji masalah-masalah ini dan membentangkan kaedah penyelesaiannya. Misalnya, perubahan dan kemajuan hidup manusia di semua aspek kehidupan hasil perkembangan sains dan teknologi yang pesat telah melahirkan pelbagai permasalahan dan persoalan kehidupan yang memerlukan jawapan sebagai jalan penyelesaian. Meskipun kemajuan ini bertujuan memperbaiki dan membangunkan taraf hidup manusia, ia tetap mengundang kemelut baru dalam kehidupan insan. Sebagai

¹⁰⁷ *Ibid*, h. 16.

contoh, kemajuan teknologi telah membuka peluang pekerjaan yang luas kepada rakyat dan mengajak mereka berlumba-lumba mengejar kemewahan namun ia menimbulkan pula masalah kesibukan dan kurang masa untuk bersama keluarga. Maka keprihatinan dengan permasalahan baru ini akan mendorong seseorang melakukan kajian yang dijalankan ke atasnya.

Lantaran itu, kajian ini pula lahir di atas keprihatinan penyelidik tentang realiti kelemahan kaedah penyediaan teks khutbah Jumaat di Malaysia. Kelemahan dan kepincangan ini telah mengakibatkan lambakan khutbah-khutbah Jumaat yang kurang bermutu dan gagal memenuhi keperluan masyarakat Islam di Malaysia secara khususnya. Hasil kajian ini dijangka akan dapat membantu banyak organisasi yang terlibat dalam usaha menerbitkan khutbah. Organisasi ini memerlukan pendedahan dan hasil kajian seperti ini untuk menyuluh kelemahan mereka dan memperbaikinya. Justeru, berdasarkan kepada asas ini, penyelidik mengamalkan metode tinjauan dan temubual dengan responden bagi mengumpul maklumat yang diperlukan bagi menyempurnakan disertasi ini.

iv. Premium Sosial

Ia merujuk kepada peluang-peluang penyelidikan yang ditawarkan oleh pihak-pihak tertentu sama ada pihak kerajaan dan swasta.¹⁰⁸ Pada masa-masa tertentu pihak-pihak ini menyenaraikan bidang penyelidikan yang diberi keutamaan seperti perindustrian, pertanian, alam sekitar dan sebagainya. Penyelidik menerima tawaran ini kerana memerlukan dana dan peruntukan penyelidikannya. Maka sejumlah yang dipersetujui akan diberikan kepadanya bagi membiayai kos penyelidikan. Premium sosial sebegini akan memberikan impak kepada fokus

¹⁰⁸ *Ibid*, h. 18.

kajian dan metodologi yang digunakan bagi menyempurnakan kajian tersebut. Seseorang bank-bank utama juga ada menawarkan skim ini bagi tujuan memperkemas sistem pemasaran produk mereka. Peluang-peluang ini sudah pasti disambut dengan rasa tanggungjawab penyelidik dan ia menuntut kesungguhan dan pemilihan asas metodologi yang tepat bagi menjayakan penyelidikan sejajar dengan peruntukan yang diberikan.

Berdasarkan asas ini penyelidik melihat ianya sebagai satu peluang yang dapat membantu cawangan dan jabatan yang menjadi medan kerjaya penyelidik selaku seorang penjawat awam dan sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam di situ. Situasi ini dianggap sebagai premium sosial sedia ada yang perlu dihargai dan digunakan sebaiknya oleh penyelidik dengan menyempurnakan kajian ini sebagai tanda syukur dan terima kasih kepada jabatannya.

v. Nilai dan Budaya

Ini pula sesuatu yang meliputi nilai-nilai yang menjadi pegangan seperti amalan agama, kecenderungan politik, psikologi dan nilai yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat yang mempunyai pengaruh besar.¹⁰⁹ Nilai budaya itu mempengaruhi bentuk pergaulan, cara berinteraksi dan bekerja. Maka metode penyelidikan bagi seorang yang lahir dari kelompok ini juga pasti dipengaruhi oleh nilai-nilai ini dalam membentuk asas-asas metodologi kajiannya.

Dalam konteks ini, penyelidik yang mempunyai latarbelakang pendidikan agama sejak berada di peringkat sekolah menengah sudah pasti dibentuk dan dipengaruhi oleh kecenderungan fikrah agama. Kesempatan hidup dan bergaul dengan masyarakat Arab di Jordan selama 4 tahun sewaktu melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Muda juga sedikit sebanyak membentuk dan mempengaruhi pemikiran dan psikologi penyelidik. Justeru, di dalam kajian ini

¹⁰⁹ *Ibid*, h. 19.

penyelidik sentiasa merujuk kepada asas-asas agama sebagai rujukan utama dan ada kalanya membawa dan menilai sesuatu fakta berdasarkan persepsi dan pengaruh amalan masyarakat Islam Melayu dan Arab yang pernah hidup dan bergaul dengannya.

2.7 Metodologi Penyediaan Khutbah

Perkataan ‘penyediaan’ bererti perbuatan atau hal menyiapkan, melengkapkan, mengadakan, mengatur dan menyusun sesuatu untuk tujuan tertentu. ‘Khutbah’ pula difahami sebagai pidato atau syarahan yang mengandungi ajaran atau nasihat keagamaan. Sesetengah cendekiawan Islam memperkenalkan khutbah sebagai suatu ilmu yang dikarang dan disusun yang memuatkan dorongan-dorongan dan dakwah yang merangsang manusia ke arah kebaikan urusan dunia dan kesejahteraan kehidupan mereka.¹¹⁰

Penyediaan khutbah yang dimaksudkan di dalam kajian ini adalah proses menyediakan dan menyiapkan khutbah sama ada dalam bentuk teks atau lakaran idea dan maklumat di minda sebelum ia dipersembahkan di atas mimbar. Asas-asas dan sistem yang diambil dan diterima menjadi panduan dan rujukan untuk dipatuhi dalam kerja-kerja penyediaan khutbah inilah yang akan membentuk metodologi penyediaan khutbah. Inilah yang dimaksudkan dan menjadi fokus perbincangan kajian ini. Perbincangan tentang metode penyediaan khutbah akan membentangkan proses penyediaan khutbah secara umum di sini, sebagai teori ilmiah dan maklumat awal. Ia adalah pendahuluan ringkas sebelum pembentangan kajian secara khusus berkaitan penyediaan khutbah di Cawangan Khutbah JAWI sebagai fokus penyelidikan pada Bab Empat nanti.

¹¹⁰ Dr.Tawfiq al-Wā’iī (1999), *op.cit*, h. 13.

Sebagai langkah awal bagi memulakan kajian ini, berikut dibentangkan perbincangan berkaitan asas-asas dan faktor-faktor yang pernah diterima dan diguna pakai sebagai metode penyediaan khutbah.

2.7.1 Penyediaan Khutbah Secara Tradisi

Untuk memberi gambaran sebenar bagi suatu metode penyediaan khutbah, kita perlu merujuk kepada suatu metode penyediaan khutbah yang pernah ditulis dan dibukukan. Ia penting bagi memberi gambaran awal yang menjelaskan kajian ini. Sebagaimana yang sedia dimaklumi, kerja-kerja menyediakan khutbah Jumaat sememangnya telah dilakukan sejak zaman permulaan Islam lagi. Namun untuk mencari suatu rujukan bertulis atau paparan data ilmiah berkaitan metode penyediaan khutbah Jumaat yang merujuk kepada zaman tersebut, ia ternyata sukar diperolehi. Justeru, penyelidik telah memutuskan untuk menjadikan hasil-hasil karya dari negara-negara Arab di Timur Tengah sebagai rujukan untuk mendapatkan fakta ilmiah berkaitan kajian ini sesuai dengan kedudukannya sebagai tapak asas Islam. Ternyata maklumat yang diperlukan di dalam kajian ini dapat diperolehi di sini berbanding di tempat-tempat lain. Sebenarnya metode penyediaan khutbah yang dibentangkan di sini adalah metode yang diguna pakai secara tradisi meliputi seluruh wilayah Timur Tengah dan akhirnya menjadi rujukan dan pedoman kepada negara-negara Islam yang lain di seluruh dunia.

\

2.7.2 Metode Tradisi Penyediaan Khutbah

Wilayah Timur Tengah adalah wilayah yang meliputi sebahagian besar negara-negara Arab yang seperti Arab Saudi, Syria, Jordan, Lubnan, Iraq dan Mesir yang majoriti penduduknya adalah umat Islam. Negara-negara ini adalah wilayah yang wajar menjadi rujukan asas untuk dipaparkan di dalam kajian berkaitan metode penyediaan khutbah ini. Ini kerana agama Islam dan asal usul syariatnya bermula dari wilayah dan kelompok umat Arab di rantau ini. Hasil kajian perpustakaan yang dilakukan, penyelidik menemui beberapa buah buku yang secara langsung membahaskan persoalan berkaitan metode penyediaan khutbah yang telah sedia diamalkan di sana. Antaranya buku *al-Khitābah wa I'dad al-Khātib* tulisan Dr. Taufiq al-Wā'ī yang secara jelas membentangkan perbahasan tentang topik ini. Begitu juga buku *Rauḍah al-Khuṭabā* karangan Dr. Mustafā Murād yang turut fokus membahaskannya.

Sebagai gambaran awal, di dalam buku *Rauḍah al-Khuṭabā*, pengarang menyatakan bahawa metode penyediaan khutbah yang diamalkan di sini dapat dilihat dengan jelas melalui tiga (3) peringkat penyediaan, iaitu¹¹¹ :

- i. Peringkat Pertama : Pemilihan Topik Khutbah
- ii. Peringkat Kedua : Bahagian-Bahagian Isi Kandungan Khutbah
- iii. Peringkat Ketiga : Penyampaian Khutbah.

Meskipun begitu, kajian dan pembentangan penyelidik di dalam disertasi ini hanya akan menumpukan kepada dua peringkat yang awal iaitu berkaitan Pemilihan Topik Khutbah dan Bahagian-Bahagian Isi Kandungan Khutbah selaras dengan tumpuan kajian terhadap Teks

¹¹¹ Dr. Mustafā Murād (2002), *op.cit*, h. 20-33.

khutbah Jumaat JAWI. Ini bermaksud kajian berkaitan Penyampaian Khutbah tidak dibincangkan di dalam disertasi ini.

Menurut Dr. Mustafā Murād, peringkat-peringkat ini perlu dilalui dan dipatuhi dengan teliti demi menjamin terbentuknya khutbah-khutbah yang bermutu dan memberi kesan yang mendalam kepada jiwa para pendengar. Untuk memastikan peringkat-peringkat ini difahami dengan lebih jelas, berikut dibentangkan penjelasan mengenai butiran tersebut secara langsung, iaitu :

i. Peringkat Pertama : Pemilihan Topik Khutbah

Ini adalah perkara asas bagi setiap khutbah yang perlu dipandang serius oleh setiap orang yang ingin menulis khutbah. Kegagalan di sudut ini akan memberi impak besar kepada kegagalan khutbah dan merupakan suatu kelemahan yang ketara dalam membangunkan dakwah Islam kepada umat manusia. Ini kerana khutbah merupakan media mingguan Islam yang perlu dimanfaatkan secara maksimum bagi menjamin kesejahteraan umat Islam dan keutuhan agama ini sendiri. Untuk memastikan pemilihan topik khutbah adalah sesuai dan tepat para khatib perlu memerhatikan perkara-perkara berikut :

- a) Kesesuaian topik khutbah dengan para pendengar sama ada dari sudut perasaan, minda dan situasi semasa mereka
- b) Kesesuaian topik khutbah dengan realiti dan latarbelakang kehidupan para pendengar.¹¹²

¹¹² *Ibid*, h. 20.

Kedua-dua perkara ini adalah penentu kepada kejayaan sesebuah khutbah. Ia juga sebenarnya adalah faktor yang menjayakan usaha-usaha dakwah. Ini kerana khutbah adalah salah-satu medium dakwah yang sangat berkesan. Selari dengan matlamat dakwah yang bertujuan mengubah dan memindahkan manusia dari kekufuran kepada keimanan, dari kemaksiatan kepada ketaatan, dari kekejian kepada kebaikan dan dari kebaikan kepada tahap yang lebih baik, inilah juga merupakan matlamat pensyariaan khutbah. Semua ini tidak akan berjaya dilakukan dengan sempurna tanpa menjayakan usaha awal iaitu menarik perhatian minda dan perasaan pendengar untuk memberi tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Keupayaan khatib mengenalpasti permasalahan semasa masyarakat dan perasaan mereka akan mampu membantunya untuk memilih topik yang sesuai untuk dibentangkan. Ini juga akan mampu mengelakkan khatib dari memperkatakan sesuatu perkara atau isu yang tidak ada kaitan dengan pendengar. Setiap kelompok masyarakat mungkin mengalami suatu situasi dan masalah kehidupan yang berbeza dengan sekelompok masyarakat yang tinggal di kawasan lain. Justeru, para khatib perlu bijak memilih topik yang tepat dan bersesuaian dengan mereka dengan berpandukan faktor-faktor ini.

ii. Peringkat Kedua : Bahagian-Bahagian Isi Kandungan Khutbah

Setelah topik perbincangan dikenal pasti dan ditentukan, persediaan seterusnya adalah berkenaan dengan penyusunan persembahan khutbah yang disampaikan. Khutbah yang hendak disusun perlu dibahagikan kepada tiga (3) bahagian, iaitu:¹¹³

¹¹³ *Ibid*, h. 21.

1. Mukadimah
2. *Mauduk* khutbah
3. Penutup

Bahagian Pertama: Mukadimah Khutbah

Menurut Dr. Tawfiq al-Wā'ī lagi, mukadimah adalah kata pembukaan khutbah yang perlu diberi perhatian khusus kerana ia adalah pintu masuk bagi topik khutbah yang akan dipersembahkan. Ia perlu dibentuk dengan ciri yang mampu menggambarkan topik perbincangan dan menarik perhatian para pendengar dan merangsang minda mereka untuk mula berfikir dan menghayati khutbah yang disampaikan. Seterusnya mampu menarik mereka untuk terus bersama memberi perhatian kepada khatib yang menyampaikan khutbah dengan gaya bahasa dan persembahan yang indah dan menarik. Mukadimah juga perlu bersifat mampu mengundang perasaan ingin tahu terhadap topik yang bakal dibicarakan. Keindahan bahasa dan kekemasan susunan ayat adalah di antara faktor yang membantu membina mukadimah yang dinamik dan berjaya.¹¹⁴

Untuk memastikan mukadimah khutbah yang menarik dan mampu memenuhi ciri-ciri ini, berikut disenaraikan beberapa tatacara dan panduan dalam menyusun mukadimah khutbah, iaitu:¹¹⁵

- a) Memulakan khutbah dengan pujian pada Allah SWT dan membesarkannya, disusuli dengan ungkapan Syahadah dan Selawat ke atas Rasulullah SAW, lalu disambung dengan sepotong ayat al-Quran yang berkaitan dengan topik khutbah

¹¹⁴ Dr. Tawfiq al-Wā'ī (1999), *op.cit*, h. 91-92

¹¹⁵ Dr. Mustafā Murād (2002), *op.cit*, h. 22-23

- b) Membentuk kesinambungan ayat-ayat yang digunakan bagi memelihara keindahan bahasa dan ketinggian nilai sasteranya seperti memastikan persamaan pada ritma akhir kalimah di hujung setiap ayat
- c) Mesti disempurnakan dalam tempoh yang pendek tanpa meleret-leret, tidak melebihi satu persepuluh daripada keseluruhan khutbah
- d) Mesti dipersembahkan dengan bahasa yang indah dan kemas sehingga mampu menarik perhatian para pendengar.

Bahagian Kedua: *Mauduk Khutbah*

Setelah selesai pembentukan mukadimah, tumpuan selanjutnya adalah kepada persoalan bagaimana menyediakan dan menyusun mauduk khutbah. *Mauduk* khutbah adalah jasad yang membawa idea dan tiang seri yang menjulang matlamat dan hala tuju khutbah, juga yang menjadi fokus utama usaha dan tumpuan khatib. Ia adalah bahagian paling penting yang perlu diberi perhatian khusus. Tanpanya khutbah tiada nilai apa-apa. Mukadimah diumpamakan seperti perhiasan diri, manakala mauduk adalah batang tubuhnya dan natijah khutbah nanti sangat bergantung kepada kesempurnaan mauduknya. Jika tiada pokok mana mungkin akan ada buahnya, begitulah tanpa mauduk yang baik mana mungkin akan terhasil natijah yang baik. Untuk memastikan kesempurnaan ini, proses menyusun mauduk khutbah ini perlu berjalan melalui dua (2) peringkat, iaitu :¹¹⁶

- a) Pembahagian *mauduk* kepada beberapa unsur

¹¹⁶ *Ibid*, h. 28

- b) Pemilihan dan penentuan dalil-dalil yang akan digunakan untuk menguatkan kenyataan *mauduk*

Pembahagian *mauduk* kepada beberapa unsur ini perlu mematuhi beberapa panduan dan syarat yang membantu dalam memastikan kejayaan pembentangan *mauduk* khutbah. Ia boleh dinyatakan sebagaimana berikut :

- i. Pembahagian mestilah fokus kepada satu tajuk perbahasan dan bersifat sempurna meliputi semua unsur perbincangan *mauduk*, tidak boleh keluar dari batasan unsur-unsur yang telah dibentuk. Khatib dikira gagal sekiranya khutbah yang disampaikan membicarakan *mauduk* yang bermacam-macam tanpa topik tumpuan.¹¹⁷ Contohnya apabila khutbah berkisar tentang kemudaratan tabiat merokok, khatib sewajarnya membicarakan tentang rokok secara khusus dan menyeluruh meliputi sejarah, hukum, bahaya dan panduan menghindarinya. Amat tidak sesuai jika perbahasan tentang kebersihan atau masalah kejiiran dibicarakan dalam khutbah yang sama.
- ii. Bahagian bagi setiap unsur ini mestilah jelas batasan dan fokus perbincangannya, tidak bercelaru atau menyerupai antara satu dengan yang lain.
- iii. Ia perlu jelas dan nyata dalam penggunaan bahasa dan susunan ayat agar mudah diterima oleh pendengar.
- iv. Ia perlu bersifat dinamik, padat, mampu menjelaskan perbahasan dan ringkas.
- v. Ia mesti berkesinambungan di antara satu bahagian dengan bahagian berikutnya. Contohnya *mauduk* ‘marah’ sebaiknya disusun bermula dengan

¹¹⁷ Anṭuwān al-Qawwāl, (1996) op.cit, h. 13

memperkenalkannya sebagai suatu tindak balas perasaan secara ringkas sebelum disusuli dengan panduan Islam untuk bagaimana menanganinya.

- vi. Mematuhi turutan bahagian-bahagian *mauduk* mengikut susunan yang tepat secara tertib. Bahagian yang perlu didahulukan perlulah didahulukan, yang sewajarnya dibahaskan kemudian perlulah dikemudiankan. Misalnya jika ingin membicarakan tentang ‘Kewajipan Mensyukuri Nikmat Menurut Islam’ maka janganlah khatib terus memulakan dengan membentangkan apa yang telah diwajibkan oleh Islam kepada penganutnya berupa kewajipan bersyukur kepada Allah. Sewajarnya para pendengar dibawakan dengan perbincangan mengenai nikmat Allah yang terlalu banyak kepada manusia agar mereka sedar dan insaf tentang sifat Maha Pemurah Allah sebelum mereka disedarkan dengan kewajipan bersyukur tersebut.¹¹⁸
- vii. Mengelakkan pembentangan perkara-perkara khilafiah¹¹⁹ yang mengundang kecelaruan maklumat yang diterima pendengar. Sebaiknya fokus kepada suatu pandangan yang paling sesuai untuk dibincangkan dengan disertakan hujah-hujah dan dalil-dalil berkaitan. Inilah yang ditegaskan oleh Profesor Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī bahawa khatib perlu menjauhkan dirinya daripada menimbulkan masalah-masalah cabangan dan khilafiah yang boleh menyebabkan perpecahan dan menimbulkan perkelahian di kalangan masyarakat.¹²⁰

¹¹⁸ Dr. Mustafā Murād (2002), *op.cit.*, h. 28-29

¹¹⁹ Perkara-perkara yang menimbulkan pertikaian (yg. tidak mempunyai nas yg. tepat mengenai hukumnya) –Rujuk *Kamus Dewan Edisi Empat*, *op.cit.*, h. 783

¹²⁰ Profesor Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī (2002), *Khutbah Prof. Dr. Yusof al-Qardhawi*, As-Syabab Media, Selangor, Jilid 1, h. xvii

Manakala peringkat kedua penyusunan *mauduk* iaitu pemilihan dan penentuan dalil-dalil yang akan digunakan untuk menguatkan kenyataan *mauduk*, perlu mematuhi syarat-syarat berikut:¹²¹

- i. Hanya menggunakan dalil-dalil yang bersumber dari al-Quran, hadith, *Āthār* Sahabat dan pendapat para ulama muktabar
- ii. Sangat digalakkan sekiranya dapat dimuatkan *mauduk* khutbah dengan kisah-kisah yang benar
- iii. Merujuk hanya kepada dalil-dalil yang sahih dari al-Quran, hadith, *Āthār* Sahabat dan kisah-kisah benar dan berusaha menjauhi dalil-dalil yang palsu dan lemah, khurafat dan sangkaan tanpa kepastian, juga maklumat *Isrāīliyyāt* yang menyalahi syariat Islam
- iv. Dalil yang digunakan mestilah berkaitan dengan *mauduk* dan munasabah untuk menjadi jelas dan mudah diterima minda pendengar
- v. Perlulah menentukan dan menjelaskan tempat fokus dalil yang dimaksudkan dari nas dalil yang dibentangkan. Apatah lagi sekiranya nas dalil itu panjang atau mencakupi pelbagai maksud
- vi. Sewajarnya mendahulukan pembentangan dalil mengikut tahap dan taraf martabatnya, maka mulakan dengan ayat al-Quran kemudian Hadith kemudian *Āthār*. Meskipun begitu turutan keutamaan ini boleh berubah jika ada dalil yang tahapnya lebih rendah ternyata memberi maklumat lebih jelas dan tepat berbanding dalil yang lain yang tahapnya lebih tinggi dan utama
- vii. Jika terdapat dalil yang banyak yang tidak mungkin disertakan semuanya, khatib sewajarnya memilih dalil-dalil yang akan mampu menguatkan hujah dan

¹²¹ Dr. Mustafā Murād (2002), *op.cit*, h. 30.

menyumbang dalam usaha menyempurnakan sasaran dan matlamat. Panduan pemilihan ini hendaklah berdasarkan apa yang lebih sesuai, lebih tepat dan lebih jelas dengan mauduk.

Bahagian Ketiga: Penutup

Penutup khutbah adalah bahagian terakhir khutbah yang perlu dimuatkan dengan perkara-perkara yang akan menjelaskan hala tuju khutbah. Ia sewajarnya menjadi suatu perhentian yang bakal meninggalkan kesan dan ingatan kepada para pendengar. Meskipun begitu ia perlu berbentuk ringkas, padat dan menghimpun maklumat. Justeru, penutup khutbah perlu mengandungi dua (2) perkara asas ini, iaitu:¹²²

- i. Kesimpulan atau rumusan bagi keseluruhan khutbah
- ii. Panduan dan saranan yang mengajak para pendengar merealisasikan pengajaran khutbah.

Khutbah yang baik adalah khutbah yang memiliki dua (2) ciri-ciri ini di bahagian penutupnya. Biasanya penutup dimulakan dengan membentangkan rumusan dan kesimpulan mauduk khutbah kemudian disusuli dengan panduan yang mendorong para jemaah pendengar untuk melaksanakannya dengan gaya bahasa yang meyakinkan dan penuh kesungguhan. Boleh juga dibuat sekaligus dan serentak dengan gaya susunan ayat yang mampu memberi penjelasan dan saranan sebagaimana yang diharapkan.

Seperkara yang perlu dipastikan di bahagian penutup khutbah ini ialah doa untuk sekalian kaum muslimin dan muslimat. Selain daripada ia merupakan salah satu rukun khutbah,

¹²² *Ibid*, h. 31.

ia juga sebenarnya adalah satu slot harapan yang dimohon kepada Allah SWT setelah khutbah beserta saranannya dibentangkan. Justeru, doa ini perlu dihayati oleh khatib dan disuarakan dari hati yang khusyuk dan penuh harap. Sendu tangisan dan getar suara merayu yang juga boleh membantu penghayatan adalah digalakkan jika mampu dilakukan. Sebaiknya para khatib memilih doa-doa yang dipetik dari al-Quran dan Hadith yang bersesuaian dengan mauduk perbicaraan khutbah. Khatib juga perlu memastikan doa yang nas asalnya dalam lafaz *mufrad* (ganti nama seorang; aku) diubah dan dibacakan dengan lafaz *jama'* (ganti nama ramai; kami).¹²³

iii. Peringkat Ketiga : Penyampaian Khutbah

Penyampaian khutbah yang dimaksudkan di sini adalah tatacara, teknik dan gaya yang perlu ada pada seseorang khatib ketika menyampaikan khutbah. Ia meliputi tiga (3) sudut penting yang perlu diberi perhatian, iaitu :¹²⁴

1. Adab dan tata susila ketika berkhutbah
2. Teknik penyampaian khutbah
3. Gaya persembahan penyampaian khutbah

Pertama : Adab Dan Tatasusila Ketika Berkhutbah

Sewaktu menyampaikan khutbah, para khatib sewajarnya menjaga adab-adab yang dapat memelihara keindahannya. Di antara adab-adab tersebut ialah :

¹²³ *Ibid*, h. 31-32.

¹²⁴ *Ibid*, h. 33.

1. Menjaga penampilan dengan tampil di atas mimbar dengan wajah yang rapi dan pakaian yang bersih dan kemas.
2. Berwibawa dan tenang. Ketenangan dalam menyampaikan khutbah adalah sangat dituntut kerana ia akan dapat membantu para jemaah pendengar memahami dan menghayati khutbah tersebut.
3. Berdiri menghadap ke arah para jemaah pendengar. Sebaiknya berdiri di atas mimbar atau di tempat yang lebih tinggi dari kedudukan pendengar. Elakkan dari banyak bergerak dan mengangkat tangan ketika berkhotbah.

Kedua : Teknik Penyampaian Khutbah

Berikut adalah di antara teknik-teknik yang baik dan berkesan dalam menyampaikan khutbah :

1. Melontarkan suara dengan jelas dan fasih. Menyebut setiap perkataan satu persatu dengan nyata. Jika kalimah yang disebut adalah bahasa Arab; sama ada ayat al-Quran, hadith atau doa, ia perlulah disebut dengan tepat mengikut makhrajnya.
2. Memilih untuk menggunakan perkataan dan ayat yang menarik, memberi kesan di jiwa pendengar dan mampu membangkitkan keinsafan serta menyentuh perasaan sesuai dengan ayat-ayat dan mauduk khutbah yang disampaikan.
3. Menggunakan bahasa yang mudah dan dekat dengan pendengar agar khutbah terus dapat diterima oleh minda mereka. Jika khatib menggunakan bahasa yang terlalu tinggi atau sukar difahami maka para pendengar akan mengabaikan ucapannya dan mengalihkan tumpuan daripadanya.

Ketiga : Gaya persembahan penyampaian khutbah

Gaya penyampaian khutbah yang dimaksudkan di sini ialah cara persembahan seorang khatib di atas mimbar sewaktu menyampaikan khutbah. Gaya penyampaian yang sesuai dan tepat adalah perlu bagi menjamin keberkesanan khutbah. Antaranya ialah :

1. Khatib mestilah mempersembahkan khutbah dengan gaya berucap atau berpidato bukan dengan gaya membaca bagi menarik perhatian para pendengar, sekalipun dia membaca dan merujuk kepada teks khutbah.
2. Menggunakan pelbagai intonasi suara sesuai dengan keperluan ayat-ayat khutbah yang kadangkala menggambarkan ungkapan persoalan, membangkitkan rasa semangat, takut, ngeri, kecewa, harap dan sebagainya.¹²⁵
3. Khatib juga perlu peka dengan keadaan jemaah pendengar. Dia perlu berkhotbah sambil memerhatikan situasi mereka. Ada waktunya khatib perlu meninggikan suara atau memperlahankan rentak ucapan untuk menyesuaikan khutbah dengan keadaan semasa para pendengar.
4. Mempamerkan air muka yang sesuai dengan isi khutbah yang disampaikan. Memek muka seperti serius, sedih, gerun, marah dan gembira mestilah ditunjukkan dengan tujuan untuk mengajak para jemaah pendengar merasai dan menjiwai apa yang diucapkan.
5. Menyampaikan khutbah dengan penuh yakin dengan apa yang disampaikan. Khatib tidak boleh menyampaikan khutbah dalam keadaan ragu-ragu apatah lagi dalam keadaan gementar dan terketar-ketar. Seseorang yang tidak yakin dengan

¹²⁵ *Ibid*, h. 34-36

dirinya tidak mungkin dapat meyakinkan orang lain. Keyakinan yang padu dan jitu pada apa yang diperkatakan akan memberi impak yang kuat kepada orang-orang yang mendengarnya.¹²⁶

2.8 Asas-Asas Penyediaan dan Bahagian-Bahagian Utama Khutbah

Manakala di dalam buku *al-Khiṭābah wa I'dād al-Khāṭib*¹²⁷ pula menyatakan bahawa setiap khutbah tersebut perlu melalui dua sudut penyediaan, iaitu :

2.8.1. Asas-Asas Utama Penyediaan Khutbah

2.8.2. Bahagian-bahagian Utama Pembentukan Khutbah

Untuk menjelaskan kenyataan ini, berikut dibentangkan perbincangan lanjut mengenai dua (2) sudut metode penyediaan ini secara menyeluruh.

2.8.1. Asas-Asas Utama Penyediaan Khutbah

Menurut Dr. Tawfiq al-Wā'ī, khutbah secara umumnya mempunyai asas-asas utama yang perlu dibangunkan untuk memastikan kejayaannya. Asas-asas ini dikenalpasti telah dijadikan tapak mula dalam usaha membentuk sistem penyediaan khutbah yang diamalkan di negara-negara Arab di Timur Tengah. Untuk membentuk sebuah khutbah, seseorang itu perlu

¹²⁶ *Ibid*, h. 36-37.

¹²⁷ Dr. Tawfiq al-Wā'ī (1999) *op.cit*, h.82.

menyediakan tiga (3) asas utama ini sebagai persediaan awalnya. Asas-asas ini terangkum di dalam butiran berikut :¹²⁸

- i. Pemilihan Tajuk Perbahasan Khutbah
- ii. Pengumpulan Maklumat Asas
- iii. Menyertakan Dalil dan Bukti

Perbahasan tentang perkara-perkara ini memerlukan penjelasan lanjut yang lebih menyeluruh. Justeru, berikut dibentangkan huraian mengenainya dengan tujuan untuk memberi gambaran sebenar tentang perkara berkaitan, sebagaimana berikut :

i. Pemilihan Tajuk Perbahasan Khutbah

Pemilihan tajuk atau topik perbincangan khutbah adalah perkara asas yang perlu difikirkan oleh sesiapa juga yang ingin memulakan pembentukan khutbah. Penulis khutbah yang baik adalah mereka yang sedar dan mengambil perhatian tentang latarbelakang jemaah pendengar yang hadir mendengar khutbahnya. Dengan persediaan ini dia dapat memilih topik perbincangan yang bakal dibentangkan sesuai dengan jemaah pendengarnya. Asas pertama ini perlu diberi perhatian serius kerana kesesuaian topik khutbah akan mampu menarik perhatian jemaah untuk fokus mendengar dan menumpukan perhatian terhadap khutbah yang disampaikan. Ia juga akan mampu mengelakkan pertembungan perasaan dan ideologi yang bakal menimbulkan konflik.¹²⁹ Terbukti hanya dengan keselarian yang berjaya dibentuk di antara topik perbincangan dengan pendengar akan berkesan untuk mendorong mereka

¹²⁸ *Ibid*, h. 87.

¹²⁹ *Ibid*, h. 87-88

mendengar, menerima dan menuruti pengajaran yang disampaikan. Ironinya, setiap manusia akan lebih mudah memahami dan menghayati sesuatu perkara yang telah tersedia maklumat asasnya di mindanya. Maka unsur keselarian inilah yang akan merangsang fikirannya dan menyentuh perasaannya lalu menarik panca inderanya untuk menumpukan perhatian. Contohnya khutbah untuk masyarakat di kampung sepatutnya berkisar tentang permasalahan pertanian dan kelebihan bertani kerana ia sesuai dengan cara hidup dan tahap minda mereka. Mereka tidak wajar dihidangkan dengan khutbah mengenai masalah kesibukan lalulintas atau bursa saham yang langsung tiada kaitan dengan mereka. Inilah sebenarnya matlamat utama khutbah, iaitu untuk meyakinkan pendengar dan mengajak mereka menuruti pedoman yang dilontarkan di dalam khutbah. Justeru, penulis khutbah sewajarnya perlu sedar hakikat ini dan wajar bersoal-jawab dengan dirinya beberapa kali sebelum membuat pemilihan topik khutbah. Antara persoalan yang perlu diutarakan ialah ‘Apakah perkara yang sedang menjadi isu semasa di dalam komuniti tersebut? Apakah perkara yang baik untuk diperkatakan berkaitan persoalan ini?, Bagaimanakah penerimaan mereka tentang topik perbahasan khutbah?, Apakah keperluan jemaah pendengar dan anggapan mereka terhadap khutbah yang dipersembahkan nanti?’

Para penyedia khutbah perlu menyedari bahawa pemilihan topik yang sesuai dan tepat adalah asas yang paling penting dan penentu kejayaan sesebuah khutbah. Ia adalah suatu keperluan yang disediakan sebelum memulakan langkah memasuki usaha menyediakan khutbah. Ibnu al-Mu'taz al-Shaybānī berkata:

“*Al-Balāghah* (Perkataan yang berkesan) diasaskan dengan tiga perkara: Pertama: Kamu selami seketika jiwamu bersama ke dalam lubuk minda, kamu amati akibat-akibatnya, gabungkan di antara yang tiada dan yang nyata.

Kedua: Kamu kembali menilai dengan mata hatimu apa yang telah difikirkan oleh minda dengan pedoman hujah dan bukti.

Ketiga: Kamu susun fikrah itu dengan bahasa yang indah dan mampu menarik perhatian para pendengarnya.”

Seorang bijaksana pula berkata: “Ilmu ketinggian bahasa bersumber dari tiga asas: hati yang berfikir, kenyataan yang memberi gambaran yang jelas dan lidah yang fasih serta mampu menerangkan.”¹³⁰

ii. Pengumpulan Maklumat Asas

Setelah pemilihan topik dilakukan, langkah kedua yang perlu disempurnakan ialah pengumpulan maklumat asas yang merupakan tapak dalam membantu membangunkan buah fikiran dan perangsang minda. Buah fikiran dan maklumat ini akan disusun membentuk jalan-jalan pembentangan idea yang mampu menarik perhatian pendengar, selanjutnya mampu membuatkan mereka faham dan menghayati isi khutbah yang disampaikan. Pengumpulan maklumat asas ini juga penting kerana ia akan membantu kemantapan persembahan khatib yang berkhutbah. Penyampaian khutbah seorang khatib akan kelihatan lebih mantap dan berkesan bilamana idea dan maklumat disampaikan tersusun rapi dan memenuhi keperluan pembentangan sesebuah khutbah. Sebaliknya seseorang khatib dikira gagal apabila isi kandungan khutbahnya bercelaru dan gagal memberi maklumat yang jelas serta tiada berkesinambungan di antara mauduk-mauduknya, meskipun dia menyampaikan khutbahnya dengan suara yang lantang dan intonasi yang baik.

¹³⁰ *Ibid*, h. 88

iii. Menyertakan Dalil dan Bukti

Dalil ialah petunjuk atau pemandu yang dengan kewujudannya mampu menjelaskan kedudukan sesuatu perkara sama ada positif atau negatif. Penyedia khutbah perlu menyertakan dalil dan bukti yang menyokong kenyataan untuk meyakinkan para pendengar tentang topik khutbah yang dibicarakan. Setiap kenyataan yang berjaya disertakan dengan dalil dan bukti pasti akan menambahkan keyakinan dan menjamin penerimaannya di sisi jemaah pendengar. Ia menjadi penguat hujah-hujah yang dibentangkan.¹³¹

Di antara dalil-dalil yang perlu disertakan di dalam pembentukan khutbah ialah dalil Al-Quran, dalil Hadith, Sirah Rasulullah, Perlakuan dan Perkataan Sahabat dan Ijtihad Para Ulama. Beberapa perkara lain yang turut diterima sebagai dalil ialah Sijil-Sijil Perakuan dan bahan-bahan sejarah, kenyataan dan perakuan individu yang bertanggungjawab, bukti-bukti dan kesan perbuatan, pernyataan secara logik akal serta kisah-kisah yang boleh dirujuk. Meskipun dalil-dalil yang diyakini adalah yang sisipan terbaik di dalam khutbah, namun dalil-dalil yang bersifat *Zanni*¹³² masih boleh digunakan sekiranya penyedia khutbah mampu mengolah dan mempersembahkannya dengan baik sehingga dapat diterima dan diyakini oleh para jemaah pendengar.

¹³¹ *Ibid*, h. 88-90

¹³² *Zan*: Kalimah Arab yang bermaksud keyakinan yang tidak menyeluruh, berbaaur syak dengan peratusan yakin 75%.

2.8.2. Bahagian-bahagian Utama Dalam Pembentukan Khutbah

Apa yang dimaksudkan di bawah tajuk ini adalah bahagian-bahagian yang perlu ada ketika membentuk dan menyiapkan sesebuah khutbah. Kemantapan isi kandungan dan kekemasan susunan bahagian-bahagian utama ini adalah penting bagi menjamin kesempurnaan khutbah tersebut. Khutbah yang sempurna ini akan menjadikan para pendengar mendapat pedoman yang meyakinkan dan memberikan mereka kemampuan untuk menilai sesuatu dengan dengan tepat. Malah ia mampu membentuk pegangan dan panduan yang diamalkan sepanjang kehidupan mereka.¹³³ Justeru, untuk membina sebuah khutbah yang bermutu dan berkesan, ia perlu memiliki bahagian-bahagian utama khutbah sebagaimana berikut :

- i. Mukadimah
- ii. Topik Perbincangan
- iii. Kesimpulan dan Penutup

Huraian tentang ketiga-tiga bahagian utama khutbah ini adalah sama seperti yang telah dibentangkan dan diperbahaskan di bawah tajuk ‘Bahagian-Bahagian Isi Kandungan Khutbah’ di pertengahan Bab Dua sebelum ini. Justeru penyelidik merasa bahawa tidak ada keperluan untuk mengulangi perbahasan mengenainya di sini.

¹³³ Dr. Tawfiq al-Wā'ī (1999) *op.cit*, h.92

BAB TIGA

TEKS KHUTBAH JUMAAT

JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (JAWI)

3.1 Khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

Sebelum membincangkan lebih jauh berkenaan tajuk ini, penyelidik ingin memperkenalkan serba sedikit latar belakang Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk memberi gambaran secara umum struktur pentadbiran jabatan ini yang di dalamnya terletak Cawangan Khutbah & Latihan JAWI yang menjadi lokasi tumpuan penyelidikan tesis ini.

3.1.1 Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) ditubuhkan pada 1 Februari 1974, sebaik sahaja kerajaan Negeri Selangor menyerahkan Kuala Lumpur kepada Kerajaan Persekutuan. Pada peringkat awalnya ia ditubuhkan dengan tujuan untuk menggerak dan melancarkan perjalanan aktiviti dan perancangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Ia mula ditubuhkan dengan nama Urusetia Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Urusetia Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ini pada di peringkat awalnya hanya terdiri daripada beberapa orang pegawai sahaja. Mereka adalah:¹³⁴

- i. Mufti Wilayah Persekutuan
- ii. Kadi Besar Wilayah Persekutuan
- iii. Ketua Penolong Setiausaha

¹³⁴ Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2008, *Buku Laporan Tahunan 2007*, Kuala Lumpur: D'Reka DigiArt & Printshoppe Sdn. Bhd., h. 4-5.

- iv. 2 Orang Kadi
- v. Pegawai Tadbir Masjid
- vi. 2 Orang Pegawai Zakat dan Baitulmal
- vii. Pegawai Pendakwa dan Penguatkuasa

Setelah itu, apabila Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) ditubuhkan pada tahun 1978, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah diwujudkan menggantikan Urusetia Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan ia diletakkan di bawah Kementerian ini. Walaubagaimanapun, pada tahun 1987 kementerian ini telah dimansuhkan, lalu JAWI telah diletakkan di bawah Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun 1997. Setelah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ditubuhkan pada tahun 1998 (dahulunya Bahagian Hal-Ehwal Islam –BAHIES) pengurusan JAWI diletakkan di bawah JAKIM sehingga kini.¹³⁵

Pada peringkat awal operasi, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) hanya terdiri daripada beberapa cawangan kecil sahaja iaitu :

- i. Cawangan Pentadbiran
- ii. Cawangan Pengurusan Masjid
- iii. Cawangan Penguatkuasa dan Pendakwaan
- iv. Cawangan Pentadbiran Nikah, Cerai dan Ruju`
- v. Cawangan Zakat dan Baitulmal
- vi. Cawangan Fatwa

¹³⁵ *Ibid*, h. 5.

Sejak awal penubuhannya, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) terus berkembang pesat hingga ke hari ini. Ini terbukti dengan kewujudan 2 cawangannya iaitu Cawangan Labuan yang diwujudkan pada 16 April 1984 manakala Cawangan Putrajaya pula diwujudkan pada 1 Ogos 2001. Kini, peranan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah diperluaskan kepada beberapa bidang antaranya:

- i. Merancang pembangunan dan aset Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
- ii. Penyelidikan
- iii. Memberi pendidikan serta keperluan guru yang mencukupi untuk mendidik anak-anak masyarakat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan
- iv. Menjalankan aktiviti dakwah dan kebajikan
- v. Pengurusan saudara baru yang lebih konsisten
- vi. Pengurusan zakat, wakaf dan Baitulmal
- vii. Penguatkuasaan dan Pendakwaan serta memberi kaunseling kepada pasangan bermasalah
- viii. Pentadbiran Undang-undang Keluarga yang lebih sistematik
- ix. Menerbit dan mengedarkan majalah berkaitan dengan aktiviti-aktiviti JAWI dan kitab-kitab agama
- x. Penyelidikan Fatwa¹³⁶

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan diterajui oleh seorang pengarah dan 2 orang timbalan pengarah, iaitu Tmbalan Pengarah Pengurusan dan Timbalan Pengarah Operasi. Pada waktu ini jawatan pengarah ini disandang oleh Dato' Haji Che Mat bin Che Ali. Jawatan Timbalan Pengarah Pengurusan pula dipegang oleh Tuan Haji Meharomi bin Muhamad

¹³⁶ Sumber: <http://www.jawi.gov.my/> Akses 15 Januari 2010.

sementara Tuan Haji Omar bin Said memegang amanah sebagai Timbalan Pengarah Operasi. Sehingga hari ini JAWI menaungi 10 bahagian pentadbiran dan 2 cawangan di dalam organisasi pentadbirannya. Bahagian-bahagian ini dibentuk bagi mengklasifikasikan setiap bidang pengurusan dan perkhidmatan di dalam struktur yang lebih kecil dan fokus. Setiap bahagian ini dipimpin oleh seorang Ketua Penolong Pengarah (KPP). Bahagian-bahagian perkhidmatan yang tersedia hingga waktu ini adalah seperti berikut:

- i. Bahagian Khidmat Pengurusan
- ii. Bahagian Pengurusan Dakwah
- iii. Bahagian Pengurusan Kariah
- iv. Bahagian Penyelidikan
- v. Bahagian Perkahwinan dan Keluarga
- vi. Bahagian Penguatkuasaan
- vii. Bahagian Pendakwaan
- viii. Bahagian Pelajaran
- ix. Bahagian Pembangunan
- x. Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur¹³⁷

Manakala 2 cawangan pentadbiran JAWI itu ialah:

- i. JAWI Cawangan Putrajaya
- ii. JAWI Cawangan Labuan

¹³⁷ Sumber: <http://www.jawi.gov.my/> Akses 15 Januari 2010.

Cawangan Khutbah yang menjadi fokus perbincangan tesis ini berada di bawah naungan Bahagian Pengurusan Kariah yang kini beroperasi di Aras 1, Kompleks Pusat Islam, Jalan Perdana, 50519 Kuala Lumpur, yang merupakan kompleks pentadbiran JAWI sepenuhnya.

3.1.2 Cawangan Khutbah di Bahagian Pengurusan Kariah

Bertepatan dengan kedudukan Cawangan Khutbah yang diletakkan di bawah tadbir urus Bahagian Pengurusan Kariah, maka di sini dibentangkan maklumat ringkas mengenai bahagian ini. Pembentangan mengenainya dipaparkan cukup sekadar memenuhi keperluan untuk memberi gambaran kedudukan dan peranan Cawangan Khutbah yang menjadi fokus kajian tesis ini.

Bahagian Pengurusan Kariah (BPK) merupakan sebuah bahagian yang agak baru diwujudkan oleh pihak JAWI berbanding bahagian-bahagian lain. Sebelum ini, BPK hanya merupakan sebuah cawangan di bawah tadbir urus Bahagian Dakwah dan pada ketika itu ia dikenali sebagai Cawangan Kariah. Selaras dengan perkembangan peranan dan fungsi Cawangan Kariah yang semakin luas dan mencabar, pihak pentadbiran induk JAWI telah mengambil inisiatif dengan menjadikan Cawangan Kariah sebagai sebuah bahagian berasingan. Natijahnya, BPK telah diluluskan penubuhannya secara rasmi berdasarkan kelulusan jawatan yang diberi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada Disember 2007. Jika dilihat kepada keperluan dan dasarnya, BPK ini ditubuhkan bagi merealisasikan beberapa objektif berikut:¹³⁸

- i. Mewujudkan struktur organisasi yang berkesan dalam pentadbiran masjid dan surau

¹³⁸ Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, , 2008, *op.cit*, h. 11-12

- ii. Melahirkan masyarakat yang menghormati, menghayati dan mencintai masjid dan surau
- iii. Melahirkan para pegawai dan kakitangan masjid dan surau yang terlatih dan bermaklumat
- iv. Mempertingkatkan tahap kebersihan dan keceriaan masjid dan surau.

Bagi menjayakan semua objektif tersebut, Bahagian Pengurusan Kariah telah diberikan beberapa fungsi bagi menjelaskan peranan dan bidang pengurusannya di Jabatan ini. Berikut adalah fungsi-fungsi yang dijalankan oleh Bahagian Pengurusan Kariah JAWI:¹³⁹

- i. Mengurus pentadbiran masjid dan surau di seluruh Wilayah-Wilayah Persekutuan
- ii. Menyelia keceriaan dan kebersihan masjid serta surau
- iii. Menyelaras permohonan pembaikan, penyelenggaraan dan pembangunan masjid serta surau
- iv. Menyelaras program-program pengimaran dan takmir masjid dan surau
- v. Menyelaras pengurusan tanah perkuburan Islam
- vi. Menerbitkan teks khutbah Jumaat dan khutbah multimedia
- vii. Memproses perlantikan dan pentauliahan Imam Ratib, Pembantu Bilal, guru takmir dan ahli jawatankuasa masjid serta surau
- viii. Menyelaras latihan kepada pegawai dan ahli jawatankuasa masjid serta surau
- ix. Memproses pembayaran imbuhan dan elaun kepada Imam Ratib, Pembantu Bilal, guru takmir dan ahli jawatankuasa masjid

¹³⁹ *Ibid*, h. 12-15.

- x. Menguruskan perasmian masjid dan lawatan Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong ke masjid-masjid.

Di samping itu, perlu dinyatakan di sini bahawa Bahagian Pengurusan Kariah kini telah dibahagikan kepada 4 cawangan di bawah pengurusannya, iaitu :

- i. Cawangan Penyelarasan dan Perancangan Kariah
- ii. Cawangan Khutbah dan Latihan
- iii. Cawangan Pengimarah dan Takmir
- iv. Cawangan Masjid dan Surau.¹⁴⁰

3.1.2.1 Cawangan Khutbah dan Latihan

Inilah medan kajian disertasi ini. Di samping mendapat maklumat melalui bahan sedia ada seperti buku, laporan, carta dan laman sesawang JAWI, penyelidik telah menemubual beberapa kakitangan di lokasi kajian. Hasil gabungan maklumat-maklumat yang diperolehi penyelidik membentangkannya di sini.

Cawangan Khutbah dikembarkan bersama Cawangan Latihan di Bahagian Pengurusan Kariah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan dinamakan sebagai Cawangan Khutbah dan Latihan. Cawangan ini ditadbir urus oleh 2 orang pegawai gred S41 dan dibantu oleh 5 orang kakitangan. Sejak Januari 2008 hingga kini aktiviti dan urusan di Cawangan Khutbah dikendalikan oleh Encik Khairul Asyraf bin Ahmad manakala Cawangan Latihan dikendalikan oleh Encik Mohd Hilmee bin Umar. Mereka berdua dibantu oleh 5 orang kakitangan dalam

¹⁴⁰ Sumber: <http://www.jawi.gov.my/> Akses 15 Januari 2010.

menjalankan aktiviti dan program khutbah dan latihan ini secara bersama-sama.¹⁴¹ Cawangan ini sentiasa aktif dengan aktiviti sepanjang tahun sesuai dengan keperluan penyediaan teks khutbah Jumaat yang merupakan keperluan mingguan yang perlu dipenuhi tepat pada masanya di setiap minggu, di samping aktiviti kursus, bengkel dan seminar yang dikendalikan oleh cawangan ini.

Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas tentang struktur pentadbiran dan kekuatan tenaga kerja cawangan ini, penyelidik telah menemubual Puan Salamah binti Hasan¹⁴² yang bertugas sebagai Pembantu Hal Ehwal Islam di cawangan ini bagi mendapatkan maklumat dan carta organisasi Cawangan Khutbah dan Latihan dan Latihan, Bahagian Pengurusan Kariah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Berikut adalah susunan struktur pegawai dan kakitangan yang bertugas di cawangan ini:¹⁴³

Jawatan	Gred	Pegawai/Kakitangan
Ketua Pen. Pengarah (K) Bhg. Kariah	(S52)	Tn. Hj Hashim bin Salleh
Ketua Pen. Pengarah Bhg. Kariah	(S48)	Encik Wan Jaapar bin Wan Ahmad
Pen. Pengarah Cawangan Khutbah	(S41)	Encik Khairul Asyraf bin Ahmad
Pen. Pengarah Cawangan Latihan	(S41)	Encik Mohd Hilmee bin Umar
Pen. Pegawai Hal Ehwal Islam	(S32)	Encik Mohd Faizal bin Yusof
Pembantu Hal Ehwal Islam	(S22)	Puan Salamah binti Hassan
Pembantu Hal Ehwal Islam	(S17)	Encik Mohd Hafizullah bin Zainuddin

¹⁴¹ Hasil Temubual dengan Encik Khairul Asyraf bin Ahmad, Ketua Unit Khutbah, Cawangan Khutbah dan Latihan, JAWI, pada 19 Mac 2010 di Aras 1 Bangunan Pusat Islam, Kuala Lumpur.

¹⁴² Responden merupakan Pembantu Hal Ehwal Islam di cawangan ini, temubual pada 19 Mac 2010 di Aras 1 Bangunan Pusat Islam, Kuala Lumpur

¹⁴³ Sumber: Carta Organisasi Cawangan Khutbah, Bahagian Pengurusan Kariah, JAWI, 19 Mac 2010.

Pembantu Hal Ehwal Islam	(S17)	Encik Zulbahari bin Abdul Rahman
Pembantu Hal Ehwal Islam	(S17)	Puan Rohaida binti Harun

3.1.2.2 Peranan Cawangan Khutbah

Cawangan Khutbah merupakan di antara cawangan yang penting di Bahagian Pengurusan Kariah kerana ia perlu beroperasi setiap masa secara berjadual sepanjang tahun bagi memastikan kelancaran proses penyediaan teks khutbah Jumaat terbitan JAWI. Justeru, cawangan ini telah diamanahkan untuk berfungsi dengan lancar dalam menjayakan aktiviti-aktiviti tersebut. Untuk menjelaskan peranan sebenar cawangan ini, berikut disenaraikan butiran terperinci tugas-tugas dan peranan yang dijalankan di sini:¹⁴⁴

- i. Merancang, menyedia, mencetak dan mengedarkan teks khutbah Jumaat setiap bulan dan dua hari raya setiap tahun
- ii. Merancang dan menerbitkan teks khutbah Bahasa Inggeris
- iii. Merancang, menyedia dan mengedarkan khutbah multimedia
- iv. Memantau dan menilai penyampaian khutbah di masjid dan surau Jumaat
- v. Memantau dan menilai pelaksanaan khutbah multimedia di masjid dan surau Jumaat
- vi. Merancang dan melaksanakan kursus dan latihan kepada pegawai masjid/surau dan ahli jawatankuasa masjid/surau
- vii. Mengurus dan menyelaras laporan aktiviti bahagian ke dalam laman web JAWI

¹⁴⁴ Sumber: <http://www.jawi.gov.my/>, akses 26 Januari 2010.

viii. Menyelaras laman web masjid-masjid di Wilayah Persekutuan.

Jika diperhatikan kepada peranan dan tugas yang perlu dijayakan oleh Cawangan Khutbah ini, ianya merupakan satu himpunan tugas yang besar, padat dengan aktiviti dan memerlukan komitmen yang berterusan dan keprihatinan tinggi. Apatah lagi apabila kakitangan yang dipertanggungjawabkan untuk semua tugas ini hanya 5 orang bersama seorang ketua. Ditambah pula dengan realiti khutbah Jumaat yang perlu disiapkan dan disampaikan saban minggu secara berterusan sepanjang tahun.

Menurut pemerhatian penyelidik jumlah pegawai dan kakitangan yang bertugas mengendalikan proses penyediaan khutbah di cawangan ini mencukupi jika mereka yang diamanahkan memikul tugas ini adalah individu-individu yang benar-benar berkecukupan dan berdisiplin dengan masa dan kerja. Permasalahan yang timbul dalam kerja-kerja di cawangan ini adalah masalah dalaman. Ia berkaitan kekurangan ilmu dan pengalaman dalam pengurusan kerja-kerja melibatkan khutbah. Ini ditambah lagi dengan kekerapan pertukaran kakitangan di bahagian-bahagian di jabatan ini sedangkan kerja-kerja di cawangan ini memerlukan ilmu, kemahiran dan pengalaman bagi menjamin kelancaran perjalanannya. Penyelidik melihat bahawa perkara ini perlu diberi perhatian oleh pihak pentadbiran JAWI.

3.2 Teks Khutbah Jumaat JAWI : Identiti dan Ciri-Ciri Utama

Sebagaimana dimaklumi setiap teks khutbah Jumaat perlu memenuhi syarat-syarat dan rukun-rukunnya bagi memastikan ia diterima sebagai sah di sisi Syara'. Justeru teks khutbah Jumaat JAWI juga sememangnya dipastikan memenuhi tuntutan asas ini bagi memastikan

khutbah Jumaat yang diterbitkan sah menepati syarat ini. Di samping itu, teks khutbah Jumaat JAWI ini juga menampilkan identitinya yang tersendiri sebagai satu usaha memantapkan dan memperkukuhkan lagi teks khutbah Jumaat yang diterbitkan. Ini adalah satu langkah baik yang wajar dipuji bagi memenuhi kriteria dan piawaian teks khutbah yang dinamik dan beridentiti.

Hasil kajian di Cawangan Khutbah di Bahagian Pengurusan Kariah JAWI dan temubual dengan Encik Mohd Hafizullah bin Mat Zainuddin¹⁴⁵ yang bertugas sebagai Pembantu Hal Ehwal Islam di cawangan ini, penulis dipertemukan dengan satu kertas kerja bengkel bertajuk 'Bengkel Pemantapan Teks Khutbah JAWI Bil. 1/2009' yang diadakan pada 3 hingga 5 Februari 2009 di Hotel De Palma, Ampang. Kertas kerja ini telah dijadikan manual rujukan bengkel ini. Di dalamnya terkandung pembentangan tentang identiti dan kriteria teks khutbah Jumaat JAWI secara terperinci yang dapat memberi gambaran yang jelas tentang identiti dan kriteria teks khutbah Jumaat JAWI ini.

3.2.1 Identiti Teks Khutbah Jumaat JAWI

Identiti dan gaya teks khutbah Jumaat Jawi dapat dilihat di beberapa sudut persembahan teks khutbah yang telah diterbitkan. Berikut adalah penjelasan identiti dan gaya teks tersebut:

146

a) Pendahuluan / Mukadimah Teks Khutbah

- i. Pujian kepada Allah SWT. JAWI lebih mengguna pakai

¹⁴⁵ Temubual dengan responden pada 22 Mac 2010 di Aras 1 Bangunan Pusat Islam, Kuala Lumpur.

¹⁴⁶ Manual Bengkel Pemantapan Teks Khutbah JAWI Bil. 1/2009. 3-5 Februari 2009 h. 4-7

Allah SWT dengan melakukan segala amal baik dan perintah yang telah ditetapkan, serta meninggalkan segala laranganNya. Semoga dengan ketakwaan terhadap setiap kerja yang telah kita laksanakan akan dinilai serta mendapat ganjaran yang setimpal di dunia, lebih-lebih lagi di akhirat.

Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “Amanah Dijulang”.

b) Petikan Ayat Al-Quran dan Terjemahan

- i. Petikan ayat al-Quran yang tepat dan berkaitan
- ii. Rasam Uthmani
- iii. Nama Surah dan nombor ayat dinyatakan terlebih dahulu
- iv. Terjemahan diambil dari Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran terbitan Darul Fikr, Kuala Lumpur
- v. Ayat al-Quran tidak kurang daripada 2 ayat dan tidak melebihi 3 ayat tidak termasuk muqaddimah dan penutup.

Contoh:

Firman Allah SWT di dalam surah al- Furqan ayat 74:

لَا تَجْعَلْ لَنَا فِتْنَةً مِّنْ أُمَّهَاتِنَا وَمِن بَنَاتِنَا وَمِن مَّوَالِنَا مَا نَكْفُرُ بِكَ وَنَكُونُ لَكَ عَدُوًّا مُّبِينًا

Bermaksud: “Dan juga mereka yang berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang yang (mahu).”

c) Matan Hadith dan Terjemahan

- i. Hanya hadith sahih boleh dijadikan hujah. Hadith daif hanya boleh dijadikan hujah sokongan dalam perkara-perkara berkaitan *Faḍāil Aa'māl* sahaja.
- ii. Nama imam pengumpul hadith (Contoh: Imam al-Bukhari, Muslim dan sebagainya) dan *al-Rāwi al-Aa'lā* (periwayat utama) mestilah disebut terlebih dahulu sebelum nas hadith dinyatakan.
- iii. Nas atau matan hadith dan terjemahannya mestilah disertakan tidak melebihi 2 nas hadith.
- iv. Sebaiknya hanya nas utama (fokus) disebutkan.
- v. Nas atau matan hadith perlulah dibariskan.

Contoh:

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Abu Hurairah, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَتَتَّبِعَنَّ سُنَنَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ شِرًّا بَشِيرًا وَذِرَاعًا بِذِرَاعٍ وَبَاعًا فَبَاعًا حَتَّى لَوْ دَخَلُوا جُحْرَ ضَبٍّ لَدَخَلْتُمُوهُ قَالُوا وَمَنْ هُمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَهْلُ الْكِتَابِ قَالَ فَمَنْ ؟

Bermaksud: “Nescaya kamu akan turut jejak langkah mereka (Yahudi dan Nasrani) sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta sehingga kamu akan turuti mereka walaupun mereka masuk ke dalam lubang dhab. Lantaran itu, sahabat bertanya: Adakah mereka itu Yahudi dan Nasrani? Baginda menjawab: Siapa lagi kalau bukan mereka?”

d) Penutup Teks Khutbah

- i. Kesimpulan keseluruhan teks khutbah dinyatakan selepas seruan khatib yang terakhir tidak melebihi 3 butiran bernombor.
- ii. Petikan ayat al-Quran dan terjemahannya yang dilihat sebagai kesimpulan tajuk perbahasan khutbah mestilah dinyatakan sebelum doa penutup teks khutbah pertama.
- iii. Kesimpulan dalam bentuk perenggan yang ringkas dan padat.

Contoh:

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Kesimpulan yang dapat diambil melalui khutbah pada hari ini adalah:

Pertama : Peristiwa hijrah mempunyai nilai yang cukup besar untuk dihayati selaku umat Islam berpaksikan aqidah yang benar

Kedua : Umat Islam tidak akan dihormati selagi mana ajaran Islam tidak diamalkan dalam kehidupan

Ketiga : Muhasabah dan koreksi diri perlu dilakukan bagi memastikan tahun baru Islam yang bakal dihadapi dapat dimanfaatkan sebaik mungkin.

Firman Allah SWT di dalam Surah an-Nisa' ayat 100:

ج ج ج ج ج

□ □ □ □ □ □ □ يٰٓاَيُّهَا الَّذِيْنَ هٰجَرُوْا سَبِيْلَ اللّٰهِ لِيُجَاهِدَ فِيْ سَبِيْلِهِۦ وَلِيُنْفِقْ مِمَّا رَزَقْنٰهُ سِرًّا وَنَجْوٰى ۙ اُولٰٓئِكَ سَيَرْحَمُ اللّٰهُ ۗ وَالَّذِيْنَ هٰجَرَ لِيُجَاهِدَ فِيْ سَبِيْلِهِۦ وَلِيُنْفِقْ مِمَّا رَزَقْنٰهُ سِرًّا وَنَجْوٰى ۙ اُولٰٓئِكَ سَيَرْحَمُ اللّٰهُ ۗ

Bermaksud: “Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan

menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur; dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan RasulNya, kemudian ia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

e) Saiz Kertas dan Ruang Bahagian Tepi (Margins)

Kertas yang digunakan adalah bersaiz A4 (21.0sm x 29.7sm), berat 80 gram dan berwarna putih. Ruang bahagian tepi di sebelah atas, bawah, kiri dan kanan bersaiz 1sm.

f) Perisian (Software)

Teks khutbah mestilah ditulis menggunakan perisian *Microsof Office Word* atau sekurang-kurangnya *WordPad* yang disediakan bersamanya sistem operasi *Windows*.

g) Format Muka Surat

Lembar muka surat mestilah ditulis di dalam format *Potrait* dan setiap muka surat mestilah diberi dan ditandakan nombornya.

h) Jenis dan Saiz Font

- i. Khutbah edisi Rumi hendaklah ditulis menggunakan font '*Arial*' atau '*Times New Roman*' bersaiz 12 dan jarak antara setiap baris adalah '*1.5*

spacing'

- ii. Khutbah edisi Jawi pula hendaklah ditulis menggunakan font '*Traditional Arabic*' atau '*Arial Nasakh*' bersaiz 18 dan jarak antara setiap baris adalah '*Single Spacing*'
- iii. Keseluruhan struktur teks mestilah diselaraskan dengan format '*Justify*'.

i) Penggunaan Istilah

- i. Jauhi penggunaan bahasa dan istilah yang sukar difahami oleh masyarakat umum.
- ii. Penggunaan istilah Arab, Inggeris dan sebagainya hendaklah ditulis secara condong (*italic*) dan mestilah dijelaskan atau diterjemahkan di dalam tanda kurungan. Contoh: *Afdhal* (lebih utama)

j) Kadar Panjang Khutbah

- i. Teks khutbah dan kadar bacaannya mestilah tidak melebihi 10 hingga 13 minit.
- ii. Dengan merujuk kepada format penulisan dan peruntukan di atas, kadar bilangan muka surat teks khutbah ini adalah seperti berikut:
 - a) Teks khutbah edisi Rumi tidak melebihi 7 muka surat
 - b) Teks khutbah edisi Jawi tidak melebihi 6 muka surat.

3.2.2 Ciri-Ciri Utama Teks Khutbah Jumaat JAWI

Ciri-ciri utama teks khutbah Jumaat JAWI dapat dilihat melalui syarat-syarat dan

peraturan yang telah ditetapkan dalam penulisan teks khutbah JAWI. Di dalam manual Penulisan Teks Khutbah JAWI, Bil. 1/2009 jelas dinyatakan tuntutan memenuhi ciri-ciri utama Teks Khutbah Jawi ini. Berikut adalah kriteria-kriteria utama tersebut¹⁴⁷ :

- i. Penulisan teks khutbah mestilah di dalam Bahasa Melayu
- ii. Teks Khutbah yang dihasilkan mestilah asli dan belum pernah diterbitkan oleh mana-man pihak sebelumnya
- iii. Penulisan teks khutbah hanya tertumpu pada teks khutbah pertama
- iv. Penulisan teks khutbah di dalam tulisan jawi adalah mengikut kaedah dan gaya penulisan Dewan Bahasa dan Pustaka
- v. Penulisan teks khutbah adalah berpandukan tajuk dan fokus yang telah ditentukan
- vi. Setiap teks khutbah yang dihantar akan melalui proses semakan sebelum diterbitkan
- vii. Setiap teks khutbah yang telah disumbangkan adalah menjadi hak milik JAWI. Pihak JAWI bebas untuk menyunting, menerbit, mencetak dan mengulang siar teks berkenaan
- viii. Setiap teks khutbah yang diterbitkan akan diberikan honorarium sebanyak RM 200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Sahaja).

3.2.3 Syarat-Syarat Penulisan Teks Khutbah Jumaat JAWI

Untuk memastikan para penulis teks khutbah JAWI dapat memberi sumbangan

¹⁴⁷ *Ibid*, h. 1-3.

penulisan teks yang berkualiti dan memenuhi keperluan, mereka dibekalkan dengan syarat-syarat penulisan yang perlu dipatuhi. Syarat-syarat tersebut adalah sebagaimana berikut:

- i. Kandungan teks khutbah mestilah dibahagi dan dibahaskan secara teratur mengikut susunan berikut:
 - a. Pendahuluan
 - b. Isi
 - c. Penutup
- ii. Teks khutbah wajib mengandungi lima (5) rukun khutbah iaitu:
 - a. Pujian kepada Allah SWT
 - b. Selawat dan salam keatas Nabi Muhammad SAW
 - c. Mengandungi ayat al-Quran
 - d. Wasiat dan nasihat taqwa
 - e. Doa untuk kaum muslimin
- iii. Isi dan huraian khutbah mestilah berfokus kepada tajuk yang telah ditentukan.
- iv. Teks dan isi khutbah mestilah:
 - a. Tidak mengandungi apa-apa ajaran yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.
 - b. Tidak menyentuh kedaulatan, kedudukan dan kuasa Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu sebagai ketua agama.
 - c. Tidak mengandungi sebarang hasutan, prasangka buruk, kemarahan, penentangan terhadap golongan tertentu dan seumpamanya.
 - d. Tidak mengandungi unsur-unsur ajaran sesat, politik kepartian, falsafah hidup barat yang jauh dari ajaran Islam dan sunnah Rasulullah SAW.

- e. Tidak mengandungi perbahasan masalah *khilafiah* atau *furu'iyah*.
- v. Isi khutbah hendaklah ringkas, padat dan jelas.
- vi. Setiap perenggan mestilah mempunyai kesinambungan antara satu sama lain.
- vii. Setiap fakta sokongan perlulah dinyatakan sumbernya.
- viii. Segala rujukan yang digunakan dalam penulisan teks khutbah mestilah diambil dari rujukan yang berautoriti (muktabar), jauh dari tafsiran yang menyeleweng dan palsu (maudhu').¹⁴⁸

3.2.4 Rumusan Penyelidik

Setelah membentangkan dan meneliti ciri-ciri, identiti khutbah syarat penulisan teks Jumaat JAWI, penyelidik dapat merumuskan bahawa teks khutbah Jumaat JAWI adalah teks yang dikawal dengan kemas dengan suatu manual atau garis panduan yang baik dan mampu menghasilkan teks-teks khutbah Jumaat yang berkualiti. Antara yang wajar diperhatikan ialah ketetapan untuk hanya menggunakan hadis-hadis yang sahih sebagai hujah dan keizinan menggunakan hadis daif sebagai pendorong mendapatkan kelebihan beramal. Begitu juga dengan ketetapan masa dan muka surat sebagai kawalan agar khutbah tidak terlalu panjang. Ditambah lagi dengan panduan pembahagian teks kepada tiga bahagian utama dan saranan isi kandungan yang baik untuk dimuatkan di setiap bahagian tersebut. Ini semua cukup membantu para penulis khutbah untuk menghasil teks khutbah yang baik. Sekiranya garis panduan ini

¹⁴⁸ *Ibid*, h. 3-5.

benar-benar diaplikasikan dan menjadi amalan dalam penulisan teks khutbah JAWI, ia pasti memberi kesan besar yang positif pada penghasilan teks khutbah Jumaat. Malah ia boleh dijadikan garis panduan contoh bagi jabatan-jabatan agama negeri lain untuk mencontohinya. Ciri-ciri dan identiti khutbah JAWI pula lebih menonjolkan gaya pilihan Cawangan Khutbah JAWI untuk tampil dengan cara tersendiri dan membezakannya dengan teks khutbah-khutbah Jumaat jabatan-jabatan agama lain.

3.3 Isi Kandungan Teks Khutbah Jumaat JAWI

Maksud perbincangan ‘isi kandungan teks khutbah Jumaat JAWI’ yang ingin dinyatakan di sini adalah usaha mengetengahkan tajuk-tajuk khutbah, pembahagian kategori dan tema yang dikesan di dalam teks-teks khutbah terbitan JAWI. Kajian terhadap tajuk dan isi kandungan ini dibuat secara berperingkat-peringkat bermula dari tajuk khutbah, kategori khutbah dan disusuli dengan kajian pada tema dan sinopsis khutbah berpandukan Jadual Terbitan Khutbah JAWI bagi tahun 2009, 2010 dan 2011. Hasil kajian yang dilakukan terhadap teks-teks khutbah Jumaat JAWI sejak awal tahun 2009 hingga penghujung 2011, penyelidik mendapati bahawa tajuk-tajuk teks khutbah Jumaat terbitan jabatan ini telah disusun dan ditetapkan oleh Cawangan Khutbah sebelum diserahkan kepada panel penulis untuk dibentuk menjadi sebuah teks khutbah yang sempurna. Bukan sekadar itu sahaja, tajuk-tajuk yang telah ditetapkan ini juga disisipkan dengan sinopsis yang menjelaskan fokus dan mauduk setiap khutbah. Panel penulis khutbah JAWI perlu menulis teks khutbah berpandukan sinopsis yang disediakan.

3.3.1 Tajuk-Tajuk Teks Khutbah Jumaat JAWI

Untuk memulakan perbincangan mengenai isi kandungan dan *mauduk* khutbah Jumaat terbitan JAWI, penyelidik melihat bahawa tajuk-tajuk khutbah Jumaat ini perlu dibentangkan sebelum rumusan dan analisis dibuat dan dikemukakan. Penyelidik telah memilih untuk membentangkan tajuk-tajuk khutbah sepanjang 3 tahun, bermula Januari 2009 hingga Disember 2011. Hasil dapatan penyelidik dari Cawangan Khutbah JAWI, pada tahun 2009 dan 2011 sebanyak 52 teks khutbah Jumaat telah diterbitkan, manakala pada 2010 pula adalah sebanyak 53 teks. Jumlah ini adalah merujuk dan berasaskan kepada bilangan hari Jumaat pada tahun-tahun tersebut. Berikut adalah tajuk-tajuk dan kategori khutbah Jumaat terbitan JAWI untuk 3 tahun yang dinyatakan di atas¹⁴⁹ :

Tajuk-Tajuk Khutbah Jumaat 2009

MINGGU	TAJUK	KATEGORI	SEMPENA
1	Taqwim Diri	Isu Semasa	Tahun Baru 2009
2	Ketentuan Allah	Akidah	
3	Muzakarah Iman	Akidah	
4	Martabat Ihsan	Akhlak	
5	Warga Impian	Akhlak	Hari Wilayah Persekutuan
6	Keliru Minda	Akidah	
7	Budaya Songsang	Isu Semasa	
8	<i>Siratol Mustaqim</i>	Akhlak	
9	Permata Hati	Akhlak	
10	Qudwah Hasanah	Akhlak	Maulidur Rasul (09 Mac)
11	Budaya Kita	Akidah	
12	<i>Khairul Ummah</i>	Akhlak	
13	Transit Akhir	Akidah	

¹⁴⁹ Rujuk Jadual Terbitan Khutbah tahun 2009,2010 dan 2011, Cawangan Khutbah dan Latihan JAWI.

14	Merentas Masa	Akidah	
15	Hak Kita	Isu Semasa	
16	Tiang Agama	Syariah	
17	Jambatan Ilmu	Akhlak	
18	Mencari Nafkah	Syariah	Hari Pekerja (1 Mei)
19	<i>Babul Jannah</i>	Akhlak	Hari Ibu (13 Mei)
20	Pelita Ilmu	Akhlak	Hari Guru (16 Mei)
21	Doa Mustajab	Isu Semasa	
22	Jihad Ekonomi	Syariah	
23	Lembayung Keamanan	Akhlak	Hari Keputeraan Yang DiPertuan Agong (05 Jun)
24	Bapa Mithali	Akhlak	Hari Bapa (17 Jun)
25	Hiburan Sebenar	Akhlak	
26	Menggali Lahad	Akhlak	Hari Dadah Sedunia (26 Jun)
27	Harta Subur	Syariah	
28	Sayangi Daku	Isu Semasa	
29	Antara Akal Dan Wahyu	Akidah	Israk & Mikraj
30	Kaya Jiwa	Akhlak	
31	Wira Bangsa	Isu Semasa	Hari Pahlawan (31 Julai)
32	Suratan Hidup	Akidah	Nisfu Syaaban
33	Jambatan Akhirat	Akidah	
34	Rahmat Ilahi	Isu Semasa	Awal Ramadan
35	Jiwa Merdeka	Isu Semasa	Hari Merdeka (31 Ogos)
36	<i>Syifa' Wa Rahmah</i>	Akidah	Nuzul Al-Quran
37	Jualan Langsung	Akidah	Akhir Ramadhan
38	Lambaian Syawal	Isu Semasa	Menyambut Syawal
39	Ibadat Sepanjang Tahun	Syariah	Puasa 6 Hari Syawal
40	Membendung Nafsu	Akidah	

41	Rahsia Terungkap	Akidah	
42	Alam Barzakh	Akidah	
43	Mufliis Hakiki	Akhlak	
44	Peluang Masih Ada	Akhlak	
45	Menggenggam Bara	Akhlak	
46	Putaran Jam	Akhlak	Cuti Sekolah Bermula
47	Bukti Keagungan	Akidah	
48	Gambaran Mahsyar	Akidah	Musim Ibadah Haji
49	Restu Ayah Bonda	Akhlak	
50	Mencatit Diari	Akhlak	Menjelang Awal Muharam
51	Jihad Dan Niat	Isu Semasa	Maal Hijrah 1431
52	Cermin Diri	Akhlak	Ambang Tahun Baru 2010

Jadual 1. Tajuk-Tajuk Khutbah Jumaat JAWI 2009

Menerusi jadual di atas, sepanjang tahun 2009 Cawangan Khutbah & Latihan JAWI dilihat banyak menerbitkan khutbah-khutbah yang berjalan seiring kalendar sepanjang tahun. Sambutan-sambutan hari kebesaran Islam seperti Israk Mikraj, Maulidur Rasul, Ma'al Hijrah dan Nuzul Al-Quran diraikan dengan khutbah yang berkaitan dengannya. Begitu juga sambutan-sambutan tahunan seperti Hari Ibu, Hari Guru, Hari Bapa, Hari Pekerja, Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Pahlawan disediakan khutbah khas sempena hari-hari tersebut. Dari sudut penyusunan, ia menggambarkan kepekaan cawangan ini dalam mengatur kesesuaian khutbah dengan peristiwa semasa. Namun hasil penelitian penyelidik mendapati bahawa ada kalanya khutbah-khutbah sebegini diterbitkan sekadar mengisi jadual dan sambutan yang ditetapkan. Ia masih gagal memenuhi peranan khutbah yang sewajarnya memberi maklumat yang padat dan panduan yang berkesan kepada umat Islam. Contohnya ketika meraikan sambutan Hari Bapa,

khutbah pada 17 Jun 2009 bertajuk Bapa Mithali telah diterbitkan. Meskipun memuatkan kisah Luqmān al-Hakīm berserta ayat-ayat Al-Quran berkaitan tajuk, khutbah tersebut masih kelihatan hambar kerana tidak memberi panduan dan contoh permasalahan semasa yang menjelaskan peranan seorang bapa yang berjaya di zaman ini.¹⁵⁰ Begitu juga persoalan isu semasa kurang diperbahaskan di dalam khutbah-khutbah Jumaat yang diterbitkan sepanjang tahun 2009 ini.

Tajuk-Tajuk Khutbah Jumaat 2010

MINGGU	TAJUK	KATEGORI	SEMPENA
1	Menyusur Langkah	Isu Semasa	Tahun Baru 2010
2	Terlepas Genggaman	Akidah	
3	Realiti Dunia	Akidah	
4	Jalan Sufi	Akhlak	
5	Budaya Kita	Akhlak	Hari Wilayah Persekutuan
6	Tuhan Yang Satu	Akidah	
7	Gejala Songsang	Isu Semasa	Valentine's Day (14 Feb)
8	Jenayah Siber	Akhlak	
9	Kekasih Allah	Akhlak	Maulidur Rasul
10	Keluarga Bahagia	Akhlak	
11	Kerja Nabi	Akhlak	
12	Budaya Ikutan	Akhlak	
13	La Takhof Wala Tahzan	Akidah	
14	Bahana Fitnah	Akhlak	
15	Keindahan Adil	Akhlak	

¹⁵⁰ Rujuk Buku Khutbah Jumaat JAWI – Jun 2009, h. 30

16	Puncak Damai	Akhlak	
17	Martabat Ilmu	Akhlak	
18	Berkat Keringat	Syariah	Hari Pekerja (01 Mei)
19	Generasi Nur Islam	Syariah	
20	Penghargaan Buatmu	Akhlak	Hari Ibu (13 Mei)
21	Sinar Menerangi	Akhlak	Hari Guru (16 Mei)
22	Memperkasa Akidah	Akidah	
23	Perpaduan Dijulang	Akhlak	Hari Keputeraan Yang DiPertuan Agong (05 Jun)
24	Tiang Seri Agama	Syariah	
25	Anak Bapa	Akhlak	Hari Bapa (17 Jun)
26	Tengkorak Hidup	Akhlak	Hari Dadah Sedunia (26 Jun)
27	Bunga Larangan	Isu Semasa	
28	Antara Iman Dan Kufur	Akidah	Israk & Mikraj
29	Budi Bahasa	Isu Semasa	
30	Suratan Hidup	Akidah	
31	Pahlawan Sejati	Isu Semasa	Hari Pahlawan (31 Julai)
32	Suci Hati	Akhlak	
33	Penghulu Segala Bulan	Isu Semasa	Awal Ramadan
34	Fasa Keampunan	Akhlak	
35	Wahyu Merdeka	Isu Semasa	Nuzul Al-Quran & Hari Merdeka ke 53
36	Malam Keagungan	Isu Semasa	Akhir Ramadhan
37	Kembali Fitrah	Akhlak	Menyambut Syawal
38	Ibadat Sepanjang Hayat	Syariah	Puasa 6 Hari Syawal
39	Menuju Destinasi	Akidah	
40	Musuh Dalaman	Akidah	
41	Wasiat Buat Pemuda	Akhlak	
42	Salam Terakhir	Akidah	
43	Pelihara Amalan	Akhlak	

44	Insan Kamil	Akhlak	
45	Menungkah Arus	Akhlak	
46	Himpunan Agung	Syariah	Cuti Sekolah Bermula
47	Menuju Ilahi	Akidah	Ibadah Haji
48	Dedaun Masa	Isu Semasa	
49	Ambang Muharram	Isu Semasa	Menjelang Awal Muharam
50	Hijrah Diri	Isu Semasa	Maal Hijrah 1431
51	Mahligai Bahagia	Isu Semasa	
52	Sucikan Harta	Syariah	
53	Dimulakan Dengan <i>Bismillah</i>	Isu Semasa	Menyambut Tahun Baru 2011

Jadual 2. Tajuk-Tajuk Khutbah Jumaat JAWI 2010

Tahun 2010 pula menampilkan tajuk-tajuk khutbah yang agak dinamik dan menarik perhatian seperti Jenayah Siber, Tengkorak Hidup, Salam Terakhir dan Dedaun Masa. Hasil temubual penyelidik dengan Ketua Panel Penyemak teks khutbah Jumaat JAWI,¹⁵¹ beliau menjelaskan bahawa tajuk-tajuk khutbah ini dibentuk dengan ungkapan sebegini dengan tujuan untuk menarik perhatian dan menimbulkan minat kepada para jemaah untuk mengetahui isi kandungannya. Pada tahun ini juga khutbah lebih tertumpu kepada persoalan akhlak dan memberi penjelasan kepada permasalahan isu semasa. Hasil kajian penyelidik, pada tahun 2010 ini terdapat beberapa khutbah yang berkualiti seperti ‘Jenayah Siber’ dan ‘Puncak Damai’. Khutbah Jenayah Siber mempamerkan sesuatu yang menarik apabila memuatkan statistik dari Polis Diraja Malaysia berkaitan kes pencerobohan maklumat melalui ruang siber dan purata pembaziran masa kerana melayari internet di kalangan rakyat negara ini. Ia juga memuatkan

¹⁵¹ Ustaz Abdul Halim Abdullah, Temubual dengan responden pada 2 November 2010 di Aras 1, Bangunan Pusat Islam, Kuala Lumpur.

peringatan melalui hadis tentang ancaman Rasulullah kepada mereka yang mencari ilmu untuk memburu kemewahan dunia semata-mata.¹⁵² Khutbah Puncak Damai pula membicarakan tentang hiburan sebenar umat Islam adalah dengan mengingati Allah. Penulis juga membincangkan tentang kekeliruan mereka yang memilih muzik yang melampau dan pergaulan bebas sebagai hiburan yang akhirnya mengundang keresahan jiwa dan pelbagai masalah sosial. Beliau juga memuatkan garis panduan berhibur menurut batasan syariat.¹⁵³ Secara keseluruhannya khutbah Jumaat JAWI pada tahun 2010 dikesan mula memberi tumpuan kepada isu semasa dan memberi panduan kepada masyarakat Islam di ibukota untuk menghadapinya. Meskipun kadang-kadang khutbah tersebut agak lewat disiarkan dari waktu sepatutnya, namun penyelidik merasakan bahawa situasi ini merupakan langkan mula yang wajar diberi perhatian dan diteruskan.

Tajuk-Tajuk Khutbah Jumaat 2011

MINGGU	TAJUK	KATEGORI	SEMPENA
1	Satu Arah	Isu Semasa	Tahun Baru 2011
2	Paksi Kebenaran	Isu Semasa	
3	Generasi Rabbani	Akhlak	
4	Warga Gemilang	Akhlak	
5	Keluarga Idaman	Isu Semasa	Hari Wilayah Persekutuan
6	Api Cinta	Isu Semasa	<i>Valentine's Day</i> (14 Feb)
7	Junjungan Mulia	Akidah	Maulidur Rasul
8	Noktah Kehidupan	Isu Semasa	
9	Penjara Nafsu	Akhlak	

¹⁵² Rujuk Buku Khutbah Jumaat JAWI – Februari 2010, h. 13-14.

¹⁵³ Rujuk Buku Khutbah Jumaat JAWI – April 2010, h. 25-27

10	Jiran Sepakat	Akhlak	
11	Halal Suatu Tuntutan	Isu Semasa	
12	Nikmat Pencipta	Akhlak	
13	Racun Dunia	Akhlak	
14	Lorong Kegelapan	Akidah	
15	Tinta Ilmu	Akhlak	
16	Neraca Amalan	Syariah	
17	Pintu Rezeki	Syariah	Hari Pekerja (01 Mei)
18	Air Mata Ibu	Isu Semasa	Hari Ibu (13 Mei)
19	Keranamu	Isu Semasa	Hari Guru (16 Mei)
20	Orang Muda	Akhlak	
21	Kalamullah	Akidah	
22	Panji Kemakmuran	Akhlak	Hari Keputeraan Yang DiPertuan Agong (05 Jun)
23	Hubungan Antara Agama	Akhlak	
24	Insan Contoh	Akhlak	Hari Bapa (17 Jun)
25	Najis Dunia	Isu Semasa	Hari Dadah Sedunia (26 Jun)
26	Isra' Mikraj	Akidah	Israk & Mikraj
27	Jiwa Murni	Akhlak	
28	Nisfu Syaaban	Akidah	Nisfu Syaaban
29	Pewira Agama	Isu Semasa	Hari Pahlawan (31 Julai)
30	Tetamu Mulia	Akidah	Persiapan Ramadan
31	Rebut Peluang	Isu Semasa	Awal Ramadan
32	Penyakit Hati	Akhlak	
33	Pedoman Hidup	Akhlak	Nuzul Al-Quran
34	Suara Merdeka	Isu Semasa	Hari Merdeka ke 54
35	Pelaburan Berganda	Akhlak	Puasa 6 Hari Syawal
36	Penghubung Iman	Akhlak	
37	Kasihkan Daku	Akhlak	

38	Ikut Nafsu	Akhlak	
39	Tiket Neraka	Akidah	
40	Permata Kasih	Akhlak	Hari Kanak-Kanak Sedunia (8 Oktober)
41	Keras Hati	Akhlak	
42	Munajat Hamba	Isu Semasa	
43	Pewaris Kenabian	Akhlak	
44	Budaya Hendonisme	Isu Semasa	
45	Amanah Dijulang	Isu Semasa	
46	Dendam Syaitan	Isu Semasa	
47	Transformasi Hijrah	Isu Semasa	Maal Hijrah 1432
48	Kemurkaan Allah	Akhlak	Hari Aids Sedunia (1 Disember 2011)
49	Bahtera Kasih	Isu Semasa	
50	Mutiara Agama	Syariah	
51	Harta Akhirat	Syariah	
52	Jendela Baru	Isu Semasa	Di Ambang Tahun Baru 2012

Jadual 3. Tajuk-Tajuk Khutbah Jumaat JAWI 2011

Hasil pengamatan penyelidik, khutbah-khutbah yang diterbitkan pada tahun 2011 memperlihatkan topik dan fokus yang hampir sama dengan tahun sebelumnya. Kebanyakan khutbah membicarakan topik ulangan cuma tajuk-tajuk dipinda pada tahun ini untuk menampilkan kelaianan. Perkara ini berlaku kerana pihak Cawangan Khutbah JAWI mengekalkan tema atau peristiwa bersempena yang sama seperti pada 2010. Contohnya ketika meraikan Sambutan Hari Kebangsaan khutbah Jumaat pada 2010 bertajuk ‘Wahyu Merdeka’ dan pada 2011 ia diberi tajuk ‘Suara Merdeka’. Begitu juga ketika sambutan tahun baru Hijrah, teks khutbah pada 2010 bertajuk ‘Hijrah Diri’ manakala pada 2011 pula bertajuk ‘Transformasi

Hijrah'. Pengulangan isu dan tema ini sewajarnya dielakkan kerana jemaah solat Jumaat di ibu kota adalah warga yang peka dengan persekitaran mereka. Situasi ini akan mengundang rasa bosan di kalangan jemaah dan menjadi sebab untuk mereka tidur ketika khutbah disampaikan. Meskipun begitu khutbah pada 2011 banyak membicarakan permasalahan isu semasa. Khutbah-khutbah tersebut disusun dengan baik untuk memberi pedoman kepada umat Islam warga kota. Contohnya menjelang sambutan Hari Kekasih atau Valentine's Day Cawangan Khutbah JAWI telah menyiarkan khutbah bertajuk 'Api Cinta' 3 hari sebelum kedatangan hari tersebut iaitu pada 11 Februari 2011. Selain mengutamakan ketepatan masa, khutbah ini juga memuatkan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-71 pada 22-24 Nov 2005 yang membincangkan Hukum Orang Islam Menyambut Perayaan Valentine's Day. Disusuli pula dengan hadis tentang larangan dan akibat meniru gaya hidup orang bukan Islam. Penulis juga memuatkan panduan bagaimana sewajarnya umat Islam menyalurkan cinta di dalam khutbah ini.¹⁵⁴ Penyelidik merasakan bahawa pada tahun ini kematangan para penulis dalam mempersembahkan maklumat dan saranan sudah mula meningkat. Inilah di antara perkembangan positif yang berlaku pada tahun 2011 ini.

3.3.2 Pembahagian Kategori Teks Khutbah Jumaat JAWI

Setelah pembentangan tajuk teks khutbah dibuat, penyelidik akan memaparkan pecahan pembahagian tajuk-tajuk teks tersebut mengikut kategori. Pembahagian ini bertujuan untuk melihat fokus dan kecenderungan perbincangan kandungan teks khutbah Jumaat JAWI

¹⁵⁴ Rujuk Buku Khutbah Jumaat JAWI – Februari 2011, h. 14-17.

berdasarkan jumlah teks yang diterbitkan sepanjang tempoh 3 tahun tersebut. Sebagai kesimpulan awal, pembahagian ini memaparkan natijah berikut :

- i. Pada 2009 Unit Khutbah JAWI telah menerbitkan 16 teks berunsur Akidah, 5 teks berunsur Syariah, 21 teks berunsur Akhlak dan 10 teks berkaitan isu-isu semasa.
- ii. Pada 2010 pula unit ini telah menerbitkan 11 teks berunsur Akidah, 6 teks berunsur Syariah, 23 teks berunsur Akhlak dan 13 teks berkaitan isu-isu semasa.
- iii. Manakala pada 2011 sebanyak 7 teks berunsur Akidah, 4 teks berunsur Syariah, 22 teks berunsur Akhlak dan 19 teks berkaitan isu-isu semasa.

Hasil pembahagian teks-teks ini kepada 4 kategori tersebut memperlihatkan bahawa teks-teks khutbah Jumaat JAWI lebih menumpukan perbincangan berkaitan akhlak dan isu-isu semasa untuk tempoh 2009 hingga 2011. Jika dijumlahkan, sepanjang 3 tahun tersebut Unit Khutbah JAWI telah menerbitkan sebanyak 66 teks berunsur akhlak dan 42 teks berkaitan isu semasa, berbanding hanya 34 teks berkisar tentang akidah dan 15 teks berunsur syariah. Realiti ini dilihat telah menunjukkan bahawa unit ini telah mengaplikasikan sistem kerja yang kemas dan terancang di samping peka dan prihatin dengan keperluan semasa masyarakat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sentiasa berhadapan dengan masalah sosial dan isu-isu semasa yang memerlukan penjelasan dan panduan Islam secara langsung. Berikut adalah jadual pembahagian teks khutbah yang dibicarakan di atas diikuti dengan carta grafnya sepanjang 2009 hingga 2012 :


Pembahagian Teks Khutbah Mengikut Kategori

KATEGORI	TAHUN 2009	TAHUN 2010	TAHUN 2011	KATEGORI TEKS SEPANJANG 2009-2011
----------	---------------	---------------	---------------	--------------------------------------

Akidah	16	11	7	34
Syariah	5	6	4	15
Akhlak	21	23	22	66
Isu Semasa	10	13	19	42
Jumlah Teks	52	53	52	157

Jadual 4. Pembahagian Teks Khutbah Mengikut Kategori

Graf Pembahagian Kategori Teks Khutbah 2009 - 2012



Rajah 2. Graf Pembahagian Teks Khutbah Mengikut Kategori


3.3.3 Peratusan Kategori Teks Khutbah Jumaat JAWI

Untuk memperlihatkan fokus utama teks-teks khutbah Jumaat JAWI sepanjang tahun 2009-2011 penyelidik memutuskan untuk membentangkan kategori teks-teks ini dalam bentuk peratusan sebagaimana berikut :

- i. Akidah 21.65%
- ii. Syariah 9.55%
- iii. Akhlak 42.03%
- iv. Isu Semasa 26.75%

Melalui pembentangan jadual, pembahagian kategori dan graf peratusan kategori teks khutbah di atas, jelas menunjukkan bahawa khutbah Jumaat JAWI memberikan tumpuan lebih kepada *mauduk* berunsur Akhlak dengan peratusan 42.03% dan berkaitan isu semasa 26.75% berbanding unsur Akidah dengan 21.65% dan Syariah sekadar 9.55%. Tumpuan kepada *mauduk* Akhlak dan Isu Semasa semakin meningkat dari setahun ke setahun berikutnya. Berdasarkan kepada peratusan ini dapatlah dirumuskan bahawa usaha-usaha menyediakan teks khutbah Jumaat yang memenuhi keperluan masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan telah mula diberi perhatian dan diusahakan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Selaras dengan realiti kehidupan warga kota yang sentiasa sibuk dan berhadapan dengan pelbagai konflik dan permasalahan hidup, khutbah-khutbah berunsur pendidikan dan pedoman adalah amat perlu diberi keutamaan. Ia juga sesuai dan menepati tujuan utama pensyiaran khutbah Jumaat iaitu untuk memberi tazkirah dan panduan mingguan kepada masyarakat Islam.

Graf Peratusan Pembahagian



Rajah 3. Graf Peratusan Pembahagian Teks Kategori Khutbah Jumaat JAWI

3.3.4 Tema Isi Kandungan Teks Khutbah Jumaat JAWI

Setelah melihat kepada tajuk-tajuk teks khutbah dan pembahagiannya, penyelidik menyorotkan pula penelitian kepada tema isi kandungan teks khutbah Jumaat JAWI untuk memenuhi salah satu objektif kajian ini. Meskipun pembentangan tajuk-tajuk teks khutbah Jumaat JAWI sepanjang tempoh 3 tahun telah dibuat dan ia sedikit sebanyak telah menggambarkan isi kandungan khutbah, namun penyelidik melihat keperluan membentangkan perbincangan secara khusus berkenaan tema isi kandungan khutbah Jumaat JAWI ini kerana beberapa faktor, antaranya :

- i. Tajuk ada kalanya tidak menggambarkan isi atau maudhuk Khutbah yang ditulis seperti khutbah Jumaat bertajuk ‘Menggali Lahad’ yang dibaca pada 26 Jun

2009.¹⁵⁵ Khutbah ini sebenarnya membicarakan tentang bahaya dadah yang boleh membawa kemusnahan hidup seseorang. Tanpa melihat kepada isi kandungan pendengar tidak akan dapat memahami maksud tajuk khutbah ini.

- ii. Tajuk khutbah Jumaat JAWI sering menggunakan ungkapan yang sensasi sehingga tidak dapat diduga maksudnya. Menurut Encik Khairul Asyraf ini adalah salah satu identiti Khutbah JAWI yang bertujuan menarik perhatian para jemaah untuk menghayatinya.¹⁵⁶ Contohnya khutbah bertajuk ‘Tiket ke Neraka’¹⁵⁷ bacaan pada 25 Februari 2011 yang sebenarnya berkisar tentang pengharaman judi dan akibatnya.

Justeru, di sini penyelidik akan memaparkan gambaran isi kandungan teks khutbah Jumaat JAWI dan hasil analisis berkaitannya melalui pembahagian kategori tema khutbah-khutbah ini. Hasil kajian dan temubual dengan beberapa orang panel penyemak teks khutbah Jumaat JAWI, antaranya Encik Abdul Halim bin Abdullah dan Encik Mohd Abdul Nasir bin Abdullah¹⁵⁸, penyelidik dapat merumuskan bahawa fokus isi kandungan teks khutbah Jumaat JAWI berkisar kepada beberapa tema utama, iaitu :

- i. Mendidik dan memberi panduan agama
- ii. Memberikan penjelasan terhadap isu semasa
- iii. Menjadi saluran maklumat kepada masyarakat Islam

¹⁵⁵ Rujuk Buku Khutbah Jumaat JAWI – Jun 2009, h. 34

¹⁵⁶ Khairul Asyraf bin Ahmad, Ketua Cawangan Khutbah dan Latihan, JAWI .Temubual dengan responden pada 2 November 2010 di Aras 1, Bangunan Pusat Islam, Kuala Lumpur.

¹⁵⁷ Rujuk Buku Khutbah Jumaat JAWI – Februari 2010, h. 30

¹⁵⁸ Mereka berdua adalah Panel Penyemak Khutbah JAWI sejak 2008

i. Mendidik Masyarakat Dan Memberi Panduan Agama

Tema ini merupakan tujuan asas penyariatian khutbah Jumaat secara umumnya. Khutbah Jumaat JAWI telah menjadikan tema ini sebagai fokus utama di dalam teks-teks khutbah terbitannya. Sebagai contoh, pada setiap kali menjelang sambutan Hari Kekasih yang dikenali sebagai *Valentine's Day*, Khutbah JAWI telah tampil memberi panduan agama tentang sambutan ini. Pada 2009 Unit Khutbah JAWI telah mengeluarkan Khutbah bertajuk 'Budaya Songsang' yang secara langsung menjelaskan implikasi buruk yang terjadi susulan dari sambutan ini di dalam masyarakat kita.¹⁵⁹ Pada 2010 khutbah bertajuk 'Gejala Songsang' diedarkan untuk bacaan seluruh Wilayah Persekutuan yang memuatkan panduan dan peringatan bahawa budaya bercinta dan berpasang-pasangan sebagai kekasih antara lelaki dan wanita sebelum bernikah adalah dilarang di dalam Islam.¹⁶⁰ Pada tahun 2011 pula, khutbah bertajuk 'Api Cinta' diterbitkan bagi memberi penjelasan tentang sejarah sambutan Hari Kekasih, larangan meraikannya dan panduan bagaimana berkasih dan bercinta menurut pandangan Islam.¹⁶¹

Menurut salah seorang panel penulis khutbah JAWI, Encik Wan Haslan bin Khairuddin,¹⁶² dalam setiap kali bengkel penulisan diadakan, para penulis Khutbah JAWI sering diingatkan agar memuatkan panduan dan bimbingan kepada masyarakat Islam dalam menghadapi cabaran mempertahankan syiar Islam. Ini juga dilakukan oleh Cawangan Khutbah JAWI setiap kali mengedarkan panduan-panduan penulisan khutbah kepada mereka. Hasil penelitian menyelidik terhadap teks-teks khutbah yang diterbitkan oleh JAWI memperlihatkan

¹⁵⁹ Rujuk Buku Khutbah Jumaat JAWI – Februari 2009, h. 19-21

¹⁶⁰ Rujuk Buku Khutbah Jumaat JAWI – Februari 2010, h. 18 & 19

¹⁶¹ Rujuk Buku Khutbah Jumaat JAWI – Februari 2011, h. 16-19

¹⁶² Beliau merupakan penulis Khutbah JAWI sejak 2008 hingga kini. Bertugas sebagai Pensyarah di Jabatan Usuluddin, KUIS. Temubual dengan beliau di Masjid Salahuddin Al-Ayyubi, Setapak pada 24 Februari 2011.

bahawa hampir keseluruhan teks ini mengandungi unsur panduan agama dan tarbiah. Berikut disenaraikan di antara khutbah-khutbah yang dikesan bertemakan tarbiah dan memberi panduan agama sepanjang 2009-2011:

Bil.	Tajuk	Tarikh	Kandungan -Tarbiah/Pedoman
1.	Taqwim Diri	02.01.2009	<ul style="list-style-type: none"> Perancangan & pegisian tahun baru Hijri / Masihi Panduan merancang aktiviti / program harian, bulanan & tahunan
2.	Permata Hati	27.02.2009	<ul style="list-style-type: none"> Tanggungjawab ibu bapa terhadap anak Pendidikan agama perlu diutamakan dan kisah tauladan yang boleh dicontohi
3.	Mencari Nafkah	01.05.2009	<ul style="list-style-type: none"> Tuntutan berusaha / mencari nafkah Memahami konsep Kerja Sebagai Ibadah dan Etika pekerja muslim
4.	Jihad Ekonomi	29.05.2009	<ul style="list-style-type: none"> Memahami konsep Khalifah Galakan berusaha mencari rezeki & Infak Fi Sabilillah
5.	Harta Subur	03.07.2009	<ul style="list-style-type: none"> Zakat / sedekah: tuntutan & fadilatnya Zakat / sedekah menyuburkan harta, riba' menyempitkan harta
6.	Jambatan Akhirat	14.08.2009	<ul style="list-style-type: none"> Setiap detik di dunia amat berharga – mencorakkan kedudukan di akhirat Memberi pedoman menggunakan dunia untuk mencapai kebahagiaan akhirat
7.	Jualan Langsung	11.09.2009	<ul style="list-style-type: none"> Fadilat & galakan melipatgandakan amalan 10 hari terakhir Ramadhan Panduan amalan-amalan yang perlu diperbanyakkan
8.	Peluang Masih Ada	30.10.2009	<ul style="list-style-type: none"> Menghargai masa kerana masa lebih berharga daripada segala-galanya Setiap insan masih berpeluang melakukan perubahan melainkan mereka yang telah mati
9.	Menggenggam Bara	06.11.2009	<ul style="list-style-type: none"> Senario hari ini, mereka yang mengamalkan agama ibarat melawan arus & menggenggam bara Hanya iman & taqwa sahaja penyelamat daripada sebarang fitnah & dugaan
10.	Mencatat Diari	11.12.2009	<ul style="list-style-type: none"> Menilai catitan diari peribadi & tahap pencapaian di penghujung tahun 1430H / 2009M Galakan merencana perancangan sebelum bermulanya tahun baru 1431H / 2010M
11.	Realiti Dunia	15.01.2010	<ul style="list-style-type: none"> Setiap detik di dunia amat berharga Islam memberi pedoman menggunakan dunia untuk kepentingan akhirat
12.	Budaya Iktan	19.03.2010	<ul style="list-style-type: none"> Membudayakan sunnah Rasulullah saw – cara hidup Kecemerlangan umat ini apabila beramal dengan sunnah Rasulullah saw
13.	Berkat Keringat	30.04.2010	<ul style="list-style-type: none"> Memahami konsep kerja sebagai ibadah Tujuan mencari nafkah adalah untuk menjunjung perintah Allah dan mendapat keredhaanNya
14.	Memperkasa Akidah	28.05.2010	<ul style="list-style-type: none"> Akidah Islam sebenar berpaksikan pegangan Ahli Sunnah Keperluan memperkasa akidah untuk meningkatkan tahap keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT
15.	Suratan Hidup	23.07.2010	<ul style="list-style-type: none"> Kemuliaan & fadilat menghidupkan malam Nisfu Syaaban – galakan melipat gandakan amalan Ketetapan Takdir Allah swt ke atas makhluknya

16.	Dedaun Masa	26.11.2010	<ul style="list-style-type: none"> • Rasulullah SAW telah mengingatkan supaya rebut 5 perkara sebelum datang 5 perkara. • Menghargai waktu lapang (cuti sekolah) dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat
17.	Sucikan Harta	24.12.2010	<ul style="list-style-type: none"> • Harta adalah amanah & ada hak orang lain yang patut ditunaikan • Zakat menyuburkan harta, riba' menyempitkan harta
18.	Noktah Kehidupan	25.02.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Rebutlah lima perkara sebelum datang lima perkara • Persiapan menghadapi penghujung usia • Bersegera mengerjakan amalan kebajikan
19.	Tinta Ilmu	15.04.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Islam menggalakkan pencarian ilmu yang bermanfaat • Perlu mendampingi para alim,ulama • Masyarakat perlu diberikan kesedaran akan budaya ilmu
20.	Pintu Rezeki	29.04.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan etika kerja menurut Islam • Allah memuliakan hambaNya yang berusaha bersungguh-sungguh mencari rezeki yang halal
21.	Jiwa Murni	08.07.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Akhlak merupakan perhiasan muslim yang utama • Permasalahan akhlak punca gejala sosial • Pembentukan bermula dari institusi keluarga
22.	Pelaburan Berganda	02.09.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Amalan puasa 6 yang disarankan oleh Nabi s.a.w • Fadhillat dan ganjaran yang disediakan • Bertekad meneruskan ibadah seperti di bulan Ramadhan
23.	Keras Hati	14.10.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Punca-punca kerasnya hati • Islam menawarkan pakej rawatan hati yang betul Zikrullah, mengunjugi majlis-majlis ilmu dll-lembut hati
24.	Bahtera Kasih	09.12.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Anjuran perkahwinan di dalam agama untuk mengelak kemaksiatan • Panduan membina kebahagiaan yang diredhai Allah
25.	Mutiara Agama	16.12.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Galakan bersolat berjemaah • Hikmah solat yang tersirat • kempen solat pada muda-mudi-peranan masyarakat

Jadual 5. Khutbah Jumaat JAWI bertemakan Panduan Agama 2009-2011

ii. Memberi Penjelasan Terhadap Permasalahan Semasa

Tema kedua ini dapat dilihat pada kebanyakan teks khutbah Jumaat JAWI. Seजार dengan peranan khutbah yang perlu dimuatkan dengan panduan dan penjelasan berkaitan permasalahan dan isu semasa masyarakat Islam, isi kandungan khutbah Jumaat JAWI dilihat sering memberikan penjelasan dan jawapan kepada isu-isu semasa yang berbangkit. Ini dapat dikesan daripada khutbah bertajuk 'Hiburan Sebenar' yang diterbitkan untuk bacaan pada 19 Jun 2009. Antara isi kandungan khutbah ini menjelaskan bahawa berhibur adalah fitrah manusia namun ia perlu dipandu oleh syariat. Turut dinyatakan di dalam khutbah ini ciri-ciri hiburan

dalam Islam.¹⁶³ Khutbah ini disediakan oleh Unit Khutbah JAWI kerana ingin membendung keghairahan berhibur masyarakat di Malaysia dengan pelbagai rancangan hiburan di waktu itu. Manakala pada 19 Mac 2010 JAWI telah mengeluarkan khutbah bertajuk ‘Bahaya Budaya Ikutan’ bagi membendung pengaruh budaya luar yang semakin menjadi ikutan golongan remaja masa kini. Di dalam khutbah ini disertakan fakta statistik remaja yang menggemari cara berpakaian ala remaja barat di samping statistik peratusan remaja yang merokok di usia awal remaja.¹⁶⁴ Selanjutnya khutbah tersebut menyarankan agar remaja kembali kepada jati diri sebagai muslim dan menjelaskan langkah-langkah yang perlu diambil bagi menangani isu ini. Seterusnya untuk bacaan di mimbar Jumaat pada 25 Februari 2011, JAWI telah menerbitkan khutbah bertajuk ‘Tiket Ke Neraka’ bagi menangani isu semasa berkaitan masalah ketagihan berjudi dan fenomena suka berhutang dengan ‘Along’ yang mengundang krisis dalam rumahtangga dan masyarakat.¹⁶⁵ Di antara penjelasan yang dimuatkan di dalam khutbah ini adalah ketegasan Islam dalam mengharamkan apa juga bentuk perjudian, hikmah pengharamannya dan implikasi buruk akibat berjudi yang dapat dilihat dalam realiti kehidupan semasa.

Berkenaan keperluan penulis khutbah Jumaat JAWI memberi penjelasan kepada isu semasa dalam tulisan khutbah mereka, penyelidik telah menemubual Ustaz Mohd Hanif Al-Razin bin Abd Kadir¹⁶⁶ untuk mendapatkan pandangan dan komenter. Beliau menjelaskan bahawa tema ini adalah suatu perkara yang perlu diberi perhatian dan wajar dijadikan gaya penulisan khutbah Jumaat kerana ia menepati tujuan utama pensyariatannya. Lantaran itu, setiap

¹⁶³ Rujuk Buku Khutbah Jumaat JAWI – Jun 2009, h. 29-32

¹⁶⁴ Rujuk Buku Khutbah Jumaat JAWI – Mac 2010, h. 27-30

¹⁶⁵ Rujuk Buku Khutbah Jumaat JAWI – Februari 2011, h.33-35

¹⁶⁶ Beliau adalah Penolong Mufti –S41, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dan salah seorang Panel Penyemak Khutbah JAWI, temubual pada 25 Februari 2012 di Pejabat Bahagian Pengurusan Kariah JAWI.

kali semakan teks khutbah dijalankan, panel penyemak akan memastikan perkara ini dimuatkan di dalam khutbah dan dipersembahkan dengan baik dan berkesan. Bagi memperjelaskan kenyataan penyelidik, berikut dibentangkan di antara khutbah-khutbah Jumaat yang berkaitan dengan tema ‘memberi penjelasan terhadap persoalan isu semasa’ yang dikesan sepanjang 2009-2011:

Bil.	Tajuk	Tarikh	Kandungan -Penjelasan Isu Semasa
1.	Keliru Minda	06.02.2009	<ul style="list-style-type: none"> • Menolak kepercayaan / amalan khurafat, tahyul & sihir – dosa syirik • Tidak terpedaya dengan bomoh dan tipudaya syaitan yang sentiasa menyeru kepada kesesatan & permusuhan
2.	Doa Mustajab	22.05.2009	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan sumber rezeki yang halal (bersih dan suci) • Doa tidak mustajab apabila rezeki yang diperolehi dari sumber yang haram
3.	Hiburan Sebenar	19.06.2009	<ul style="list-style-type: none"> • Naluri manusia suka berhibur & perkara seni • Gaya Berhibur masyarakat kini yang perlu dikawal dan diperbetulkan
4.	Sayangi Daku	10.07.2009	<ul style="list-style-type: none"> • Pembuangan bayi satu jenayah dan pembunuhan • Memahami batasan pergaulan antara lelaki & wanita • "Ibubapa perlu memberi didikan agama dari kecil
5.	Suratan Hidup	07.08.2009	<ul style="list-style-type: none"> • Kemuliaan & fadilat menghidupkan malam Nisfu Syaaban • Fenomena & Tanggapan tentang ibadah di malam ini
6.	Putaran Jam	13.11.2009	<ul style="list-style-type: none"> • Menghargai waktu lapang & jangan mensia-siakannya dengan perkara yang tidak bermanfaat • Merencana pengisian waktu cuti sekolah anak-anak dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah
7.	Restu Ayah Bonda	04.12.2009	<ul style="list-style-type: none"> • Tuntutan mendirikan rumahtangga & Hikmah berkahwin • Realiti Kegagalan Perkahwinan dan Jalan Penyelesaiannya
8.	Terlepas Genggaman	08.01.2010	<ul style="list-style-type: none"> • Menolak kepercayaan / amalan khurafat, tahyul & sihir – dosa syirik • Kepentingan berwaspada dan cara berhadapan dengan golongan yang menyeleweng
9.	Gejala Songsang	12.02.2010	<ul style="list-style-type: none"> • Gejala seks sejenis di kalangan masyarakat (gay dan lesbian) • Larangan menyambut Hari Memperingati Kekasih
10.	Jenayah Siber	19.02.2010	<ul style="list-style-type: none"> • Akibat buruk jika teknologi maklumat disalahgunakan • Etika penggunaan teknologi maklumat bagi seorang mukmin pada masa kini
11.	Bahaya Fitnah	02.04.2010	<ul style="list-style-type: none"> • Akibat jika fitnah terus berleluasa (cth: keruntuhan kerajaan, keretakan kekeluargaan dll) • Cara menghindari daripada melakukan fitnah
12.	Bunga Larangan	02.07.2010	<ul style="list-style-type: none"> • Galakan hidup bersederhana • Jauhi hidup melebihi keperluan dan tabiat berhutang Kaitan dengan isu 'Ah Long'
13.	Menongkah Arus	05.11.2010	<ul style="list-style-type: none"> • Umumnya cara hidup umat Islam pada hari ini mengikut nilai dan norma budaya asing • Saranan supaya memelihara dan mengamalkan kembali cara hidup yang bertepatan dengan Sunnah Nabi Muhammad SAW.

14.	Mahligai Bahagia	17.12.2010	<ul style="list-style-type: none"> • Persiapan diri untuk menempuh cabaran hidup berkeluarga – ilmu agama (iman dan amal) • Pernikahan adalah cara penyelesaian daripada berlakunya maksiat yang semakin berleluasa
15.	Paksi Kebenaran	14.01.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Konsep amar maaruf nahi mungkar dalam Islam & Peranan masyarakat perlu diperluas kepada badan NGO • Isu-isu semasa di dalam komuniti masyarakat
16.	Jiran Sepakat	11.03.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Budaya hormat-menghormati dalam komuniti kejiwaan telah hilang kerana sikap mementingkan diri sendiri • Langkah penyelesaian -hidupkan solat berjemaah, datang ke masjid & surau
17.	Halal Suatu Tuntutan	18.03.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Isu produk yang diguna pakai masyarakat Islam • Kesan jangka panjang kepada tubuh badan-syubhah • Galakan orang Islam mengusahakan produk halal
18.	Racun Dunia	01.04.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Bencana fitnah & Kesan buruknya di dalam masyarakat • Hak bersuara bukan kebebasan mutlak-konsep kebebasan mengikut agama
19.	Air Mata Ibu	06.5.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Kemuliaan Ibu di sisi Islam • Peranan/tanggungjawab anak terhadap Ibu • Isu semasa perihal anak yang derhaka
20.	Israk Mikraj	01.07.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Perbandingan antara sains dan agama • Hikmah terhadap perkembangan sains & angkasa lepas • Peranan terhadap dunia teknologi Islam
21.	Penyakit Hati	12.08.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Islam tidak menghalang mencari rezeki tetapi jangan sampai terlepas amalan-terawih, sedekah dll • Hikmah puasa & Tegahan sepanjang bulan Ramadhan
22.	Ikut Nafsu	23.09.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Amalan suka membazir semacam menjadi budaya dalam masyarakat hari ini • Hidup perlu bersederhana ikut lunas-lunas Islam
23.	Tiket Ke Neraka	30.09.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Judi dan seumpama dengannya dilarang disisi Islam • Merosakkan akidah dan menggugat kehidupan • Cara-cara mengatasi fenomena berjudi dalam masyarakat
24.	Haji Lambang Taqwa	06.11.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Perkaitan dengan ibadah korban yang dijalankan • Penghayatan & amalan yang sewajarnya menurut Islam • Menanam cita-cita menunaikan ibadah haji
25.	Kemurkaan Allah	02.12.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Bala dan malapetaka suatu peringatan daripada Allah • Masyarakat perlu sama-sama atasi masalah sosial • Rawatan & pemantauan yang berterusan

Jadual 6. Khutbah Jumaat JAWI bertemakan Penjelasan Isu Semasa 2009-2011

iii. Menjadi Saluran Maklumat Kepada Masyarakat Islam

Pengisian ini juga dapat dilihat melalui teks khutbah Jumaat yang diterbitkan oleh Unit Khutbah dan Latihan JAWI. Pelbagai maklumat telah disalurkan kepada masyarakat Islam melalui khutbah Jumaat. Sebagai contoh, pada teks khutbah Jumaat bertarikh 23 Oktober 2009 yang bertajuk ‘Nikmat Kesihatan’ menyatakan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian

Kesihatan pada tahun 2006 sebanyak 1.3 juta rakyat Malaysia adalah penghidap penyakit kencing manis yang membawa nisbah setiap 10 orang rakyat Malaysia seorang daripada mereka adalah penghidap penyakit ini.¹⁶⁷ Teks khutbah ini selanjutnya menyarankan agar mengamalkan cara pemakanan mengikut ajaran Rasulullah SAW. Pada 1 Oktober 2010, Khutbah bertajuk ‘Tanggungjawab Rakyat’ telah mengeluarkan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia pada penghujung tahun 2009 bahawa seramai 4.3 juta rakyat Malaysia belum mendaftarkan diri sebagai pemilih. Daripada jumlah itu sebanyak 125,752 orang adalah dari kalangan orang Melayu yang beragama Islam. Khutbah ini juga memuatkan kata-kata Profesor Yūsuf Al-Qaradāwi yang menyatakan kepentingan penglibatan umat Islam dalam menentukan pemilihan pemimpin melalui proses pilihanraya.¹⁶⁸ Pada 18 Mac 2011 pula, JAWI telah mengeluarkan khutbah Jumaat bertajuk ‘*Halalan Toyyiba*’ yang bermaksud ‘Yang Halal dan Baik’. Di dalam khutbah ini dinyatakan Garis Panduan Halal ISO (MS 1500:2009) yang menyenaraikan 6 ciri-ciri makanan yang halal dan baik. Antaranya makanan tersebut tidak mengandungi produk haiwan yang tidak halal mengikut hukum syarak dan ia selamat serta tidak memudaratkan.¹⁶⁹

Ketika menemu ramah salah seorang panel penulis teks khutbah JAWI, Encik Mohd Faizul bin Abdul Kadir,¹⁷⁰ beliau menyatakan bahawa sepanjang pengalamannya 3 tahun sebagai penulis teks khutbah, pembentangan maklumat seperti statistik, garis panduan, akta dan perkembangan semasa adalah perkara yang perlu dititik beratkan pada sesebuah teks khutbah. Menurut beliau lagi, dengan memuatkan maklumat-maklumat seperti ini, khutbah akan kelihatan lebih dinamik dan mampu menarik perhatian jemaah yang mendengar. Meskipun

¹⁶⁷ Rujuk Buku Khutbah Jumaat JAWI – Oktober 2009, h. 41 & 42

¹⁶⁸ Rujuk Buku Khutbah Jumaat JAWI – Oktober 2010, h. 9

¹⁶⁹ Rujuk Buku Khutbah Jumaat JAWI – Mac 2011, h. 27 & 28

¹⁷⁰ Beliau adalah Ketua Imam & Pentadbir di Masjid Abdul Rahman ‘Auf, Puchong. Temu bual dibuat di Dewan Hadhari, Komplek Pusat Islam JAWI, pada 25 Februari 2011.

begitu khutbah-khutbah yang membawa tema ini tidaklah kerap diterbitkan sebagaimana tema-tema lain. Ia ditulis dan diterbitkan mengikut keperluan semasa dan arahan dari pihak jabatan atau kementerian yang berkepentingan. Berikut disenaraikan di antara khutbah-khutbah Jumaat JAWI yang dikesan telah menjadi saluran maklumat kepada masyarakat Islam sepanjang tahun 2009-2011 :

Bil.	Tajuk	Tarikh	Kandungan -Saluran Maklumat
1.	Hak Kita	10.04.2009	<ul style="list-style-type: none"> • Etika penggunaan muslim • Peranan pengguna dalam menjana ekonomi negara • Makluman (data & statistik) semasa
2.	Lembayung Keamanan	05.06.2009	<ul style="list-style-type: none"> • SPBYDA sebagai Waliyul Amri • Ketaatan kepada pemimpin membentuk masyarakat harmoni & bukti warga yang bertanggungjawab
3.	Menggali Lahad	26.06.2009	<ul style="list-style-type: none"> • Tegahan penyalahgunaan dadah, Akta & risiko penggunaannya • Pengambilan dadah ibarat menggali lahad untuk mengkebumikan diri sendiri
4.	Jihad dan Niat	18.12.2009	<ul style="list-style-type: none"> • Perancangan aktiviti sepanjang tahun ke arah pembentukan individu yang bertaqwa • Perbahasan tentang tema sambutan Maal Hijrah 1431H
5.	Keluarga Bahagia	05.03.2010	<ul style="list-style-type: none"> • Pembentukan negara makmur dan masyarakat harmoni bermula daripada pembentukan keluarga bahagia • Perangkaan daripada Jabatan Kerajaan mengenai isu kemasyarakatan (cth: warga tua terabai dll)
6.	Penghargaan Buatmu	14.05.2010	<ul style="list-style-type: none"> • Penjelasan tema Hari Guru 2010 • Menghargai pengorbanan guru dan menuruti segala tunjuk ajar yang bermanfaat
7.	Perpaduan Dijulang	04.06.2010	<ul style="list-style-type: none"> • Ketaatan kepada pemimpin asas perpaduan dan kemakmuran negara. • Tiada ketaatan dalam perkara kemaksiatan kepada Allah
8.	Tengkorak Hidup	25.06.2010	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan telah memperuntukkan dana yang besar untuk memerangi dadah • Statistik dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
9.	Wahyu Merdeka	27.08.2010	<ul style="list-style-type: none"> • Menghayati tema hari kemerdekaan • Pengisian kemerdekaan yang bertepatan dengan roh ramadhan
10.	Menuju Ilahi	19.11.2010	<ul style="list-style-type: none"> • Haji mabrur: Tuntutan & Impian • Niat dan azam dengan menabung dan mendaftar sebagai calon jemaah haji dengan Tabung Haji
11.	Warga Gemilang	28.01.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Mukadimah-Tema Hari Wilayah 2011 • Definisi warga gemilang mengikut panduan Islam • Ciri-ciri kegemilangan mencontohi generasi Para Sahabat
12.	Lorong Kegelapan	08.04.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Perkara-perkara khurafat, tahyul dan perbomohan songsang wajar dijaui • Penguatkuasaan undang-undang dari pihak-pihak berwajib perlu berjalan sewajarnya
13.	Keranamu	13.05.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Huraian peranan guru masa kini • Pakej yang perlu bagi seorang guru dalam menghadapi era teknologi dalam pendidikan
14.	Panji Kemakmuran	03.06.2011	<ul style="list-style-type: none"> • SYDPA sebagai ketua negara dan hal ehwal agama • Kepimpinan melalui tauladan -contohnya generasi sahabat • Konsep satu jemaah dalam meyatupadukan negara

15.	Najis Dunia	24.06.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Peranan untuk membanteras bahaya dadah semua pihak dan Maklumat Statistik terbaru • Hukuman perlu lebih dikuatkuasakan (pemantauan)
16.	Suara Merdeka	26.08.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Panduan sambutan Hari Kemerdekaan menurut Islam • Penghayatan yang boleh diterapkan • Tema Tahun ini 'Mensyukuri Nikmat Kemerdekaan'.
17.	Budaya Hedonisme	04.11.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Musuh Islam gunakan medium ini sebagai senjata • Islam ada alternatif lain tetapi kuatnya pengaruh hiburan masa kini menenggelamkan warisan Islam
18.	Harta Akhirat	23.12.2011	<ul style="list-style-type: none"> • Konsep zakat dalam muamalah Islam • Kemudahan yang banyak disediakan melalui pusat pungutan zakat.

Jadual 7. Khutbah Jumaat JAWI bertemakan Saluran Maklumat 2009-2011

3.4 Kekuatan dan Kelemahan Teks Khutbah Jumaat JAWI

Sepertimana yang dinyatakan di dalam Bab I disertasi ini, di antara objektif utama kajian ini adalah 'untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan isi kandungan teks khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)'. Setelah penyelidikan dan pembentangan tentang teks khutbah Jumaat JAWI ini dilakukan, penyelidik akhirnya dapat mengenalpasti beberapa kekuatan dan kelemahan yang terdapat di dalam isi kandungan teks khutbah ini. Untuk memaparkan hasil kajian ini sebagai memenuhi objektif kajian, penyelidik akan menyenaraikankan sudut-sudut kekuatan teks khutbah Jumaat JAWI terlebih dahulu sebelum disusuli pembentangan berkaitan sudut-sudut kelemahannya.

3.4.1 Sudut-Sudut Kekuatan Teks Khutbah Jumaat JAWI

Berikut dinyatakan sudut-sudut kekuatan teks khutbah Jumaat JAWI yang dapat dikesan menerusi pengamatan dan kajian penyelidik:

- i. Kekemasan Susunan dan Keseragaman Persembahan
- ii. Fokus Kepada Satu Topik
- iii. Bersistem dan Beridentiti

i. Kekemasan Susunan dan Keseragaman Persembahan

Perkara ini dapat dilihat dengan jelas pada teks-teks khutbah Jumaat JAWI kerana para penulisnya dibekalkan dipandu dengan manual dan syarat penulisan. Setiap teks dibentuk dengan 3 bahagian asas iaitu mukadimah, isi kandungan dan penutup. Di bahagian mukadimah dimulakan dengan sepotong ayat Al-Quran berkaitan tajuk. Seperkara lagi yang dilihat seragam pada teks-teks ini ialah pernyataan tajuk secara jelas disebut sebelum membicarakan *mauduk* khutbah. Di ruang isi kandungan lazimnya dimuatkan penjelasan tajuk, sebab perbincangan dan panduan menghadapi dan penyelesaian bagi permasalahan. Di bahagian penutup pula dinyatakan kesimpulan atau intipati khutbah sebagai ulangan untuk mengingatkan semula perkara-perkara utama yang dibincangkan pada setiap minggu. Kekemasan dan keseragaman ini dikesan pada semua teks khutbah Jumaat JAWI sejak 2009 hingga kini.

ii. Fokus Kepada Satu Topik

Ini merupakan satu kekuatan yang jelas dipamerkan oleh teks-teks khutbah Jumaat JAWI. Kekuatan ini juga hasil dari tajuk dan tema yang dibekalkan kepada setiap penulis khutbah. Dengan berpandukan kedua-dua asas yang disediakan penulis secara tidak langsung menulis khutbah secara fokus kepada satu topik perbincangan. Sepanjang penelitian penyelidik terhadap teks-teks khutbah Jumaat yang diterbitkan oleh JAWI untuk tempoh sasaran kajian, bermula Januari 2009 hingga Disember 2011, tiada satu pun khutbah yang membincangkan lebih dari satu topik dikesan. Kekuatan fokus pada satu topik ini menepati syarat melahirkan khutbah yang berkesan kerana tempoh masa penyampaian khutbah adalah sangat singkat dan terbatas. Membicarakan pelbagai topik dalam satu ruang masa yang sempit adalah suatu kepincangan yang perlu dielakkan. Justeru, teks khutbah Jumaat JAWI peka dengan keperluan

in dan apa yang dilakukan oleh JAWI ini adalah kekuatan yang perlu dipertahankan dan dikekalkan.

iii. Bersistem dan Beridentiti

Ini merupakan kekuatan yang menjadikan khutbah Jumaat JAWI dapat dikenal dan berbeza dengan teks khutbah Jumaat yang lain. Khutbah Jumaat JAWI disusun secara berjadual dan susunan pembentangan isi kandungannya dibentuk dengan panduan 5W dan 1H.¹⁷¹ Biasanya khutbah JAWI membuka perbincangan dengan menjelaskan ‘apakah’ topik yang dibahaskan, kemudian ‘di mana’ dan ‘bila’ ia berlaku. Seterusnya persoalan ‘mengapa’ ia dibahaskan dan diakhiri dengan penjelasan ‘bagaimana’ jalan penyelesaian yang perlu dilakukan. Kaedah ini menjadikan khutbah benar-benar dapat difahami dan berkesan. Sebagai contoh khutbah bertajuk ‘Hiburan Sebenar’ yang diterbitkan untuk bacaan pada 19 Jun 2009. Antara isi kandungan khutbah ini menjelaskan apakah sebenarnya hiburan dan kenyataan bahawa berhibur adalah fitrah manusia namun ia perlu dipandu oleh syariat. Turut dinyatakan di dalam khutbah ini ciri-ciri hiburan dalam Islam dan bagaimana cara berhibur menurut syariat.¹⁷² Begitu juga khutbah bertajuk ‘Bahaya Budaya Ikutan’ yang disiarkan pada 19 Mac 2010, menjelaskan apakah bahaya pengaruh budaya luar yang semakin menjadi ikutan golongan remaja masa kini dan mengapa kita perlu menghindarinya. Di dalam khutbah ini disertakan fakta statistik remaja yang menggemari cara berpakaian ala remaja barat di samping statistik peratusan remaja yang merokok di usia awal remaja. Di penghujung khutbah tersebut dibentangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi menangani permasalahan ini.¹⁷³

¹⁷¹ 5W 1H bermaksud *what, who, where, when, why* dan *ho*.

¹⁷² Rujuk Buku Khutbah Jumaat JAWI – Jun 2009, h. 29-32

¹⁷³ Rujuk Buku Khutbah Jumaat JAWI – Mac 2010, h. 27-30

Identiti khutbah Jumaat JAWI pula adalah kekuatan yang dapat membangunkan keampuhan dan ciri-ciri tersendiri khutbah ini. Pemilihan *font* yang khusus, saiz huruf, kadar helaian muka surat dan anggaran kadar masa bacaan khutbah adalah identiti yang membezakan teks khutbah Jumaat JAWI dengan teks khutbah yang lain. Begitu juga gaya persembahan ayat Al-Quran dan Hadis yang telah ditetapkan disamping mengelakkan perbahasan perkara khilafiah dan menyentuh hal-hal yang berkaitan dengan raja dan perlembagaan negara. Ini semua menjadikan teks khutbah Jumaat JAWI tampil dengan identitinya sendiri.

3.4.2 Sudut-Sudut Kelemahan Teks Khutbah Jumaat JAWI

Sebagaimana dinyatakan, setelah pembentangan sudut-sudut kekuatan teks khutbah Jumaat JAWI disempurnakan, di sini dinyatakan pula sudut-sudut kelemahan teks khutbah JAWI untuk dinilai dan diperbaiki dari semasa ke semasa. Antara kelemahan-kelemahan yang dapat dikesan melalui kajian penyelidikan ialah:

- i. Tiada Ruang Kreativiti Dan Kebebasan Memberikan Idea
- ii. Terikat Dengan Tajuk Berjadual Sepanjang Tahun
- iii. Kelemahan Dari Sudut Bahasa Dan Gaya Penulisan

i. Tiada Ruang Kreativiti Dan Kebebasan Memberikan Idea

Kelemahan ini terjadi kerana setiap penulisan teks khutbah JAWI disyaratkan menurut tajuk dan sinopsis yang telah ditetapkan. Penulis-penulis yang kreatif dan mempunyai buah fikiran yang baik tidak memiliki peluang untuk menyatakan sesuatu yang mungkin penting dan bermanfaat dengan sistem yang dibuat ini. Meskipun pernyataan tajuk dan sinopsis ini dapat

membantu para penulis khutbah, tetapi ia telah merencatkan kreativiti mereka dalam penulisan dan menghadkan tumpuan topik hanya pada sinopsis yang dibekalkan. Ini merupakan satu kelemahan yang merugikan sekiranya dikekalkan. Teks-teks khutbah Jumaat JAWI sepanjang tahun kelihatan hampir serupa di sudut fokus dan temanya kerana ia ditentukan oleh beberapa individu yang sama di cawangan ini. Situasi ini mengundang rasa bosan di kalangan jemaah pendengar dan menghilangkan tumpuan mereka terhadap khutbah yang disampaikan. Sewajarnya kelonggaran berkarya dan melontarkan pandangan dibuka kepada penulis-penulis yang berkemampuan.

ii. Terikat dengan Tajuk Berjadual Sepanjang Tahun

Kelemahan dari sudut ini berlaku disebabkan semua tajuk-tajuk khutbah sepanjang tahun telah ditetapkan sebelum menjelang tahun khutbah tersebut disiarkan. Biasanya tajuk-tajuk ini disiapkan pada bulan November atau Disember tahun sebelumnya. Kemudian ia diserahkan kepada panel penulis beberapa minggu sebelum kedatangan tahun berikutnya. Mereka diminta untuk menyiapkan teks khutbah tersebut seawal mungkin untuk melancarkan proses lanjutan penyediaan teks khutbah ini. Situasi ini membuat teks khutbah Jumaat JAWI ada kalanya muncul dengan topik yang sudah tidak relevan dengan isu semasa. Teks yang ditulis secara berjadual ini memang berjaya melancarkan perjalanan proses penerbitan khutbah, namun apabila disiapkan terlalu awal dari tarikh bacaan di atas mimbar Jumaat ia perlu disemak dan diperbaiki sebelum dicetak dan diedarkan. Penyelidik melihat kelemahan ini boleh diatasi dengan kepekaan panel penyemak untuk berperanan dalam menentukan kesesuaian topik khutbah yang disiarkan pada setiap minggu. Penulis khutbah juga perlu sentiasa bersedia untuk mengubah dan memperbaiki teks yang telah ditulis sekiranya diminta berbuat demikian.

iii. Kelemahan Dari Sudut Bahasa dan Gaya Penulisan

Gaya bahasa dalam penulisan khutbah adalah berbeza dari tulisan artikel atau makalah ilmiah. Ini kerana khutbah adalah pidato yang ditulis bagi membantu para khatib menyampaikannya dengan lancar dan tersusun. Ia bukan pernyataan maklumat atau pembentangan masalah dan hasil kajian. Realiti yang dilihat pada kebanyakan teks khutbah Jumaat JAWI adalah sebaliknya. Dengan ayat pernyataan yang panjang meleret-leret, bahasa yang ada kalanya terlalu tinggi dan gagal difahami oleh semua golongan pendengar. Ia berpunca dari latar belakang penulis yang berbeza dan kegagalan menghayati maksud dan gaya penulisan khutbah. Teks khutbah Jumaat perlu menggunakan bahasa yang mudah dan dekat dengan pendengar, menggabungkan ayat-ayat panjang dan pendek, kata ajuk dan pernyataan. Ayat-ayat di dalam khutbah Jumaat juga perlu ada nilai sentimental, intelektual dan kepimpinan. Ia adalah gabungan perasaan seperti sayu, sedih, semangat dan insaf bersama fakta ilmiah dan dalil-dalil yang meyakinkan. Disusuli pula dengan pembentangann jalan penyelesaian dan panduan. Inilah yang akan menjadikan teks khutbah mempunyai intonasi pidato meskipun khatib merujuk kepada teks khutbah dalam menyampaikan khutbahnya. Inilah yang ditegaskan oleh Ustaz Pahrol Mohd Juoi¹⁷⁴ di dalam Bengkel Pemantapan Penulisan Teks Khutbah JAWI 2012 yang berlangsung pada 18-20 Oktober 2011 di Mahkota Hotel, Bandar Hilir Melaka. Sewajarnya panel penulis teks Khutbah JAWI menyedari kelemahan ini dan mengaplikasikan teknik dan ilmu penulisan yang telah diperolehi dalam penulisan khutbah mereka.

¹⁷⁴ Kenyataan beliau dipetik dalam pembentangan kertas kerja bertajuk ‘Prinsip dan Teknik Penulisan Khutbah, pada 19 Oktober 2011

3.5 Rumusan Kajian

Setelah penelitian, kajian dan pembentangan hasil penyelidikan berkaitan tajuk dan isi kandungan teks khutbah Jumaat JAWI ini dibuat, penyelidik melihat bahawa teks-teks yang diterbitkan di Cawangan Khutbah dan Latihan JAWI ini baik dan berpotensi untuk menjadi lebih berkualiti. Berdasarkan kenyataan ini, meskipun masih terdapat beberapa kelemahan di sudut teks dan gaya penulisan, penyelidik dapat merumuskan bahawa teks khutbah Jumaat JAWI telah mula mengorak langkah ke arah memenuhi tuntutan pensyariaan khutbah yang bertujuan memberi pedoman mingguan kepada Umat Islam. Realiti ini juga memperlihatkan bahawa Cawangan Khutbah JAWI telah bertindak balas dan peka dengan keperluan semasa masyarakat Islam dengan pendekatan membentangkan isu-isu semasa yang berbangkit dan memberikan jawapan berserta pandangan Islam dalam teks-teks khutbah terbitannya. Teks khutbah Jumaat JAWI juga ternyata tidak mengabaikan peranan menyalurkan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh umat Islam sama ada berita semasa, akta, undang-undang dan statistik yang dikeluarkan oleh kementerian dan jabatan kerajaan. Tidak dapat dinafikan bahawa masih banyak isu semasa dan permasalahan masyarakat Islam yang belum disentuh dalam khutbah Jumaat JAWI. Namun dengan kewujudan sistem kerja dalam menyediakan dan menerbitkan khutbah yang diamalkan di sini mampu membentuk teks-teks khutbah yang baik dan berkualiti. Sebagai contoh, panel penulis khutbah JAWI dipandu dengan ‘3 tema penulisan khutbah’ yang akan menjadikan tulisan mereka lebih fokus dan berkesan. Sistem kerja ini boleh dijadikan model contoh kepada institusi-institusi lain yang menerbitkan khutbah di negara ini khususnya. Kelemahan dan kekurangan yang terdapat di dalam penyediaan teks khutbah Jumaat JAWI perlu diperbaiki dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kualitinya. Antaranya maklumat dan isi kandungan yang dimuatkan di dalam khutbah tersebut perlu diperkemaskan

dan dipertingkatkan dari sudut kemantapan isinya. Penggunaan bahasa yang mudah dan gaya persembahan yang menarik perlu dipastikan agar khutbah yang dihasilkan kelihatan lebih dinamik dan menarik.

BAB EMPAT

METODE PENYEDIAAN TEKS KHUTBAH JUMAAT JAWI DAN CABARANNYA

4.1 Metodologi Penyediaan Teks Khutbah JAWI : Prosedur dan Carta Alir Kerja

Bab ini adalah bahagian yang akan membentangkan antara topik utama disertasi ini. Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam pendahuluan pada Bab Satu terdahulu, metodologi penyediaan teks khutbah Jumaat di Cawangan Khutbah JAWI adalah fokus utama kajian ini. Perbincangan di dalam bab ini akan memaparkan secara terperinci mengenai prosedur penyediaan teks khutbah Jumaat JAWI dan seluruh perjalanannya.

Hasil tinjauan dan pengamatan penyelidik di Cawangan Khutbah selama tiga tahun tahun sejak Januari 2009 hingga Disember 2011, proses penyediaan teks khutbah Jumaat di Cawangan Khutbah JAWI dilihat telah disusun dan berjalan mengikut prosedur yang ditetapkan. Merujuk kepada ‘Manual Panduan Penyediaan Teks Khutbah dan Khutbah Multimedia 2007’, prosedur penyediaan Teks khutbah Jumaat JAWI menggariskan beberapa peringkat yang perlu dilalui sebelum teks khutbah diterbitkan. Gambaran keseluruhan secara ringkas prosedur penyediaan teks khutbah tersebut adalah seperti berikut:¹⁷⁵

- i. Pemilihan tajuk-tajuk khutbah sepanjang tahun
- ii. Bengkel Sinopsis Khutbah
- iii. Penulisan oleh Panel Penulis Teks Khutbah
- iv. Menaip dan Menjawikan Teks Khutbah


¹⁷⁵ JAWI 2007, Manual Panduan Penyediaan Teks Khutbah dan Khutbah Multimedia 2007, h.4.

- v. Semakan Teks Khutbah oleh Panel Penyemak
- vi. Pengesahan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kariah
- vii. Kelulusan Pejabat Mufti
- viii. Bacaan Pruf dan Pengesahan Akhir
- ix. Cetakan dan Pembukuan
- x. Edaran
- xi. Bacaan di atas Mimbar Jumaat

Menurut Puan Salamah binti Yunus¹⁷⁶, kakitangan yang telah lama berkhidmat di cawangan ini, prosedur ini mula diaplikasikan secara menyeluruh pada Januari 2007. Sebelum prosedur ini dilaksanakan, teks khutbah Jumaat terbitan JAWI hanya melalui proses penyediaan yang ringkas dan tanpa prosedur yang kemas. Hanya proses penulisan dan semakan yang dibuat sebelum teks khutbah dicetak dan diedar sendiri oleh Bahagian Pengurusan Kariah ke masjid-masjid di bawah pentadbiran JAWI. Ia merupakan rutin mingguan Cawangan Khutbah pada waktu itu. Setelah prosedur ini diselaraskan dan dilaksanakan, perjalanan sistem penyediaan teks khutbah JAWI dilihat bertambah kemas dan memberi impak yang lebih baik dari sudut pengurusan dan kualiti khutbah yang diterbitkan. Untuk memberi gambaran awal keseluruhan proses ini, berikut dibentangkan ‘Carta Aliran Prosedur Penyediaan Teks khutbah Jumaat JAWI’ yang memaparkan turutan proses penyediaan ini secara keseluruhan dengan ringkas.

¹⁷⁶ Pn. Salamah binti Yunus, Kakitangan di Cawangan Khutbah dan Latihan, JAWI. Temubual dengan beliau pada 11 Oktober 2010 di Aras 1 Bangunan Pusat Islam, Kuala Lumpur.

CARTA ALIRAN PROSEDUR PENYEDIAAN TEKS KHUTBAH JUMAAT JAWI



Rajah 4. Carta Aliran Prosedur Penyediaan Teks Khutbah Jumaat JAWI

4.1.1 Pemilihan Tajuk Khutbah Jumaat

Hasil temubual dengan Ketua Cawangan Khutbah di Bahagian Kariah JAWI, Encik Khairul Asyraf bin Ahmad¹⁷⁷, penyelidik mendapati bahawa tajuk-tajuk Khutbah Jumaat JAWI telah dirangka lebih awal sebelum menjelang tahun baru bagi setiap tahun. Ia dirangka secara berjadual untuk tempoh setahun dan berjumlah 52 tajuk selaras dengan 52 minggu yang ada sepanjang setahun. Pemilihan tajuk-tajuk Khutbah Jumaat sepanjang tahun ini dihasilkan melalui perbincangan di peringkat pegawai-pegawai dan kakitangan di Bahagian Pengurusan Kariah. Ia mengambil kira beberapa faktor dan keperluan bagi menyediakan panduan agama secara mingguan kepada masyarakat Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan, menepati peranan khutbah sebagaimana yang diharapkan. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi dan menyumbang kepada pembentukan dan pemilihan tajuk-tajuk khutbah ini adalah :

- i. Hari-hari kebesaran Islam. Khutbah Jumaat yang dijadualkan di dalam minggu yang terdapat padanya hari kebesaran tersebut akan diberi tajuk yang berkaitan. Ia bertujuan untuk membincangkan peristiwa dan pengajaran bersempena sambutan hari tersebut. Apabila tarikh bacaan khutbah bertepatan dengan minggu sambutan Maulidur Rasul, Israk dan Mikraj, Maal Hijrah dan sebagainya, maka tajuk yang diberi adalah sinonim dengan sambutan-sambutan tersebut. Misalnya pada tahun 2009, ketika sambutan Maulidur Rasul, Khutbah Jumaat pada minggu tersebut yang bertarikh 6 Mac 2009M bersamaan 9 Rabi'ul Awal 1430 telah diberi tajuk 'Qudwah Hasanah', manakala bersempena sambutan Israk dan Mikraj yang jatuh pada 20 Julai 2009M bersamaan 27 Rejab

¹⁷⁷ Khairul Asyraf bin Ahmad , Ketua Cawangan Khutbah dan Latihan, JAWI .Temubual dengan responden pada 2 November 2010 di Aras 1, Bangunan Pusat Islam, Kuala Lumpur.

1430, Khutbah Jumaat JAWI telah diberi tajuk ‘Antara Akal dan Wahyu’¹⁷⁸. Begitu juga pada sambutan Ma’al Hijrah 1432, Khutbah Jumaat JAWI yang bertarikh 10 Disember 2010M bersamaan 4 Muharram 1432H telah membincangkan tajuk ‘Hijrah Diri’¹⁷⁹

- ii. Hari-hari Sambutan Kebangsaan. Khutbah Jumaat juga akan mengambilkira sambutan-sambutan Hari Kebangsaan untuk disesuaikan dengan tajuk khutbah seperti Hari Kemerdekaan, Hari Pahlawan, Hari Ibu, Hari Guru, Hari Pekerja dan sebagainya. Sebagai contoh pada sambutan Hari Pahlawan tahun 2010 lalu, Khutbah Jumaat yang bertarikh 30 Julai 2010 bersamaan 18 Syaaban 1431H telah memaparkan tajuk ‘Pahlawan Sejati’, pada Sambutan Hari Kemerdekaan pula Khutbah Jumaat disesuaikan dengan tajuk ‘Wahyu Merdeka’ yang dibaca pada 27 Ogos 2010M bersamaan 17 Ramadhan 1431H¹⁸⁰, manakala pada sambutan Hari Ibu pada tahun 2009, Khutbah Jumaat JAWI yang bertarikh 8 Mei 2009 bersamaan 13 Rabi’ul Awal 1430H membahaskan tajuk ‘*Miftahul Jannah*’¹⁸¹ yang bermaksud anak kunci Syurga
- iii. Isu-isu semasa. Sebarang isu yang timbul yang berhubung kait dengan masyarakat Islam akan diberi penjelasan melalui Khutbah Jumaat yang diberi tajuk berkenaan isu tersebut. Misalnya seperti isu pembuangan bayi, isu penggunaan kalimah Allah, isu Palestin di Gaza dan sebagainya. Antara tajuk-

¹⁷⁸ Rujuk Buku Khutbah Jumaat, JAWI, Mac & Julai 2009

¹⁷⁹ Rujuk Buku Khutbah Jumaat, JAWI, Disember 2010

¹⁸⁰ Rujuk Buku Khutbah Jumaat, JAWI, Julai & Ogos 2010

¹⁸¹ Rujuk Buku Khutbah Jumaat, JAWI, Mei 2009

tajuk yang pernah dibentangkan berkenaan isu-isu semasa ialah ‘Budaya Songsang’¹⁸² yang dibaca pada 13 Februari 2009 bersamaan 18 Safar 1430H yang memberi penjelasan kepada permasalahan gejala sosial dan kelahiran anak luar nikah yang semakin kronik di dalam masyarakat kita. Selanjutnya pada 19 Februari 2010 bersamaan 5 Rabiul Awal 1431H, Khutbah Jumaat bertajuk ‘Jenayah Siber’¹⁸³ telah dibentangkan sebagai satu langkah menyedarkan umat Islam tentang bahaya fitnah dan salah guna kemudahan siber yang kian berleluasa mutakhir ini.

Setelah tajuk-tajuk cadangan Khutbah Jumaat sepanjang tahun ini disediakan oleh Cawangan Khutbah, ia dikemukakan kepada Ketua Penolong Pengarah Kanan (KPPK) Bahagian Pengurusan Kariah untuk mendapatkan persetujuan dan kelulusan daripadanya. Menurut kebiasaannya, Ketua Cawangan Khutbah akan bertemu dan berbincang dengan KPPK bahagian ini. Di dalam pertemuan ini, Ketua Cawangan Khutbah akan memberi penjelasan terhadap senarai tajuk-tajuk khutbah yang dicadangkan. Setelah mendengar penjelasan dan meneliti senarai tajuk-tajuk khutbah tersebut KPPK akan membuat pindaan dan penambahbaikan pada tajuk-tajuk yang dirasakan kurang memuaskan dan yang perlu diperbaiki.

Menurut pengamatan Penyelidik, proses pemilihan tajuk khutbah yang diamalkan di JAWI ini adalah penting dan mampu memberi kesan positif kepada perjalanan sistem penyediaan khutbah dan teks khutbah yang diterbitkan. Ia memberi beberapa kebaikan dari beberapa sudut, antaranya:

¹⁸² Rujuk Buku Khutbah Jumaat, JAWI, Februari 2009

¹⁸³ Rujuk Buku Khutbah Jumaat, JAWI, Februari 2010

- i. Meraikan perkara-perkara yang berlaku sepanjang tahun untuk difahami dan dihayati oleh masyarakat Islam dengan sewajarnya
- ii. Mempamerkan keprihatinan jabatan agama yang diamanahkan untuk memelihara dan membangunkan kepentingan umat Islam dalam usaha-usaha mendidik dan memberi maklumat selari dengan perkembangan semasa
- iii. Memberi ruang kepada pegawai atasan atau penyelia utama untuk melibatkan diri bersama memantau dan memberi perhatian kepada seluruh sistem ini sejak dari peringkat awal.

Meskipun begitu penyelidik melihat bahawa ruang perbincangan untuk menentukan tajuk dan topik perbahasan khutbah Jumaat ini perlu dibuka lebih luas untuk menghasilkan fokus khutbah yang lebih menyeluruh. Contohnya, pihak Cawangan Khutbah JAWI boleh memanggil ketua-ketua atau wakil-wakil dari jabatan-jabatan kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan NGO yang terlibat secara langsung dengan sosial dan kemasyarakatan seperti PDRM, RELA, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Rumah-Rumah Kebajikan dan Perlindungan dan sebagainya. Keterbukaan ini perlu diwujudkan bagi membuka ruang perkongsian maklumat dan isu-isu kemasyarakatan yang sewajarnya diberi perhatian dan dibicarakan di dalam khutbah Jumaat.

4.1.2 Bengkel Sinopsis Khutbah Jumaat

Menurut Encik Khairul Asyraf lagi,¹⁸⁴ setelah kelulusan diperolehi daripada KPPK, pihak Cawangan Khutbah akan merangka sebuah bengkel yang dikenali sebagai ‘Bengkel Penyediaan Sinopsis Khutbah Jumaat JAWI’. Tajuk-tajuk khutbah yang telah diluluskan akan diperbincangkan di dalam bengkel ini. Peserta-peserta bengkel adalah terdiri dari kalangan panel-panel penyemak dan penulis khutbah yang telah dilantik. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk merangka sinopsis khutbah bersesuaian dengan tajuk-tajuk khutbah yang telah diluluskan. Di samping itu juga panel penulis boleh mencadangkan dalil-dalil al-Quran dan Hadith yang berkaitan dengan khutbah tersebut. Sinopsis khutbah ini dibentuk dan disusun di bawah setiap tajuk yang telah ditetapkan untuk dibekalkan kepada penulis khutbah dengan tujuan agar dapat membantu mereka menulis teks khutbah menjurus kepada fokus perbincangan tajuk yang telah ditetapkan dan tidak tersasar keluar dari ruang perbincangan tajuk khutbah.

Mengikut kebiasaannya sejak sistem ini diamalkan, bengkel ini diadakan pada setiap penghujung tahun selama 3 hari 2 malam. Tempoh ini ternyata cukup dan memadai untuk menyempurnakan penyediaan sinopsis bagi 52 tajuk Khutbah Jumaat terbitan JAWI sepanjang tahun berikutnya. Antara bengkel-bengkel yang pernah diadakan oleh Cawangan Khutbah JAWI sepanjang 2009-2011 ialah Bengkel Pemantapan Khutbah JAWI 2010, pada 15-17 Disember 2009 di Bayu Beach Resort, Port Dickson, Kursus Pemantapan Penulisan Teks Khutbah JAWI 2011, pada 27-29 Julai 2010 di Masjid Al-Ghufran Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur dan Bengkel Pemantapan Penulisan Teks Khutbah JAWI 2012 pada 18-20 Oktober 2011 di Mahkota Hotel, Bandar Hilir Melaka.

¹⁸⁴ Temubual dengan responden pada 2 November 2010 di Aras 1, Bangunan Pusat Islam, Kuala Lumpur.

Gambaran praktikal suasana bengkel ini dapat dilihat dari aturcara program bengkel tersebut. Antara pengisiannya ialah:

- a. Para peserta akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil seramai 5 orang untuk berbincang dan mencari bahan-bahan utama yang berkaitan dengan fokus perbahasan dan tajuk 52 teks khutbah Jumaat tersebut.
- b. Di penghujung bengkel ini setiap kumpulan akan menghimpunkan isi kandungan utama sinopsis semua khutbah dan membentangkannya kepada semua peserta secara bergilir-gilir mengikut kumpulan.

Isi kandungan sinopsis ini dicari dan disusun melalui perbincangan. Antara isi kandungan utama sinopsis setiap khutbah ini adalah:

- i. Definisi dan penjelasan mengenai tajuk khutbah. Ia biasanya memberikan penjelasan kepada maksud tajuk setiap khutbah sama ada dari sudut bahasa mahupun dari sudut tujuan istilah tersebut digunakan. Jika istilah tersebut berasal dari bahasa asing, terjemahan kepada bahasa Melayu akan dinyatakan.
- ii. Realiti atau fakta berkaitan tajuk perbincangan. Ia merupakan bahan asas perbincangan yang perlu dinyatakan dengan jelas dan tepat agar dapat membantu menjelaskan topik khutbah. Antara butiran fakta yang perlu dimuatkan ialah realiti kejadian dan peristiwa, statistik dari sumber yang dipercayai dan laporan atau berita semasa.
- iii. Dalil Al-Quran dan Hadith cadangan yang bersesuaian. Ini adalah rukun khutbah yang perlu dimanfaatkan dengan tepat dan sempurna kerana ia adalah satu unsur yang membezakan khutbah dengan ucapan-ucapan lain. Memadai

dengan sepotong ayat Al-Quran dan Hadith untuk memenuhi keperluan rukun khutbah, namun biasanya setiap teks khutbah disokong dengan 2 atau 3 ayat Al-Quran dan Hadith.

- iv. Pandangan Islam terhadap perkara berkaitan. Ia bermaksud penjelasan atau tafsiran yang diambil dari kenyaataan Para Sahabat, Tabi'in dan para ulama atau dipetik dari kitab-kitab mereka yang muktabar.
- v. Panduan dan dorongan sebagai kesimpulan khutbah. Khutbah perlu disudahi dengan saranan dan petunjuk untuk bertindak wajar dalam mencari jalan penyelesaian. Panduan yang dinyatakan di sini mestila realistik dan bersandar kepada sumber rujukan yang kukuh dan mampu dilaksanakan.

Setelah semua sinopsis tajuk teks khutbah ini disempurnakan, ia dikumpulkan oleh urusetia bengkel yang bertugas sebelum diagih-agihkan kepada panel penulis untuk dibentuk menjadi sebuah teks khutbah Jumaat yang mantap dan berkesan. Setiap penulis akan menerima antara 3 hingga 5 tajuk khutbah yang perlu disiapkan sepanjang setahun, bergantung kepada kemampuan dan kesediaan penulis untuk menyempurnakannya. Inilah yang berlaku sepanjang tempoh 3 hari 2 malam bengkel in berlangsung.¹⁸⁵

Hasil penyertaan dan pemerhatian terhadap bengkel ini, penyelidik membuat kesimpulan bahawa bengkel ini sememangnya baik dan wajar diteruskan untuk membentuk asas khutbah yang baik dan berkesan. Namun cara pengendalian dan peserta bengkel ini perlu

¹⁸⁵ Semua penjelasan ini adalah hasil pengamatan penyelidik yang berkesempatan hadir ke bengkel-bengkel berkaitan pada 15-17 Disember 2009 di Bayu Beach Reasort, Port Dickson, pada 27-29 Julai 2010 di Masjid Al-Ghufran Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur dan pada 18-20 Oktober 2011 di Mahkota Hotel, Bandar Hilir Melaka.

dipertingkatkan pengisiannya. Antara cadangan yang dapat diberikan penyelidik untuk tujuan peningkatan bengkel ini ialah:

- i. Kenalpasti latarbelakang pengajian, pengalaman dan kemampuan para peserta sebelum pembahagian kumpulan dibuat. Ini bertujuan supaya setiap kumpulan yang dibentuk memiliki individu-individu yang mampu menyumbang mengikut bidang masing-masing. Ia juga menjamin keseimbangan keupayaan dan kekuatan setiap kumpulan. Contohnya, setiap kumpulan dipastikan memiliki peserta-peserta yang mampu memberi maklumat dan pandangan tentang akidah, hukum-hakam syariat, pendapat para *fuqāhā*, AlQuran dan tafsirannya, Hadis dan tahapnya, dakwah dan tarbiah, sirah Rasulullah dan sebagainya. Dengan kepelbagaian latarbelakang individu-individu yang bergabung di dalam satu kumpulan, sudah pasti sinopsis-sinopsis yang dibentuk lebih berkualiti dan mencakupi keperluan maklumat yang disasarkan.
- ii. Undang dan libatkan beberapa tokoh ilmunan dan penulisan yang mampu menjadi pembimbing dan ketua bagi setiap kumpulan. Ini perlu bagi memastikan peserta-peserta di dalam kumpulan mendapat panduan bagaimana memilih, menyusun maklumat dan mempersembhkannya. Penyelidik mencadangkan agar ketua-ketua ini dipilih dari kalangan pensyarah-pensyarah universiti tempatan kerana mereka mempunyai pengalaman dalam pembentukan dan susunan maklumat dalam penulisan ilmiah. Pihak penganjur bengkel boleh juga melibatkan penulis-penulis yang berkaliber untuk memimpin kumpulan-kumpulan yang membentuk sinopsis khutbah ini.

4.1.3 Penulisan Teks khutbah Jumaat

Berbekalkan tajuk dan sinopsis teks khutbah Jumaat yang disediakan, panel penulis dapat memulakan penulisan khutbah dengan lebih mudah dan fokus kepada tajuk. Menurut Encik Khairul Asyraf lagi,¹⁸⁶ panel penulis teks khutbah Jumaat JAWI yang dilantik pada tahun 2009 dan 2010 adalah seramai 30 orang. Panel penulis ini dilantik secara tawaran bertulis oleh Bahagian Pengurusan Kariah JAWI dan surat perlantikan ini ditandatangani oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan di bahagian ini. Di samping sinopsis teks khutbah Jumaat ini, panel penulis juga dibekalkan dengan garis panduan dan syarat-syarat penulisan teks khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Cawangan Khutbah Bahagian Pengurusan Kariah JAWI. Ia bertujuan untuk memastikan keselarasan tatacara penulisan khutbah dan mencapai matlamat yang disasarkan. Butiran syarat-syarat penulisan Khutbah Jumaat telah dinyatakan di dalam Bab Tiga lalu.

Merujuk kepada Manual Penyediaan Teks Khutbah dan Khutbah Multimedia pula, beberapa kaedah dan panduan penulisan teks khutbah Jumaat yang perlu dipatuhi oleh panel penulis. Berikut adalah perkara-perkara penting yang perlu diberi perhatian dan dipatuhi oleh panel penulis sebelum memulakan penulisan teks khutbah Jumaat yang telah diserahkan tajuknya kepada mereka:¹⁸⁷

¹⁸⁶ Temubual lanjutan dengan responden pada 9 November 2010 di Aras 1, Bangunan Pusat Islam, Kuala Lumpur.

¹⁸⁷ JAWI 2007, *op.cit.*, h. 7

i. Latar Belakang Jemaah dan Suasana Sekeliling

Antara perkara penting yang diberi perhatian berkaitan butiran ini adalah:

- i. Tahap pendidikan majoriti para jemaah yang hadir
- ii. Tahap umur
- iii. Tahap pekerjaan/profesional
- iv. Budaya hidup masyarakat
- v. Suasana dan keadaan masyarakat setempat
- vi. Suasana dan keadaan kestabilan negara (politik, sosial, ekonomi dan sebagainya)
- vii. Peristiwa dan tarikh bersempena

ii. Teknik Penulisan

- i. Pada umumnya terdapat dua (2) teknik atau kaedah penulisan, iaitu teknik penulisan akademik dan teknik kewartawanan.
- ii. Teknik penulisan akademik mengutamakan huraian perkataan, sumber rujukan, takrif dan istilah ilmiah. Ia juga menjurus kepada kajian yang mendalam dan memuatkan perbandingan serta pendapat dari para ilmunan bagi menyokong hujah yang diutarakan.
- iii. Teknik kewartawanan pula berbentuk ringkas, memberi maklumat, padat dan mudah difahami oleh semua peringkat umur.
- iv. Teknik penulisan akademik agak kurang berkesan untuk penulisan khutbah berbanding teknik kewartawanan. Ini kerana khutbah sewajarnya

bersifat menyeru jemaah supaya mengamalkan semua perintah Allah dan RasulNya.

iii. Huraian

Dalam menghuraikan sesuatu tajuk dan isu, penulis khutbah diingatkan agar menggunakan pendekatan yang mudah, ringkas dan padat. Justeru khutbah adalah media berbentuk sehala, tiada ruang untuk jemaah berinteraksi atau bangun bertanya. Tambahan pula masa khutbah juga adalah singkat sekitar lima belas minit sahaja. Huraian dan penjelasan yang berjela-jela dan berbelit-belit hanya akan menyebabkan jemaah kurang berminat untuk memberi perhatian dan tumpuan. Akhirnya mereka memilih untuk tidak mempedulikan khutbah yang disampaikan malah ada di kalangan jemaah yang menjadikan waktu mendengar khutbah ini sebagai waktu tidur. Kaedah '*yassiru wala tu'assiru*' (permudahkanlah dan jangan menyusahkan) adalah amat digalakkan. Jika hujah perlu disokong dengan dalil Al-Quran atau Hadith, penulis disarankan agar memadai dengan 2 ayat Al-Quran dan 2 potong Hadith sahaja.¹⁸⁸

iv. Ketepatan Maklumat

Penulis khutbah diingatkan agar sentiasa berwaspada sewaktu memuatkan apa jua bentuk maklumat di dalam khutbah. Apa juga yang bakal disampaikan oleh khatib ketika berkhutbah akan diterima sebagai betul dan benar oleh para jemaah yang mendengar. Sesuai

¹⁸⁸ *Ibid*, hal. 9

dengan status khutbah yang begitu dihormati di mata masyarakat maka menjadi kewajiban para penulis untuk memastikan kesahihan semua maklumat yang ditulis.

v. Penggunaan Gaya Bahasa

Penggunaan bahasa yang mudah akan menjadikan khutbah yang disampaikan lebih memberi kesan kepada jemaah pendengar. Ia bermaksud bahasa yang digunakan mestilah tidak menimbulkan sebarang kekeliruan atau keraguan. Ia juga tidak mengandungi kata-kata dua makna (*double meaning*) yang menyebabkan kekeliruan di kalangan jemaah untuk memahaminya. Penulis dinasihatkan agar menjauhi segala bentuk gaya bahasa yang mengundang tindak balas negatif para jemaah. Sebaiknya mereka disarankan agar menggunakan bahasa yang lembut, sopan dan berhikmah. Sebagai contoh, mengelakkan penggunaan perkataan ‘mampus’ dan menggantikannya dengan perkataan ‘meninggal dunia’ atau ‘kembali ke rahmatullah’.¹⁸⁹

vi. Kesimpulan dan Pengajaran

Bahagian ini merupakan bahagian terpenting dalam penulisan teks khutbah. Kesimpulan dan pengajaran khutbah yang berjaya diolah dan dipersembahkan dengan baik akan menjadi bekalan ilmu dan *tazkirah* mingguan yang lengkap untuk dibawa pulang dan dikongsikan dengan rakan sepejabat atau anak isteri di rumah. Tanpa kesimpulan khutbah yang bermutu para jemaah akan pulang dengan minda dan jiwa yang kosong dari panduan agama yang sepatutnya

¹⁸⁹ *Ibid*, h. 10

diperolehi dari khutbah yang diperdengarkan. Justeru, sewaktu membuat kesimpulan khutbah, penulis perlu memberi perhatian dan penekanan kepada perkara-perkara berikut:

- i. Seruan menambah keimanan dan meningkatkan ketaqwaan
- ii. Menambah maklumat dan memberi panduan
- iii. Menghilangkan keraguan dan menanamkan keyakinan
- iv. Dorongan memupuk perpaduan dan mengeratkan hubungan *silaturrahim*
- v. Membangkitkan kesedaran dan menggalakkan kebaikan

4.1.4 Semakan Pegawai-Pegawai di Bahagian Pengurusan Kariah

Apabila teks-teks khutbah diserahkan oleh panel penulis ke Cawangan Khutbah, teks-teks khutbah ini akan melalui proses tapisan pertama iaitu semakan di peringkat pegawai-pegawai di Bahagian Pengurusan Kariah. Semakan ini dilakukan secara bacaan dan semakan oleh beberapa orang pegawai bersama Ketua Penolong Pengarah Kanan di bahagian ini dengan berpandukan ‘Senarai Semak Format Khutbah JAWI’. Penelitian akan dibuat secara perbincangan di antara mereka bagi menentukan status kelayakan teks khutbah untuk diterima dan layak diproses melalui tahap-tahap penyediaan teks khutbah yang selanjutnya seperti penukaran teks kepada tulisan Jawi dan Ssemakan panel penyemak sebelum diterbitkan. Proses ini dikira penting bagi setiap teks khutbah kerana di samping memastikan semua syarat dan peraturan penulisan dipatuhi, teks khutbah juga perlu diteliti dan dipastikan tidak mengandungi unsur-unsur yang negatif dan boleh mengundang prasangka serta maklumat-maklumat yang boleh menjejaskan kestabilan kemakmuran negara. Pemastian status teks khutbah ini tidak

mengambil masa yang lama, hanya memakan masa satu hari bekerja atau beberapa jam perbincangan sahaja.

Melalui pemantauan dan pemerhatian penyelidik semakan peringkat pertama yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Bahagian Kariah ini adalah tapisan pertama yang lebih tertumpu kepada menentukan status kelayakan teks khutbah diproses atau tidak. Ia mengutamakan kerja-kerja pemastian keselamatan supaya tiada unsur-unsur yang melanggar syarat utama penulisan khutbah sebagaimana yang telah ditetapkan. Meskipun proses ini ringkas dan tidak memerlukan tempoh masa yang lama, tetapi ia tidak boleh diabaikan kerana ia umpama sijil kebenaran yang melayakkan teks khutbah disalurkan kepada proses-proses lanjutan pembentukan teks khutbah. Ia perlu dikekalkan seperti apa yang sedang diamalkan ketika ini tanpa memerlukan sebarang perubahan. Cara dan kedudukannya sebagai langkah pertama dalam proses penyediaan khutbah ini adalah satu tindakan yang tepat dan perlu dikekalkan.

SENARAI SEMAK FORMAT KHUTBAH JAWI ¹⁹⁰

BIL	PERKARA	CONTOH
1	Pujian kepada Allah SWT	الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَالِي:
2	Ayat Al-Quran Pendahuluan	❖ Ayat yang penuh
3	Syahadah	أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
4	Selawat	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
5	Pesanan Takwa	فِيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ
6	Seruan	ساي ميرو ديري ساي دان توان ۲ سكلين اكر برتقوى كقد الله دغن سينر-بئر تقوى، دغن ممانتوهي سكالالا فرينتهين دان منجاء وهي سكالالا لارغنث، موده-مودهن كيت سموا اكن برأوليه كجاياان دننيا دان داخيرة .
7	Tajuk Khutbah	ميمبر جمعة قد هاري اين ممبيچاراكن خطبة برتاجوق: "سايعي داكو".
8	Pendahuluan	❖ Pengenalan secara ringkas
9	Panggilan Jemaah	❖ Sidang Jemaah yang Dirahmati Allah
10	Isi Khutbah	❖ Isi Khutbah berserta huraian ❖ Statistik yang terkini (jika ada) dan lampirkan bukti
11	Ayat Al-Quran dan Hadith	❖ 1 Ayat Al-Quran(bersama dengan surah dan no. ayat dan menggunakan terjemahan pimpinan Ar-Rahman) ❖ 1 Hadith bersama riwayat ❖ Pandangan ulamak
12	Kesimpulan	❖ Sertakan 3 sahaja
13	Ayat Al-Quran Penutup	❖ Ayat yang penuh dan maksud ayat ❖ Terjemahan pimpinan Ar-Rahman ❖ Bersama dengan surah dan no. ayat
14	Penutup	بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قَوْمَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّاسِينَ.

¹⁹⁰ Checklist Format Khutbah JAWI ini hasil ihsan Ketua Cawangan Khutbah, Bahagian Kariah JAWI, dpatan 15 November 2010

Jadual 8. Senarai Semak Format Khutbah JAWI

4.1.5 Penjawian¹⁹¹ Teks Khutbah Jumaat

Sewaktu di peringkat panel penulis, teks khutbah ditulis menggunakan tulisan rumi. Ia kekal dalam bentuk tulisan rumi sehingga selesai proses semakan kali pertama. Apabila telah diterima dan disahkan layak untuk diterbitkan, barulah teks khutbah ini ditukarkan kepada tulisan Jawi. Pertukaran kepada tulisan Jawi ini dilakukan merujuk kepada Kaedah Tulisan Jawi Dewan Bahasa dan Pustaka. Jenis tulisan (*font*) yang digunakan adalah *Arial Nasakh* untuk teks khutbah dalam Bahasa Melayu dan *Traditional Arabic* untuk kalimah-kalimah Bahasa Arab seperti pujian kepada Allah SWT dan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW, pesanan taqwa dan nas-nas hadith. Manakala potongan ayat-ayat Al-Quran dipetik dari *software* ‘*Mushaf al-Madīnah al-Nabawiyyah*’ yang menggunakan disiplin penulisan *Rasm Uthmāni*. Teks yang telah ditukar kepada tulisan Jawi ini akan dibawa kepada panel Penyemak sewaktu mesyuarat semakan khutbah kali kedua pada setiap bulan.

Menurut Encik Mohd Faizal bin Yusuf¹⁹², selaku pegawai yang menyelia urusan menjawikan teks khutbah Jumaat JAWI, proses menjawikan ini dilakukan setelah melalui proses semakan pertama panel penyemak. Di Cawangan Khutbah ini responden bertanggungjawab memastikan teks khutbah Jumaat ini ditukar kepada tulisan Jawi mengikut ejaan jawi yang tepat. Beliau sendiri telah menghadiri Kursus Pemantapan Tulisan Jawi yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada bulan Julai 2011, bagi memenuhi tuntutan dan

¹⁹¹ Penjawian bermaksud proses (usaha, perbuatan dsb) mengalih atau mengubah kepada tulisan Jawi, *Kamus Dewan* (2007), *op.cit.*, h. 615

¹⁹² Mohd Faizal bin Yusuf, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam di Cawangan Khutbah JAWI. Temubual dengan responden pada 15 November 2010.

keperluan tugas serta memantapkan keupayaan beliau dalam urusan penyeliaan proses penjawian teks khutbah Jumaat ini.

Setelah selesai proses menjawikan sesebuah teks dibuat, beliau akan menyerahkan kepada panel penyemak untuk diteliti dan disemak. Semakan teks khutbah versi Jawi ini dilakukan pada mesyuarat semakan kali yang kedua pada setiap bulan. Semakan ini dibuat untuk memastikan ketepatan setiap ejaan dan kaedah pgunaan serta susunan huruf berpandukan kaedah terkini Dewan Bahasa dan Pustaka. Penyelidik juga pernah terlibat secara langsung dengan kerja menjawikan dan menyemak teks khutbah versi Jawi ini.

Berdasarkan realiti yang berlaku dan pengalaman penyelidik sendiri, proses penjawian teks khutbah Jumaat JAWI dilakukan dengan baik dan sempurna. Dengan melantik pegawai yang berkelayakan dan terlatih untuk melakukan tugas ini, teks versi JAWI tampil kemas dan tepat ejaannya. Perkara ini diperakui sendiri oleh panel penyemak yang menyatakan bahawa tidak banyak pembetulan ejaan Jawi dibuat sewaktu semakan teks ini dilakukan. Proses penjawian teks khutbah yang dilakukan selepas semakan pertama adalah tindakan yang tepat. Ini kerana jika ia dilakukan sebelum semakan, ia akan menjadikan proses ini perlu dilakukan sekali lagi. Ia disebabkan pada semakan kali pertama banyak perubahan dan penambahan dilakukan pada teks khutbah tersebut. Manakala jika proses ini dilakukan selepas semakan kali kedua, ia akan mengakibatkan teks khutbah versi Jawi ini terlepas dari sebarang semakan panel penyemak.

4.1.6 Semakan Panel Penyemak

Setiap teks khutbah yang diterbitkan mesti melalui proses 2 peringkat semakan. Semakan peringkat pertama adalah tapisan awal bagi memastikan tahap kualiti khutbah tersebut sama ada layak atau tidak untuk diterima dan disiarkan. Semakan di peringkat ini lebih menumpukan kepada kesesuaian isi kandungan khutbah, ketepatan fakta dan maklumat dan kesahihan dalil-dalil yang dimuatkan. Setelah melepasi semakan peringkat pertama ini, barulah teks khutbah itu ditukarkan kepada tulisan Jawi untuk dibawa ke peringkat semakan kedua. Pada peringkat kedua, panel lebih menumpukan kepada ketepatan gaya bahasa dan ejaan di samping mengulang semak apa yang telah disemak pada peringkat pertama seperti kewajaran isi perbincangan, ketepatan nas Al-Quran dan Hadith serta rujukannya.¹⁹³

Panel penyemak teks khutbah JAWI terdiri daripada 5 orang yang dilantik dan diketuai oleh salah seorang dari mereka. Lantikan ini biasanya dibuat untuk tempoh dua tahun. Mereka akan bertemu sekurang-kurangnya 2 kali sebulan untuk menyempurnakan semakan 4 atau 5 teks khutbah yang dicadangkan untuk terbitan pada bulan berikutnya. Kebiasaannya mereka akan bertemu dan membuat semakan pada minggu setiap bulan untuk semakan pertama dan semakan kedua akan dilakukan pada minggu berikutnya. Untuk tempoh dua tahun sejak Januari 2010 panel penyemak ini terdiri dari 5 orang yang dilantik oleh Bahagian Pengurusan Kariah JAWI, iaitu :

1. Ustaz Abdul Halim bin Abdullah, Penolong Pengarah Kanan –S44 dan Ketua Imam dan Pentadbir Masjid Imam Al-Ghazali, Bandar Manjalara, Kepong. Beliau merupakan Ketua Panel Penyemak teks Khutbah JAWI

¹⁹³ Manual 'Garis Panduan Umum Semakan Teks Khutbah Jumaat JAWI' keluaran Cawangan Khutbah JAWI, dapatan 21 Disember 2010, h. 2-4.

2. Ustaz Mohd Hanif Al-Razin bin Abd Kadir, Penolong Mufti –S41, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
3. Ustaz Rohaily @ Abd Rahman bin Abd Hamid, Penolong Pengarah –S41, merupakan Ketua Imam dan Pentadbir Masjid Salahuddin Al-Ayyubi, Setapak.
4. Ustaz Mohd Abdul Nasir bin Abdullah, Penolong Pengarah –S41, merupakan Ketua Imam Dan Pentadbir Masjid Asy-Syakirin KLCC, Kuala Lumpur
5. Ustaz Mohd Nizam bin Wahab, Penolong Pengarah –S41, Ketua Cawangan Pentadbiran Bahagian Kariah JAWI.¹⁹⁴

Kaedah semakan pula dilakukan secara mesyuarat dan perbincangan dengan salah seorang dari mereka menjadi pembaca teks untuk diperdengarkan kepada panel-panel yang lain. Setiap cadangan, pindaan, pembetulan dan bantahan mestilah dinyatakan bersama hujah ke atas kenyataan tersebut. Setiap mereka dibekalkan dengan fail teks-teks khutbah di samping dibekalkan dengan sebuah komputer dan set projektor bagi membolehkan pindaan dan pembetulan secara perbincangan dan dapat dilakukan serta-merta pada waktu itu juga. Ketua panel penyemak juga perlu mengisi borang laporan semakan bagi setiap teks khutbah yang telah disemak. Antara butiran yang perlu dinyatakan di dalam borang itu ialah pernyataan semua rukun-rukun Khutbah Jumaat, keselarian dan fokus teks dengan tajuk yang diberi, status kelayakan teks khutbah untuk diterbitkan dan peratus penunjuk kualiti teks yang ditulis.

Para panel dipandu dengan ‘Garis Panduan Umum Semakan Teks khutbah Jumaat JAWI’ yang menggariskan beberapa panduan yang perlu dipatuhi dan diperhatikan oleh panel penyemak. Berikut adalah butiran garis panduan tersebut:¹⁹⁵

¹⁹⁴ Sumber: Carta Organisasi Panel Semakan Khutbah 2010/11 dan hasil temubual dengan En. Khairul Asyraf Ahmad di Bahagian Kariah JAWI pada 15 November 2010

1. Rukun Khutbah

Teks khutbah mestilah mengandungi lima (5) rukun khutbah iaitu :

- 1.1 Pujian kepada Allah SWT - Lafaz Alhamdulillah
- 1.2 Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.
- 1.3 Wasiat dengan taqwa kepada Allah SWT.
- 1.4 Ayat Al-Quran, lebih aula pada khutbah yang pertama
- 1.5 Doa untuk orang-orang mukmin.

Rukun 1.1, 1.2 dan 1.3 adalah perkara yang wajib dinyatakan pada khutbah pertama dan kedua.

2. Kandungan Teks Khutbah

Kandungan teks khutbah mestilah merangkumi tiga (3) komponen berikut:

2.1 Pendahuluan

- 2.1.1 Ayat-ayat Al-Quran yang bertepatan dengan isu / tajuk khutbah
- 2.1.2 Memaklumkan isu / tajuk khutbah (secara langsung / tidak langsung).

2.2 Isi

¹⁹⁵ Manual 'Garis Panduan Umum Semakan Teks Khutbah Jumaat JAWI' keluaran Cawangan Khutbah JAWI, dapatan 21 Disember 2010, h.1-5

Setiap isi dan huraian mestilah mempunyai kesinambungan dengan isu / tajuk khutbah yang merangkumi maklumat-maklumat berikut:

- 2.2.1 Pendirian Islam terhadap isu / tajuk khutbah
- 2.2.2 Kebaikan / keuntungan yang diperolehi hasil daripada mengamalkan perintah yang bersesuaian dengan isu / tajuk khutbah, atau
- 2.2.3 Keburukan / kerugian yang diperolehi hasil daripada meninggalkan perintah yang bersesuaian dengan isu / tajuk khutbah
- 2.2.4 Sekiranya ingin dikaitkan dengan isu semasa, kaitan tersebut mestilah tidak menimbulkan sebarang prasangka buruk, hasutan, kemarahan atau penentangan terhadap golongan tertentu (individu, parti, kelab, pertubuhan, persatuan, negeri, negara dan lain-lain)
- 2.2.5 Isi khutbah hendaklah ringkas, padat dan jelas.

2.3 Penutup

Seruan membuat kebaikan atau meninggalkan keburukan sebagaimana yang bersesuaian dengan isu / tajuk khutbah mengikut garis panduan Islam. Disusuli dengan sepotong ayat Al-Quran yang berkaitan dengan isi kandungan khutbah dan perbahasannya.

3. Teks Khutbah Yang Ideal¹⁹⁶

Penulisan teks khutbah yang baik perlu disusun berdasarkan perkara-perkara berikut:

¹⁹⁶ *Ibid*, h.2-5

- 3.2 Isi / huraian mestilah berfokus kepada tajuk yang telah ditentukan
- 3.3 Memasukkan sekurang-kurangnya tiga (3) dan tidak melebihi lima (5) ayat Al-Quran dan hadith yang bersesuaian dengan isu / tajuk khutbah serta hendaklah dipastikan kedudukan dan kesahihannya
- 3.4 Kandungan teks khutbah mestilah menjurus kepada tiga (3) elemen berikut :
 - 3.4.1 Dorongan kepada menghampiri Allah SWT
 - 3.4.2 Dorongan kepada mengamalkan sunnah Rasulullah SAW melalui pendekatan berikut :
 - i. Fadilat mengamalkannya, atau
 - ii. Kerugian meninggalkannya
 - 3.4.3 Dorongan kepada penyatuan ummah
- 3.4 Penulisan teks khutbah hendaklah tiada mengandungi unsur-unsur negatif seperti berikut :
 - i. Fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam yang hak, antaranya :
 - a. Ajaran Sesat : Menjurus kepada penyelewengan akidah
 - b. Politik Kepartian : Menjurus kepada berpuak-puak dan perpecahan dalam masyarakat
 - c. Falsafah Hidup Barat / Moden : Menjurus kepada pengabaian cara hidup berlandaskan sunnah Rasulullah SAW.
 - d. Masalah Khilafiah / Furu'iyah : Menjurus kepada perbezaan pendapat yang tidak diketahui kedudukan dan sumbernya, yang

mana persoalan ini hanya boleh dibahaskan oleh mereka yang ahli sahaja.

- ii. Penggunaan bahasa yang sukar difahami oleh masyarakat umum
- iii. Menyentuh apa-apa yang berhubung dengan kedaulatan dan kuasa Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu sebagai Ketua Agama Negeri
- iv. Menyebar fahaman atau ajaran yang bertentangan dengan pengangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah
- v. Menghina perkara khilafiyah yang terdapat dalam empat mazhab yang muktabar dan tidak bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah
- vi. Menghina mana-mana pihak berkuasa agama.

3.5 Isi teks dan huraianmestilah berlandaskan kepada *tasawur* (pandangan) Islam yang sebenarnya meliputi :

- 3.5.1 Tafsiran ayat Al-Quran dan hadith hendaklah merujuk kepada tafsiran ulama-ulama yang muktabar dan berautoriti
- 3.5.2 Hanya pandangan daripada tokoh-tokoh ilmuan Islam sahaja yang diambil sebagai panduan bagi menjelaskan isu yang diutarakan.

- 3.6 Penulisan teks tidak terlalu panjang / terlalu pendek. Kadar tempoh berkhotbah adalah tidak melebihi daripada 15 minit, iaitu 8 – 10 minit untuk khutbah yang pertama dan bakinya untuk khutbah yang kedua
- 3.7 Sekiranya tajuk khutbah berkaitan dengan persoalan semasa, isi teks yang dipersembahkan hendaklah disokong dengan fakta-fakta yang berkaitan.

Di samping garis panduan semakan yang dijadikan rujukan, para panel semakan juga dibekalkan dengan borang Semakan dan Penilaian Teks khutbah Jumaat vol. 1 dan 2 yang perlu ditanda,¹⁹⁷ diisi dan diberikan markah secara peratus sebagai rujukan nilai tahap khutbah tersebut. Setelah itu borang ini dikepilkan bersama setiap teks khutbah yang telah disemak. Borang semakan kedua juga memuatkan ruang penentu sama ada teks khutbah tersebut boleh diterbitkan atau tidak. Melalui borang ini dapatlah dinyatakan bahawa panel penyemak teks khutbah Jumaat JAWI mempunyai hak untuk menentukan kedudukan teks tersebut sama ada ia layak diterima untuk diproses dan diterbitkan atau sebaliknya.

Penyelidik memuatkan semua garis panduan semakan teks khutbah Jumaat JAWI dari Manual Penyediaan Teks Khutbah Jumaat JAWI kerana ingin memaparkan semua perkara yang diberi perhatian dan dinilai oleh panel penyemak dalam proses semakan. Menurut kajian penyelidik, garis panduan yang disediakan untuk proses semakan ini adalah satu usaha yang baik dan menepati keperluan kerja-kerja semakan teks khutbah Jumaat. Panel penyemak telah dibantu dengan panduan ini untuk memastikan proses ini berjalan lancar dan berkesan. Pada pandangan penyelidik, jawatan panel penyemak khutbah ini perlu diisi oleh individu-individu yang berkelayakan dan berpengalaman. Hasil penelitian dan pengamatan penyelidik selama 3

¹⁹⁷ Rujuk Lampiran 4 & 5; Borang Semakan dan Penilaian Teks Khutbah Jumaat JAWI, vol. 1 & 2

tahun menganggotai panel ini, terdapat kelemahan-kelemahan yang ketara yang perlu diperbaiki segera dalam proses semakan teks khutbah JAWI ini, antaranya:

1. Ada di kalangan panel yang kurang berkemampuan dari sudut ilmu-ilmu yang diperlukan dalam kerja-kerja semakan khutbah ini. Contohnya kelemahan dari sudut penguasaan ilmu Al-Quran, Hadith dan Bahasa Arab yang merupakan asas dan intipati bagi teks khutbah Jumaat.
2. Kelemahan dari sudut Bahasa Melayu yang merupakan bahasa yang digunakan dalam penulisan teks khutbah. Sering berlaku pertembungan pendapat dalam menentukan penggunaan perkataan yang sesuai dan susunan ayat yang tepat di kalangan panel.
3. Kurang komitmen dan fokus dengan tugas di kalangan panel. Ada panel yang sering datang lewat dan tidak menyumbang pendapat sewaktu semakan dilakukan.

Pada pandangan penyelidik, kelemahan dan kepincangan ini perlu segera diatasi dan diperbaiki bagi menjamin kesinambungan penghasilan khutbah Jumaat yang berkualiti. Permasalahan ini boleh diatasi dengan melantik individu-individu yang lebih berkelayakan dan berminat untuk menggalas tugas ini. Sebaiknya tugas ini diserahkan kepada ahli-ahli akademik dan ahli bahasa melaksanakannya. Sebagai cadangan, pihak Cawangan Khutbah JAWI boleh melibatkan pensyarah-pensyarah universiti dan pegawai dari Dewan Bahasa dan Pustaka dalam tugas ini. Jika usaha ini tidak dapat dilakukan, cawangan ini boleh mengundang seorang pegawai JAWI secara bergilir-bergilir pada setiap sesi semakan untuk menyertai kerja-kerja semakan khutbah ini. Dengan cara ini pegawai-pegawai yang berpotensi

dan berminat dalam tugas ini dapat dikesan dan seterusnya boleh dilantik sebagai panel penyemak pada sesi perlantikan tahun berikutnya.

4.1.7 Pengesahan Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Kariah

Peringkat ini merupakan proses yang mesti dilalui oleh setiap Khutbah Jumaat sebelum ia diserahkan kepada Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan untuk memperolehi kelulusan terbitan. Menurut petugas yang menyelia proses pengesahan ini,¹⁹⁸ Ketua Cawangan Khutbah di Bahagian Kariah akan membawa teks-teks khutbah yang dijadualkan untuk siaran bulan hadapan kepada Ketua Penolong Pengarah Kanan (KPPK) di bahagian ini untuk dibacakan dan disemak sebelum disahkan. KPPK biasanya akan memberi beberapa ulasan dan cadangan serta membaiki sekiranya perlu. Proses pengesahan di peringkat ini dikira sempurna setelah semua teks yang dicadangkan untuk terbitan dibaca, diteliti dan disahkan oleh beliau.

4.1.8 Kelulusan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Menurut Encik Mohd Faizal lagi, apabila teks yang telah mendapat pengesahan KPPK, ia akan diserahkan ke Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan untuk mendapat kelulusan dari jabatan ini. Proses ini biasanya akan berlangsung selama 2 hari. Pegawai di Pejabat Mufti akan memeriksa dan membuat semakan terakhir terhadap semua isi kandungan teks-teks khutbah Jumaat ini dan akhirnya akan disahkan dan ditandatangani oleh Mufti Wilayah Persekutuan.

¹⁹⁸ Mohd Faizal bin Yusuf, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam di Cawangan Khutbah JAWI. Temubual dengan responden pada 15 November 2010.

Kelulusan Pejabat Mufti adalah peringkat paling penting dan terakhir sebelum teks-teks khutbah ini dicetak dan diterbitkan. Sekiranya terdapat kesilapan yang memerlukan pembetulan, pihak Cawangan Khutbah akan dimaklumkan dan pembetulan akan dibuat dengan segera oleh pegawai cawangan ini.¹⁹⁹

Setelah mengamati borang ‘Pengesahan Kandungan Teks Khutbah Jumaat JAWI’²⁰⁰ yang dikeluarkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, penyelidik mendapati ia memfokuskan pengesahan pada 4 perkara utama, iaitu:

- i. Kesempurnaan rukun bacaan teks khutbah (khutbah pertama).
- ii. Ketepatan ayat Al-Quran dan matan Al-Hadith.
- iii. Ketepatan terjemahan Al-Quran dan Al-Hadith.
- iv. Ketepatan fakta dan tidak bercanggah dengan syariat.

Seterusnya disediakan satu ruangan ulasan untuk memuatkan sebarang komen atau cadangan sekiranya ada.

Pada pandangan penyelidik, proses pengesahan Ketua Penolong Pengarah Kanan di Bahagian Kariah dan kelulusan dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan adalah 2 proses yang sangat penting bagi menjamin kesahihan teks-teks khutbah JAWI sebelum ia diterbitkan. Kedudukannya pada peringkat terakhir sebelum dicetak dan diterbitkan juga adalah tepat. Justeru, ia adalah satu peringkat penyediaan khutbah yang perlu dikekalkan.

¹⁹⁹ Mohd Faizal bin Yusuf, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam di Cawangan Khutbah JAWI. Temubual dengan responden pada 15 November 2010.

²⁰⁰ Rujuk Lampiran ‘5’ di bahagian helaian belakang disertasi ini.

4.1.9 Pengesahan Akhir dan Cetakan

Selepas mendapat kelulusan dari Pejabat Mufti, teks khutbah akan diserahkan kepada syarikat percetakan untuk proses menyediakan ‘teks contoh’ yang diputuskan pada pengesahan akhir sebelum proses cetakan dan pembukuan.

Hasil temubual Encik Rosdi bin Idris²⁰¹, Pengurus Eksekutif di Syarikat HS Massyi Printing Sdn. Bhd, penyelidik dimaklumkan bahawa proses keseluruhan cetakan teks khutbah Jumaat ini mengambil masa selama 5 hari bekerja. Ia bermula dengan penerimaan teks khutbah dalam bentuk *softcopy* dari Cawangan Khutbah JAWI. Pihak syarikat kemudiannya membuat contoh susunan atur-letak (*lay-out*) buku tersebut dan dihantar semula ke Cawangan Khutbah untuk proses bacaan pruf dan pengesahan terakhir. Setelah pengesahan akhir ini diperolehi barulah khutbah ini dicetak. Teks khutbah Jumaat JAWI dicetak dan diterbitkan sebulan sekali. Ia diterbitkan dalam bentuk buku bersaiz A5; 15cm lebar x 21cm tinggi. Pada setiap keluaran buku ini akan dimuatkan dengan 4 atau 5 teks khutbah pertama dan 1 teks khutbah kedua bergantung kepada jumlah hari Jumaat pada setiap bulan. Proses cetakan ini dilakukan oleh syarikat yang telah dilantik oleh JAWI. Untuk tempoh selama 3 tahun lalu sehingga kini, Syarikat HS Massyi Printing Sdn. Bhd. telah diberi kepercayaan untuk mengurus percetakan dan pembukuan teks khutbah Jumaat ini. Sejak awal tahun 2009 hingga Disember 2011 jumlah cetakan teks khutbah Jumaat ini adalah sebanyak 300 naskhah bagi setiap keluaran. Setelah selesai kerja-kerja percetakan, pihak syarikat percetakan akan menghantar buku-buku teks khutbah Jumaat ini ke pejabat Bahagian Pengurusan Kariah. Biasanya penghantaran ini dibuat pada minggu yang terakhir setiap bulan.

²⁰¹ Rosdi bin Idris, Syarikat HS Massyi Printing Sdn. Bhd. Taman Selaseh, Gombak. Temubual pada 28 Disember 2010 jam 9.30 pagi..

Beginilah proses keseluruhan dan metode yang diaplikasikan oleh Cawangan Khutbah, Bahagian Pengurusan Kariah di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dalam menyediakan teks Khutbah Jumaat. Paparan ini dibuat secara berperingkat-peringkat dari satu tahap ke tahap berikutnya bagi membentangkan secara terperinci setiap aktiviti dan kerja-kerja yang dilaksanakan pada setiap peringkat tersebut.

4.2 Edaran Ke Seluruh Masjid dan Surau Jumaat Wilayah Persekutuan

Sebaik sahaja Cawangan Khutbah menerima buku-buku teks khutbah Jumaat ini dari syarikat percetakan, ia akan segera dimuatkan di dalam sampul surat yang telah siap dialamatkan ke seluruh masjid dan surau Jumaat di Wilayah Persekutuan untuk diedarkan. Setiap masjid diperuntukkan 2 naskhah buku ini manakala setiap surau Jumaat diberikan 1 naskhah sahaja. Sehingga waktu disertasi ini ditulis, sebanyak 70 buah masjid dan 70 buah surau Jumaat telah dimasukkan di dalam senarai masjid dan surau yang menerima agihan teks khutbah Jumaat JAWI ini. Beberapa individu dan jabatan juga turut tersenarai sebagai penerima teks ini. Berikut adalah senarai agihan buku-buku teks khutbah Jumaat yang berjumlah 300 naskhah secara terperinci ²⁰²:

²⁰² Senarai Agihan Teks Khutbah Jumaat JAWI bagi tahun 2010 ini diperolehi dari Cawangan Khutbah dan Latihan JAWI pada 11 Januari 2011, hasil ihsan En. Mohd Faizal bin Yusuf, kakitangan di cawangan ini.

Bil.	Penerima	Bil. Naskhah	Catatan
1	Ketua Pengarah JAKIM	1	
2	Tim. Ketua Pengarah (Pentadbiran) JAKIM	1	
3	Tim. Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM	1	
4	Pengarah KESUMA	1	
5	Pengarah JAWI	1	
6	Tim. Pengarah (Pentadbiran) JAWI	1	
7	Tim. Pengarah (Operasi) JAWI	1	
8	Ketua Pen. Pengarah (K) Bhg. Kariah	1	
9	Ketua Pen. Pengarah Bhg. Kariah	1	
10	Mufti Wilayah Persekutuan	1	
11	Tim. Mufti Wilayah Persekutuan	1	
12	Bahagian KESUMA JAKIM	2	
13	Istana Negara	2	
14	Pegawai Agama Istana Negara	2	
15	Ketua Pen. Pengarah JAWI -Labuan	2	
16	Ketua Pen. Pengarah JAWI –Putrajaya	2	
17	Ketua Pen. Pengarah Bhg. Dakwah	1	
18	Bahagian Penerbitan JAWI	2	
19	Bahagian Perhubungan Awam JAWI	1	
20	Ketua-Ketua Penyelaras Zon Kariah JAWI	8	
21	Pegawai-Pegawai Bhg. Kariah JAWI	7	

22	Ahli-Ahli Panel Penyemak	5	
23	Khatib-Khatib Khutbah B.Inggeris	6	
24	Cawangan Khas, IPK Wilayah Persekutuan	5	
25	Masjid Wilayah Persekutuan	1	
26	Masjid JAWI/MAIWP	70 x 2	
27	Surau Jumaat	70	
28	Simpanan dan Rujukan	33	
JUMLAH		300	

Jadual 9. Senarai agihan buku-buku teks khutbah Jumaat JAWI

4.3 Bacaan Teks Khutbah

Biasanya setiap masjid dan surau Jumaat akan menerima teks khutbah Jumaat yang telah siap dibukukan untuk kegunaan sebulan pada setiap hujung bulan. Ia telah berada di masjid-masjid dan surau-surau Jumaat sebelum menjelang hari Jumaat minggu pertama setiap bulan. Para khatib akan menyemak dan membacanya secara bersendirian terlebih dahulu sebelum menyampaikannya di atas mimbar sebelum Solat Jumaat didirikan. Bagi masjid-masjid dan surau-surau Jumaat yang berada di bawah tadbiran JAWI, tiada khutbah lain dibenarkan untuk disampaikan oleh khatib sewaktu Khutbah Jumaat sama ada khutbah dari jabatan negeri lain atau karangan persendirian.²⁰³ Tambahan pula, setiap teks khutbah Jumaat JAWI ini telah dilengkapi dengan tarikh bacaannya maka setiap khatib perlu mematuhi tarikh bacaan yang

²⁰³ Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (2008). *Prosedur Carta Aliran Penerbitan Teks Khutbah Jumaat JAWI*. h. 8.

telah ditetapkan bagi setiap khutbah. Di samping itu, Khutbah Jumaat JAWI kini telah dilengkapi dengan sinopsis khutbah tersebut yang dipaparkan di skrin projektor yang diletakkan di kanan atau kiri mimbar di setiap masjid di Wilayah Persekutuan. Ini bermakna setiap Khutbah Jumaat JAWI telah diatur dan diprogramkan dengan rapi agar ia benar-benar disampaikan sepertimana yang dijadualkan.

Keseragaman ini memberi impak yang baik dalam usaha pengawalan dan pemantauan. Ia juga terbukti berjaya mewujudkan keselarasan sebaran maklumat dan pengajaran yang disampaikan kepada para jemaah saban minggu di seluruh Wilayah Persekutuan. Meskipun begitu, pernah juga terjadi pada waktu-waktu tertentu, teks khutbah ini diganti dengan teks yang disediakan secara segera oleh pihak JAWI atau JAKIM, maka para khatib perlu membaca teks gantian ini kerana ia merupakan arahan jabatan yang perlu disempurnakan. Permasalahan ini akan dibincangkan secara terperinci di bawah tajuk 'Cabaran-Cabaran Dalam Proses Penyediaan Teks Khutbah' nanti.

4.4 Tempoh Masa Proses Penyediaan Teks Khutbah Jumaat JAWI

Tempoh masa proses penyediaan teks khutbah Jumaat JAWI dibicarakan di sini untuk memberi gambaran sebenar masa yang diperuntukkan bagi proses penyediaan ini. Di samping itu, ia akan membantu ruang berfikir tentang anggaran masa yang wajar diperuntukkan dan diperlukan bagi melahirkan sesebuah metode penyediaan teks khutbah yang berkualiti. Merujuk kepada metode yang digunakan dalam penyediaan teks khutbah Jumaat JAWI, proses ini dianggarkan memakan masa selama 19 hari bekerja mengikut waktu pejabat. Ia dikira bermula

dari penerimaan teks khutbah daripada panel penulis dan hari tersebut dikira sebagai hari pertama. Berikut disenaraikan bilangan hari yang diperlukan di setiap peringkat proses penyediaan teks khutbah ini :


Bil.	Peringkat	Jumlah Hari Diperlukan
1	Terima Teks Khutbah	-
2	Semakan Bahagian Kariah bersama KPPK	1 hari
3	Semakan Panel Penyemak Kali Pertama	2 hari
4	Taip dan Tukar Teks ke Tulisan Jawi	1 hari
5	Semakan Panel Penyemak Kali Kedua	3 hari
6	Pembetulan dan Penambahbaikan	2 hari
7	Pengesahan KPPK	1 hari
8	Pengesahan Pejabat Mufti	2 hari
9	Susunan Atur-letak (<i>Layout</i>)	2 hari
10	Bacaan Pengesahan Akhir	1 hari
11	Cetak	2 hari
12	Edar	2 hari
JUMLAH HARI		19 hari

Jadual 10. Peringkat dan Tempoh Proses Penyediaan Teks Khutbah Jumaat JAWI

Untuk memperjelaskan perbincangan, penyelidik telah mengambil satu contoh carta tempoh proses penyediaan teks khutbah Jumaat JAWI bagi bulan Februari 2009 sebagai sumber rujukan dalam memberi gambaran tentang keseluruhan proses ini.

Carta Peringkat dan Tempoh Proses Penyediaan Teks khutbah Jumaat JAWI –Februari 2009²⁰⁴

PROSEDUR / CARTA ALIRAN
PENERBITAN TEKS KHUTBAH JUMAAT JAWI
BAGI BULAN FEBRUARI 2009



²⁰⁴ Carta Proses Penerbitan Teks Khutbah Jumaat JAWI ini diperolehi dari Cawangan Khutbah dan Latihan JAWI pada 11 Januari 2011, ihsan En. Mohd Faizal bin Yusuf, kakitangan di cawangan ini.

4.5 Cabaran-Cabaran Dalam Proses Penyediaan Teks Khutbah dan Analisis Mengenaunya

Setelah membentangkan secara terperinci kajian berkenaan metodologi penyediaan teks khutbah Jumaat yang diaplikasikan di Cawangan Khutbah, Bahagian Pengurusan Kariah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), penyedidik dapat melihat gambaran sebuah sistem kerja yang tersusun di dalam sebuah organisasi. Kajian ini juga telah mendedahkan satu metode dan sistem yang diterima sebagai baik dan bermutu selanjutnya mampu menjadi asas kepada metode penyediaan teks khutbah yang sistematik. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu kajian-kajian akan datang bagi menghasilkan satu metode penyediaan teks khutbah yang lebih baik dan berkualiti. Ia juga diyakini dapat dijadikan bahan rujukan dan panduan untuk dimanfaatkan oleh individu atau organisasi yang memerlukannya. Meskipun begitu, berdasarkan pengamatan dan penelitian selama melaksanakan penyelidikan tentang kajian ini, penyedidik menemui beberapa cabaran dan permasalahan dalam menjayakan metodologi penyediaan teks khutbah Jumaat JAWI ini yang wajar diketengahkan untuk dijadikan bahan berfikir dan mencari penyelesaian.

Untuk memberikan gambaran cabaran-cabaran ini dengan lebih jelas, sebaiknya cabaran ini disorot dari dua sudut penelitian, iaitu :

- i. Cabaran-cabaran Dalaman
- ii. Cabaran-cabaran Luaran

4.5.1 Cabaran-cabaran Dalam

Cabaran-cabaran dalam yang dimaksudkan di sini adalah cabaran dan masalah yang bersifat dalam, yang dihadapi ketika mengaplikasikan metode penyediaan khutbah ini. Ia meliputi cabaran-cabaran dari pelbagai aspek sama ada di sudut teori, ketetapan sistem, pelaksanaan, petugas-petugas yang menjalankan sistem, permasalahan, kekangan-kekangan dan sasaran kerja yang perlu dicapai di Cawangan Khutbah JAWI ini. Di antara perkara-perkara yang yang dikenal pasti sebagai cabaran dalam ini ialah :

i. Penetapan Tajuk dan Mauduk Khutbah Sepanjang Tahun

Sebagaimana dimaklumi Khutbah-Khutbah Jumaat JAWI telah siap diberikan tajuk untuk disiarkan secara berjadual sepanjang tahun sebagaimana yang tertera di dalam Jadual Terbitan Khutbah Tahunan yang dikeluarkan saban tahun. Jadual ini telah siap sebelum menjelang tahun baru atau pada bulan Disember di penghujung tahun sebelumnya. Meskipun ia mempamerkan persediaan awal dan ketepatan masa yang diamalkan namun ia masih mengundang satu cabaran baru yang tidak dapat dinafikan. Sistem ini ternyata akan menghalang kewujudan Khutbah Jumaat yang dapat memberi tindak balas segera terhadap isu semasa yang berbangkit.

Sewaktu bertemu bual dengan Ustaz Mohd Nizam bin Wahab²⁰⁵, salah seorang panel penyemak Teks Khutbah JAWI, beliau menyatakan bahawa sistem penyediaan teks khutbah di

²⁰⁵ Mohd Nizam bin Wahab, Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Kariah, JAWI. Temubual dengan responden pada 5 Julai 2011 di Dewan Hadhari, Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur.

cawangan ini ternyata berhadapan dengan masalah tersebut. Pernah terjadi sewaktu negara sedang dilanda suatu isu yang besar, Khutbah Jumat di masjid-masjid seliaan JAWI masih membicarakan topik lain yang tidak berkaitan. Sedangkan masyarakat menunggu penjelasan dari jabatan agama untuk panduan mereka. Contohnya ketika negara sedang hangat memperkatakan isu penggunaan kalimah Allah, Khutbah Jumaat JAWI didapati membicarakan khutbah bertajuk 'Racun Fitnah' kerana terikat dengan jadual dan teks khutbah yang telah disediakan.²⁰⁶ Kelemahan ini berpunca dari sistem penerbitan yang dibuat secara bulanan sepanjang tahun yang memuatkan empat atau lima khutbah dalam sebuah buku dan diedarkan pada minggu pertama setiap bulan. Khutbah-khutbah yang dimuatkan di dalam buku bulanan ini disertakan tarikh bacaannya untuk disampaikan oleh khatib pada tarikh yang telah ditetapkan tersebut. Meskipun rutin ini berjalan lancar dan mempamerkan kemantapan sistem ini pada setiap bulan namun ia masih belum dapat memenuhi keperluan menjawab persoalan masyarakat yang timbul dan polemik semasa tepat pada waktunya.

ii. Sistem Penerbitan Khutbah Jumaat Secara Bulanan.

Sistem penerbitan yang diamalkan di Cawangan Khutbah Jumaat JAWI adalah secara bulanan iaitu setiap sebulan akan dikeluarkan satu terbitan. Ini bermakna pada setiap bulan petugas-petugas di cawangan ini perlu sentiasa bekerja dan memastikan penyediaan empat atau lima khutbah di setiap bulan. Meskipun terdapat kebaikan di sudut ketepatan waktu dan kepastian penyediaannya, ia tetap mengundang beberapa cabaran untuk menjayakannya. Antaranya, kakitangan di unit ini perlu menyiapkan empat atau lima khutbah untuk diterbitkan

²⁰⁶ Khutbah bertajuk 'Racun Fitnah' ini dibaca pada 10 Jun 2011 di masjid-masjid di bawah seliaan JAWI seluruh Wilayah Persekutuan.

dan dibukukan meskipun ada kalanya teks khutbah tersebut tidak dapat melalui seluruh proses yang telah ditetapkan. Ada teks khutbah yang tidak sempat melalui beberapa proses dalam sistem ini kerana kesuntukan masa. Masalah ini selalunya berpunca dari kelewatan para penulis menyerahkan khutbah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka untuk menyiapkannya dalam tempoh masa yang ditetapkan. Akibat dari kelewatan serahan, teks khutbah ini terlepas untuk melalui semakan pertama panel penyemak yang sepatutnya dilalui oleh setiap teks khutbah terbitan JAWI. Sudah pasti apabila kelonggaran dan kepincangan ini berlaku ia akan menyebabkan penghasilan teks-teks khutbah Jumaat yang kurang berkualiti, seperti kesilapan pada ayat-ayat Al-Quran dan Hadith yang dimuatkan, kesalahan ejaan Jawi dan seumpamanya. Ia pernah pada khutbah bertajuk ‘Wilayah Maju dan Sejahtera’ yang dibaca pada 29 Januari 2010. Kesilapan berlaku apabila di dalam teks tersebut memuatkan ayat 96 Sūrah Al-Aa’rāf tetapi dinyatakan bahawa ayat tersebut adalah ayat 139 Sūrah Ali Imrān. Begitu juga dikesan pada khutbah bertajuk ‘Nikmat Perkahwinan’ yang dibaca pada 4 Disember 2009, memuatkan ayat 21 Sūrah Al-Rūm tetapi ditulis ayat 168 Sūrah al-Baqarah.²⁰⁷ Kesilapan-kesilapan yang berulang seperti ini sudah pasti akan menjatuhkan kredibiliti cawangan ini sebagai unit yang bertanggungjawab menerbitkan khutbah Jumaat JAWI.

Menurut kajian dan penelitian penyelidik cabaran ini berlaku kerana desakan menepati jadual dan tempoh masa yang ditetapkan serta keperluan mencapai jumlah teks yang perlu disiapkan setiap bulan. Cabaran ini akan mampu diatasi sekiranya Cawangan Khutbah JAWI dapat memastikan perjalanan proses penyediaan teks khutbah Jumaat di setiap peringkatnya berjalan lancar. Usaha mengenalpasti sudut kepincangan dan kelemahan perlu dilakukan dan diperbaiki. Sekiranya kepincangan sering berlaku di tahap penulisan teks khutbah, maka usaha-

²⁰⁷ Sumber: artikel Berita Harian bertajuk ‘Teks Khutbah Jumaat Silap Nas’ pada 4 Februari 2010. www.bharian.com.my/Current_News/BH/Seksyen/index_html?mysec=Surat

usaha mengatasinya perlu dilakukan segera untuk menanganinya. Contohnya dengan menggantikan penulis yang gagal menyerahkan teks khutbah sebaik saja tiba tempoh serahan kepada penulis yang lain.

iii. Kurang Penglibatan Individu Luar Yang Lebih Berkemampuan

Cabaran dalaman seterusnya yang dapat dikesan di dalam perjalanan kerja-kerja penyediaan teks khutbah ini adalah kurangnya pendedahan dan keterbukaan pihak pengurusan untuk mendapatkan kerjasama dari individu-individu yang lebih berkemahiran dan berkemampuan dalam bidang ini. Dari hasil pengamatan penyelidik; selaku salah seorang panel penyemak di cawangan ini selama lebih 4 tahun, hampir 85% dari kerja-kerja penyediaan teks khutbah Jumaat JAWI ini dilakukan oleh pegawai dan kakitangan JAWI sendiri. Hanya sebahagian dari penulisan teks khutbah dilakukan oleh individu luar dan kerja-kerja percetakan diserahkan kepada syarikat percetakan yang dilantik. Penglibatan orang luar jabatan ini seperti melibatkan seorang pensyarah universiti atau pegawai bahasa dari Dewan Bahasa dan Pustaka di kalangan panel penyemak akan menambah baik kualiti khutbah di samping meluaskan skop perkongsian ilmu dan pengalaman kerja. Hal ini diakui oleh kakitangan yang terlibat secara langsung di cawangan ini, Encik Mohd Faizal bin Yusuf sewaktu sesi temubual penyelidik dengan beliau.²⁰⁸ Beliau secara jujur menyatakan bahawa teks-teks khutbah yang dihasilkan oleh cawangan ini perlu dihantar dan diserahkan kepada institusi-institusi dan individu-individu yang berkualiti yang dapat memberi komen dan teguran yang membina sebagai satu usaha untuk memantapkan kualiti khutbah-khutbah yang diterbitkan. Beliau juga menyebut beberapa

²⁰⁸ Temubual dengan responden pada 18 Mei 2011 di Bahagian Pengurusan Kariah, JAWI, aras 1, Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur.

nama tokoh penulis yang boleh dijadikan rujukan seperti Dr. Zulkifli bin Muhammad al-Bakri, Dr. Zahazan Mohamed, Ustaz Pahrol Mohd Juoi, dan pakar atau penasihat bahasa dari Dewan Bahasa dan Pustaka.

Penyelidik berpandangan bahawa penglibatan individu luar di dalam proses-proses tertentu di peringkat penyediaan teks khutbah ini adalah perlu bagi membuka ruang perkongsian maklumat dan pandangan. Di samping itu juga ia dapat menambah peluang kepada pegawai-pegawai JAWI berkongsi pengalaman dan penyelesaian jika timbul permasalahan dengan mereka. Peringkat yang dilihat boleh disertai oleh individu luar dalam proses penyediaan khutbah ini adalah penulisan teks khutbah dan semakannya.

iv. Tahap Kemampuan Panel Penulis

Menurut Ustaz Abdul Halim bin Abdullah pula²⁰⁹, cabaran dalaman yang masih ketara berlaku di dalam perjalanan sistem ini adalah kegagalan para penulis teks khutbah untuk menyediakan teks khutbah yang memuaskan dan tidak merujuk kepada panduan sinopsis khutbah yang disediakan bersama tajuk yang diberikan. Lantaran itu masih terdapat teks-teks khutbah yang tidak menepati panduan sinopsis yang disertakan dan terkeluar dari fokus tajuk khutbah. Ini memaksa panel penyemak memperuntukkan masa yang lebih untuk memperbetulkan kesilapan dan memperbaiki kelemahan teks tersebut. Malah ada juga teks khutbah yang terus ditolak kerana tidak mencapai tahap layak untuk diproses pada peringkat penyediaan khutbah selanjutnya. Menurut beliau lagi kelemahan ini juga mungkin berpunca dari kurang pendedahan kepada panel penulis dengan teknik penulisan ilmiah khususnya Khutbah

²⁰⁹ Responden adalah Ketua Panel Penyemak Khutbah JAWI, perbincangan pada 24 Mei 2011 di Dewan Hadari, Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur.

Jumaat di samping kealpaan merujuk kepada sinopsis sewaktu menulis teks tersebut. Seperkara lagi, terdapat juga di kalangan panel penulis yang terlalu lemah dari sudut tata bahasa dan gaya penulisannya. Hasil dari pengamatan selama lebih 5 tahun menjadi panel penyemak khutbah JAWI, beliau merumuskan bahawa masalah ini mungkin disebabkan faktor majoriti panel penulis adalah penceramah yang terpengaruh dengan gaya bahasa penyampaian ceramah mereka sewaktu menulis khutbah. Mereka gagal membezakan antara gaya bahasa penulisan khutbah dengan gaya bahasa penyampaian ceramah. Sebagai contoh penggunaan perkataan yang digunakan secara berulang-ulang dan tidak tepat dalam penulisan seperti rangkaian kata ‘yang mana’, ‘di mana’, mereka-mereka’ dan sebagainya.

v. Kelemahan Dari Sudut Pengurusan Kerja

Manakala perbincangan penyelidikan dengan Ketua Cawangan Khutbah JAWI, Ustaz Khairul Asyraf²¹⁰ memberi beberapa penjelasan terhadap sudut-sudut kelemahan yang masih wujud di dalam pengurusan sistem penyediaan khutbah Jumaat JAWI. Antaranya beliau menyatakan bahawa tahap fokus sinopsis khutbah Jumaat JAWI masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Sinopsis Khutbah Jumaat JAWI setakat ini adalah hasil buah fikiran dan perbincangan di kalangan beberapa orang pegawai di Bahagian Pengurusan Kariah JAWI bersama panel penulis. Kelemahan ini dapat diatasi sekiranya proses penyediaan sinopsis khutbah ini dapat dilakukan juga oleh individu yang lebih berkualiti. Kehadiran mereka akan dapat menyumbang idea dan bahan yang lebih tepat untuk dimuatkan sebagai sinopsis bagi setiap teks khutbah yang ditulis. Seperkara lagi kelemahan yang turut dikesan ialah dari sudut

²¹⁰ Perbincangan pada 30 Mei 2011 di Aras 1, Kompleks Pusat Islam, JAWI

pendedahan teknik penulisan berkualiti yang perlu diberikan secara berterusan kepada panel penulis bagi mempertingkatkan keupayaan dan kualiti penulisan mereka. Pendedahan dalam bentuk kursus dan bengkel penulisan khutbah perlu dianjurkan untuk mereka dari semasa ke semasa. Seperkara lagi bagi menambah kekemasan dan kualiti persembahan beliau mencadangkan agar teks khutbah ini dikawal dengan panduan jumlah baris ayat bagi setiap perenggan. Ini akan membentuk suatu sistem penulisan yang lebih kemas dan keselarasan dari sudut jumlah muka surat dan pematuhan tempoh masa yang ditetapkan bagi penyampaian khutbah. Ia juga dapat mengawal penulis dari tersasar jauh dari tajuk perbincangan khutbah dalam penulisannya.

Menurut pengamatan penyelidik pula, antara kelemahan yang masih dapat dilihat adalah kegagalan mengenalpasti dan menyenaraikan nama-nama penulis yang telah beberapa kali gagal mencapai tahap yang diperlukan dalam penulisan khutbah. Akibat dari kelemahan ini seringkali berlaku pengulangan tawaran penulisan khutbah kepada penulis yang gagal menyempurnakan penulisannya dengan baik. Situasi ini menyebabkan khutbah yang ditulis oleh penulis ini terpaksa ditolak untuk beberapa kali dan ditawarkan pula kepada penulis lain untuk menyiapkannya. Ini ternyata melibatkan peruntukan masa yang lebih panjang dan pengulangan kerja-kerja penyeliaan tanpa keperluan. Panel penyemak juga perlu memberi tumpuan dan waktu yang lebih apabila berhadapan dengan masalah ini.

Sebenarnya kelemahan ini boleh diatasi dengan baik sekiranya pegawai penyelia peka dengan masalah ini. Sewajarnya pegawai yang menyelia keputusan semakan teks khutbah dapat mengenalpasti dan menyenaraikan nama-nama penulis yang gagal dan tidak layak untuk ditawarkan semula menulis teks khutbah. Senarai nama ini diperbincangkan dan diputuskan

status mereka oleh ketua cawangan ini bersama panel penyemak sama ada layak untuk ditawarkan semula atau ditamatkan perlantikannya sebagai panel penulis. Pada pandangan penyelidik adalah lebih baik memiliki jumlah panel penulis yang kecil namun berkualiti berbanding ramai penulis tanpa mencapai kualiti yang diperlukan. Pasti jumlah yang ramai tanpa kualiti ini hanya akan menambah beban pengurusan dan melambatkan proses penyediaan. Sebaliknya jika langkah penyelesaian ini dilaksanakan dengan sempurna ia akan menjamin kelancaran perjalanan metodologi penyediaan teks khutbah Jumaat di JAWI sebagaimana yang dijadualkan tanpa sebarang kepincangan.

Hasil penelitian dan kajian, penyelidik melihat cabaran kurang kemampuan panel penulis dan kelemahan dari sudut pengurusan kerja di cawangan ini adalah sesuatu yang boleh diatasi dengan beberapa langkah berikut:

- i. Kenalpasti dan bahagikan penulis-penulis teks khutbah ini kepada beberapa kategori yang boleh menggambarkan komitmen dan kesungguhan mereka, iaitu; yang baik dan berkualiti, yang lemah tapi berminat dan yang tiada komitmen dan tidak berminat. Sewaktu pengagihan tajuk teks khutbah untuk tahun berikutnya, keluarkan penulis yang tiada komitmen dari senarai penulis agar mereka tidak dilibatkan semula dalam tugas ini, serahkan hanya satu atau dua tajuk kepada penulis-penulis yang lemah dan berikan jumlah yang lebih kepada penulis-penulis yang telah terbukti berkualiti dan berjaya menulis dengan baik. Gantikan penulis-penulis yang ditamatkan dengan menawarkan peluang penulisan khutbah ini kepada penulis-penulis baru yang dijangka dapat memberi sumbangan yang diharapkan. Dengan cara ini, penyelidik yakin bahawa masalah kelewatan dan tiada serahan khutbah tidak akan berulang lagi atau semakin berkurangan.

ii. Beri pendedahan khusus kepada panel penulis dalam bidang penulisan. Libatkan mereka dengan lebih banyak kursus dan bengkel penulisan. Realiti yang diamalkan di Cawangan Khutbah JAWI pada waktu ini, iaitu hanya sekali bengkel penulisan dianjurkan dalam setahun adalah tidak mencukupi untuk meningkatkan prestasi dan kemahiran mereka. Meskipun hanya berbengkel setahun sekali, penyelidik dapat melihat peningkatan di kalangan para penulis setelah mengikuti bengkel-bengkel penulisan yang diadakan sejak 2008 hingga 2011, berbanding tahun-tahun sebelumnya. Ia dapat dilihat dengan jelas terutamanya setelah mendapat kerjasama dan perkongsian dengan Ustaz Pahrol Mohd Juoi²¹¹ dalam beberapa bengkel penulisan khutbah sejak 2010. Justeru, jika dengan pendedahan sekali setahun pun sudah membuktikan hasil yang baik, maka wajarlah kursus dan bengkel penulisan seumpama ini ditambah untuk melahirkan penulis-penulis yang berkualiti dalam tempoh masa yang singkat.

vi. Penggantian Teks Khutbah Sedia Ada dengan Khutbah JAKIM

Ada kalanya pihak Jabatan Kemajuan Agama Malaysia (JAKIM) membekalkan teks khutbah gantian yang disediakan oleh Unit Khutbah JAKIM menggantikan teks khutbah Jumaat JAWI yang sedia ada. Lazimnya teks khutbah ini diedarkan bersama arahan untuk membacanya di masjid-masjid dan surau-surau Jumaat seluruh Wilayah Persekutuan. Dalam situasi sebegini Cawangan Khutbah JAWI perlu akur dengan menggugurkan penyampaian teks khutbah Jumaat yang telah siap dibukukan dan mengedarkan khutbah gantian tersebut untuk bacaan pada tarikh yang diarahkan. Ini merupakan satu cabaran yang dihadapi oleh cawangan ini kerana JAWI

²¹¹ Beliau adalah Pengarah dan Penyelidikan Modul merangkap Pengurus besar Fitrah Perkasa Sdn. Bhd. ketua editor di Telaga Biru Sdn Bhd, juga merupakan penulis buku, cerpen, skrip drama dan lirik nasyid.

adalah sebuah jabatan kerajaan yang tertakluk di bawah pentadbiran JAKIM, yang merupakan jabatan induknya. Ia biasanya berlaku kerana keperluan menyampaikan maklumat atau mesej kerajaan berkenaan sesuatu isu atau perkembangan semasa.

Dalam menghadapi cabaran ini Cawangan Khutbah JAWI tidak mempunyai pilihan selain memberi ruang kepada khutbah Jumaat terbitan JAWI untuk disampaikan pada tarikh yang ditentukan. Meskipun begitu, sebagai unit yang mengedarkan khutbah tersebut, cawangan ini perlu memikul tanggungjawab sebagai penyalur khutbah tersebut. Cawangan ini tidak boleh berlepas tangan dan hanya menuding jari kepada JAKIM jika terdapat sebarang kesilapan. Justeru, adalah lebih baik jika cawangan ini melakukan semakan dan pemastian terhadap teks khutbah gantian ini agar ia tiada kesilapan dan selaras dengan garis panduan khutbah yang diterbitkan oleh JAWI.

vii. Penyediaan Teks Khutbah Multimedia Untuk Paparan Mingguan

Setelah selesai teks Khutbah dibukukan dan diedarkan ke masjid-masjid dan surau-surau Jumaat seluruh Wilayah Persekutuan, teks khutbah ini akan dimuatkan dalam bentuk sinopsis utama untuk dipaparkan dalam bentuk multimedia (*Microsoft Power Point*). Ia dipaparkan dengan menggunakan skrin layar projektor yang telah siap dipasang di masjid-masjid seluruh Wilayah Persekutuan.

Menurut Encik Mohd Hilmi bin Umar²¹², di antara cabaran yang perlu dihadapinya sewaktu menyiapkan Sinopsis Khutbah Jumaat Multimedia ini ialah ketepatan masa dan kecekapan bekerja. Cabaran ini berlaku kerana sinopsis ini perlu disiapkan pada setiap minggu sebelum menjelang hari Jumaat. Pada kebiasaannya ia akan siap untuk diedarkan pada hari Rabu setiap minggu. Kerja-kerja yang dilakukan perlu dibuat dengan fokus dan cekap kerana paparan Sinopsis Multimedia ini turut memuatkan gambar, seni grafik dan teknik warna bersama teks khutbah Jumaat sedia ada. Kadang-kadang beliau perlu menghadapi tekanan kerja yang lebih mencabar apabila teks khutbah Jumaat yang dijadualkan dibaca pada minggu tersebut diganti dengan teks khutbah yang lain. Ruang masa untuk menyiapkan sinopsis Khutbah Jumaat gantian ini tentulah lebih singkat dan menuntut kerja pada masa tambahan di rumah dan sebagainya. Meskipun begitu sehingga hari ini, beliau dan kakitangan di bawahnya berjaya melaksanakan kerja-kerja menyediakan Sinopsis Khutbah Jumaat Multimedia ini dengan baik dan berjaya.

4.5.2 Cabaran-cabaran Luaran

Cabaran-cabaran luaran pula adalah merujuk kepada permasalahan dan cabaran yang hadir dari pihak luar yang terlibat secara langsung atau secara tidak langsung. Cabaran-cabaran luaran ini sudah pasti lebih mencabar dan sukar untuk ditangani kerana ia diluar bidang kuasa dan ruang tadbir cawangan ini. Meskipun begitu, penyelidik mendapati bahawa cabaran luaran ini tidaklah sebanyak cabaran-

²¹² Beliau merupakan Penolong Pengarah di Cawangan Khutbah dan Latihan, Bahagian Pengurusan Kariah, JAWI. Temubual dengan responden pada 27 November 2011 di Pejabat Bahagian Pengurusan Kariah, Aras 1, Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur.

cabaran dalaman yang telah dinyatakan di atas. Antara cabaran-cabaran yang berbentuk luaran ini adalah :

i. Isu Semasa Yang Memerlukan Jawapan Segera

Isu-isu semasa berlaku sepanjang tahun tanpa sebarang jadual dan tidak dapat diduga. Ia terus datang dan berlalu pergi tanpa mengira waktu. Sebagai medan yang memuatkan panduan dan nasihat agama untuk umat Islam, sistem penyediaan Khutbah Jumaat di JAWI dilihat menghadapi cabaran yang besar bila berhadapan dengan isu semasa. Sebagai sebuah organisasi yang menyediakan khutbah mengikut sistem yang tersusun, Cawangan Khutbah JAWI menghadapi kesukaran untuk memenuhi keperluan ini. Untuk memberi tindak balas dalam tempoh masa yang singkat ia adalah suatu cabaran yang belum dapat dipenuhi oleh organisasi ini. Sepanjang pengamatan penyelidik sepanjang tahun 2009 hingga 2011, khutbah-khutbah yang ditulis secara segera ini tidak akan melalui proses aliran penyediaan khutbah JAWI secara lengkap. Ia diproses secara ringkas. Khutbah yang telah siap ditulis akan disemak sekali sahaja oleh beberapa orang panel sebelum diserahkan ke Pejabat Mufti untuk disahkan. Seterusnya dihantar kepada Pengarah JAWI untuk disahkan sebelum dicetak dan diedarkan.

Penyelidik melihat bahawa khutbah-khutbah sebegini memang perlu ada di setiap jabatan agama. Ia perlu dihasilkan atas desakan memberi panduan dan maklumat kepada masyarakat Islam tepat pada waktu yang diperlukan. Oleh kerana ia pasti tidak melalui peringkat penyediaan yang biasa, maka ia perlu diberi perhatian

yang lebih dari sudut semakan dan pengesahan bagi memastikan ia tampil dengan kualiti yang sama seperti teks-teks khutbah biasa.

ii. Bacaan Teks Khutbah Tidak Pada Tarikh Yang Ditetapkan Dan Tidak Mengikut Teks Yang Diedarkan

Menurut Encik Khairul Asyraf, masalah ini yang berpunca dari sikap kakitangan yang bertugas di masjid. Masalah ini berpunca dari dua sebab, iaitu:²¹³

Pertama: Meskipun telah dimaklumkan bahawa teks khutbah perlu diambil di Cawangan Khutbah JAWI pada setiap hujung bulan, namun masih terdapat di kalangan petugas-petugas masjid yang kurang prihatin dengan rutin bulanan yang perlu dilakukan. Kelewatan menerima teks khutbah akan menyebabkan khatib bertindak membaca teks-teks khutbah yang lama sebagai gantian. Maka terjadilah pengulangan bacaan teks khutbah atau penyampaian khutbah yang tidak bersesuaian dengan situasi semasa.

Kedua: Sesetengah khatib sengaja mengubah teks khutbah yang telah diterbitkan kerana ingin mengikut kemahuan sendiri. Ini menyebabkan kecelaruan dan ketidakseragaman khutbah yang disampaikan dengan masjid-masjid lain di Wilayah Persekutuan. Namun kini, masalah ini telah dapat diatasi sejak semua masjid dilengkapi dengan sistem paparan khutbah *multimedia* yang menayangkan sinopsis

²¹³ Temubual bersama responden dan Encik Mohd Faizal Yusof di Bilik Mesyuarat Mawar, Aras 1, Kompleks Pusat Islam, JAWI, Kuala Lumpur pada 27 November 2011.

mauduk khutbah di layar skrin. Para khatib tidak boleh menukar atau menambah ayat-ayat teks Khutbah yang asal kerana sebarang perubahan akan dapat dikesan dengan sistem ini. Sekiranya masih terjadi, ia hanya berlaku di surau-surau Jumaat yang tidak dilengkapi sistem paparan *multimedia* ini.

iii. Perbezaan Tahap Pemikiran Jemaah Pendengar Khutbah

Sebagaimana yang dimaklumi, seluruh Wilayah Persekutuan membacakan teks khutbah yang sama pada setiap Jumaat, tanpa mengira latarbelakang kehidupan dan tahap pemikiran para jemaah yang mendengar. Sewajarnya khutbah perlu disesuaikan dengan tahap minda mereka. Namun keperluan ini belum dapat diusahakan dan dipenuhi. Sebagai contoh kelompok pekerja bandar atau siswazah di pusat pengajian tinggi akan mendengar khutbah yang sama pada minggu tersebut. Begitu juga penduduk di kawasan elit akan mendengar khutbah yang sama dengan khutbah yang dibacakan di kawasan perumahan kos rendah. Situasi ini seringkali menggambarkan ketidaksesuaian topik khutbah dengan para pendengar. Sebagai contoh, khutbah-khutbah bertajuk ‘Jihad Ekonomi’²¹⁴ pada 29 Mei 2009 dan ‘Transformasi Hijrah’²¹⁵ pada 25 November 2011 adalah topik-topik khutbah yang sesuai untuk golongan tertentu sahaja. Sewajarnya bila ada keperluan menyampaikan khutbah seperti itu, cawangan ini perlu menyediakan satu teks khutbah Jumaat yang lain yang sesuai untuk disampaikan di kawasan penempatan masyarakat golongan sederhana dan bawahan. Jika ia berjaya dilakukan barulah khutbah Jumaat menepati

²¹⁴ Rujuk Buku Khutbah Jumaat, JAWI, Mei 2009, h.53-62

²¹⁵ Rujuk Buku Khutbah Jumaat, JAWI, November 2011, h. 35-43.

keperluan semua golongan masyarakat tanpa mengabaikan satu pihak demi memenuhi keperluan satu pihak yang lain.

Namun menurut pemerhatian penyelidik, hingga kini belum ada sebarang usaha di cawangan ini untuk menyahut cabaran ini. Meskipun ia adalah keperluan yang wajar diberi perhatian namun kemampuan kakitangan di cawangan ini adalah terbatas. Penyediaan 2 buah teks untuk setiap minggu adalah suatu cabaran yang memerlukan komitmen dan kemampuan yang tinggi. Realitinya ia adalah satu cabaran yang belum mampu ditangani oleh Cawangan Khutbah JAWI buat masa ini.

4.5.3 Analisis Dan Rumusan Perbincangan

Jika dilihat dan dinilai dari hasil pembentangan di atas, ternyata sebahagian besar masalah dan cabaran adalah bersifat dalaman. Ini memberi gambaran bahawa sebahagian besar daripada cabaran ini adalah cabaran yang lahir dari sistem dan kakitangan JAWI sendiri. Lantaran cabaran ini melibatkan masalah dalaman yang menuntut penyelesaian pihak cawangan ini sendiri. Sewajarnya cabaran-cabaran ini diberikan perhatian khusus oleh pegawai dan kakitangan yang mengendalikan proses penyediaan teks ini. Usaha-usaha membaik pulih dan menyelesaikan permasalahan bagi menangani cabaran ini perlu disusun rapi dan dilaksanakan secara berperingkat mengikut keutamaan dan kemampuan.

Begitu juga dengan cabaran yang datang dari luar, ia perlu ditangani dengan usaha-usaha penambahbaikan yang berterusan. Melalui pengamatan penyelidik, sejak akhir-akhir ini sebahagian cabaran dan permasalahan-permasalahan ini telah mula disedari dan diatasi oleh

Cawangan Khutbah JAWI. Antara usaha-usaha yang dapat dilihat ialah cawangan ini telah menyediakan dan mengedarkan beberapa khutbah gantian untuk memenuhi keperluan memberi penjelasan kepada permasalahan isu semasa. Contohnya, pada 25 Mac 2011 khutbah bertajuk ‘Keluarga Idaman’²¹⁶ telah digantikan dengan khutbah bertajuk ‘Yang Berat Sama Dipikul, Yang Ringan Sama Dijinjing’ bagi menyemarakkan semangat tolong-menolong dan bekerjasama sesama masyarakat Islam yang dilihat semakin luntur. Pada 1 Julai 2011 pula, khutbah bertajuk ‘Israk Mikraj’²¹⁷ pada hari tersebut telah digantikan dengan khutbah bertajuk ‘Memelihara Nikmat Keamanan’. Ini merupakan satu langkah proaktif yang telah diambil oleh cawangan ini dalam menangani masalah perpaduan umat Islam yang kian rapuh akibat pertembungan fahaman politik. Namun usaha-usaha ini masih diperingkat awal dan belum mampu menghasilkan khutbah isu semasa yang memuaskan. Bagi memastikan khutbah-khutbah gantian ini mencapai tahap yang diperlukan, penyelidik berpandangan bahawa JAWI perlu merangka satu kumpulan khas dari kalangan mereka yang berkemampuan untuk bertindak sebagai unit yang bertanggungjawab dalam menyediakannya. Anggota kumpulan ini adalah mereka yang berkemampuan dan perlu sentiasa bersedia untuk menyiapkan teks khutbah gantian ini pada bila-bila masa apabila diperlukan secara berterusan sepanjang masa. Usaha ini bertujuan bagi memastikan sistem penyediaan teks khutbah Jumaat JAWI berjaya mengekalkan kualitinya dan lebih berdaya saing.

²¹⁶ Rujuk Buku Khutbah Jumaat, JAWI, Mac 2011, h.31-39

²¹⁷ Rujuk Buku Khutbah Jumaat, JAWI, Julai 2011, h.4-12

BAB LIMA

PENUTUP

5.1 Rumusan Kajian

Setelah pembentangan kajian disertasi ini disempurnakan pada bab-bab yang terdahulu, penyelidik merumuskan bahawa kajian ini telah mencapai objektif-objektifnya. Sebagai imbasan semula, berikut dinyatakan 3 objektif utama tersebut bersama perbincangan yang menjelaskan di manakah setiap objektif dicapai dan disempurnakan. Objektif-objektif tersebut adalah:

Pertama : Untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan isi kandungan teks khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

Objektif pertama kajian ini telah dibentangkan dengan lengkap pada Bab 3 yang secara khususnya dimuatkan di bawah tajuk perbincangan ‘Tajuk-Tajuk Teks khutbah Jumaat JAWI’ dan ‘Isi Kandungan Teks khutbah Jumaat JAWI’. Di situ penyelidik telah membentangkan tajuk-tajuk Khutbah Jumaat JAWI bagi tempoh 3 tahun bermula Januari 2009 hingga Disember 2011. Hasil kerjasama yang baik di pihak Cawangan Khutbah JAWI, khasnya Encik Mohd Faizal bin Yusof, maklumat yang sangat diperlukan ini dapat kumpulkan dan dipaparkan di dalam disertasi ini. Selanjutnya dibentangkan pula hala tuju dan fokus khutbah-khutbah ini hasil dari pengklasifikasian yang dibuat. Pembentangan dan paparan tersebut telah memenuhi matlamat ‘mengenalpasti kekuatan dan kelemahan isi kandungan teks khutbah Jumaat JAWI’ sebagai pertama disertasi ini dengan sempurna. Sebagai rumusan, di sini penyelidik

menyenaraikan perkara-perkara yang dikesan membentuk kekuatan tersebut melalui kajian ini, iaitu:

- i. Kekemasan Susunan dan Keseragaman Persembahan
- ii. Fokus Kepada Satu Topik
- iii. Bersistem dan Beridentiti

Manakala sudut kelemahan pada kanduagn teks khutbah Jumaat JAWI dapat dirumuskan seperti berikut:

- i. Tiada Ruang Kreativiti Dan Kebebasan Memberikan Idea
- ii. Terikat Dengan Tajuk Berjadual Sepanjang Tahun
- iii. Kelemahan Dari Sudut Bahasa Dan Gaya Penulisan

Kesimpulan yang dapat dinyatakan hasil dari kajian ini ialah bahawa isi kandungan teks Khutbah Jumaat JAWI boleh dikategorikan sebagai baik dan memenuhi keperluan masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan. Namun ia masih perlu diperkukuhkan dan dipertingkatkan kualitinya agar tampil lebih mantap dan berkesan dari semasa ke semasa.

Kedua : Bertujuan mengenalpasti proses dan menilai metode penyediaan teks khutbah Jumaat yang diaplikasikan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

Objektif kedua kajian ini pula telah dibincangkan secara terperinci dan secara khusus dalam dua pertiga daripada Bab 4. Bermula dengan paparan Carta Aliran dan Prosedur Kerja, penyelidik selanjutnya membahaskan setiap peringkat proses penyediaan dengan teliti dan

lengkap berserta analisis dan saranan untuk penambahbaikan dan peningkatan prestasi pengurusan. Perolehan data dan maklumat ini terhasil daripada bantuan kakitangan JAWI di Cawangan Khutbah yang diketuai oleh Encik Khairul Asyraf bin Ahmad. Pembentangan maklumat berkaitan perkara ini dimantapkan lagi dengan sokongan carta, borang, kertas kerja dan manual prosedur kerja yang diperolehi dari kajian lapangan. Hasilnya, objektif kedua disertasi ini dapat disempurnakan dengan baik.

Hasil analisis kajian dilakukan pada metodologi ini, penyelidik dapat merumuskan bahawa secara keseluruhannya metodologi penyediaan teks khutbah Jumaat di Cawangan Khutbah JAWI ini adalah sebuah model sistem pengurusan penyediaan teks khutbah yang baik dan mampu menghasilkan khutbah yang berkualiti. Meskipun masih terdapat beberapa kelemahan dalam sudut-sudut tertentu, ia masih merupakan sebuah metode yang tersusun dan diatur dengan sempurna pada setiap peringkat pemerosesannya. Peringkat demi peringkat proses penyediaan teks khutbah ini dilihat beroperasi dengan baik secara tertib dengan kesinambungan yang kemas. Ia diperkemas pula dengan penyeliaan dan pengawasan yang dilakukan secara berterusan di setiap peringkat tersebut. Kekemasan perjalanan metodologi ini dibantu oleh susunan carta aliran kerja yang menjelaskan peranan dan tugas semua pegawai dan kakitangan di cawangan ini. Hasilnya, mereka semua terpandu untuk berusaha menjayakan matlamat kerja yang telah tersemat di minda masing-masing. Realiti dan situasi inilah yang menjadikan mereka bekerja dengan fokus dan bertanggungjawab.

Kemantapan pengurusan kerja untuk menjayakan metodologi ini juga dapat dilihat dengan penyediaan manual-manual panduan, kertas-kertas penyeliaan seperti borang-borang semakan, manual dan sinopsis tajuk khutbah dan sebagainya. Alat-alat bantuan pengurusan ini disediakan bagi mengukuhkan perjalanan sistem sedia ada yang banyak membantu kelancaran

metodologi. Ia juga berperanan sebagai rujukan kerja dan bukti hasil proses kerja yang didokumenkan. Hasil-hasil kerja yang lalu dapat direkod dan dirujuk kembali ketika diperlukan. Penilaian semula dan penambahbaikan sistem kerja dapat dilakukan dari semasa ke semasa berpandukan kertas-kertas kerja ini.

Jika disorot dari sudut keupayaan metodologi ini pula, ia dilihat mampu untuk menghasilkan produk yang bermutu selagi mana sistem ini diaplikasikan dengan sempurna di semua peringkat penyediaannya dan dikawal selia dengan rapi secara konsisten. Kekuatan metodologi ini adalah dalam sudut jalinan aliran kerja yang sistematik dan berkualiti. Kesimpulannya, kekuatan yang wujud di dalam metodologi yang diamalkan di cawangan ini boleh dilihat dari aspek-aspek berikut:

i. Sistem Kerja Yang Berkesan

Kekuatan dalam sudut ini dapat dilihat sejak di peringkat awal proses penyediaan teks khutbah bermula dengan pemilihan tajuk-tajuk khutbah yang disenaraikan untuk bacaan sepanjang tahun sebelum dibengkelkan dan diamanahkan kepada panel penulis untuk menyiapkannya. Panel penulis juga dipandu dengan sinopsis khutbah yang dilampirkan bersama tajuk khutbah yang diserahkan kepada mereka. Di samping itu, para penulis juga dikawal dengan syarat dan peraturan sewaktu menulis khutbah tersebut. Penyediaan sebuah metode dan sistem kerja yang rapi sejak di peringkat permulaan hingga ke proses akhirnya menggambarkan kesungguhan cawangan ini menjayakan matlamat organisasi ini. Proses bermula dengan melantik panel penulis yang diberi pendedahan khusus melalui bengkel penulisan teks khutbah JAWI. Mereka juga dikawal dengan syarat dan panduan penulisan yang perlu dipatuhi ketika memulakan penulisan. Proses selanjutnya juga menggambarkan ketelitian perjalanan

metodologi kerja di cawangan ini apabila teks khutbah ini perlu melepasi tapisan awal di peringkat pegawai-pegawai di Bahagian Pengurusan Kariah sebelum melalui dua peringkat semakan pula di peringkat panel penyemak. Manakala proses penterjemahan dipandu dengan kaedah penulisan Jawi yang berautoriti, iaitu pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Seperkara lagi yang menarik perhatian, sebelum teks khutbah Jumaat ini dicetak dan diterbitkan, ia dihantar ke Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan untuk disemak sekali lagi dan memperolehi pengesahan.

Kemantapan pengurusan pula dapat dilihat dengan persediaan kertas-kertas lampiran kerja yang dilakukan dalam pengurusan kerja di cawangan ini. Di antara kertas-kertas lampiran persediaan kerja ini adalah seperti lampiran sinopsis, jadual dan carta kerja, borang-borang semakan dan pengesahan. Hasil pemerhatian penyelidik, pegawai dan kakitangan di cawangan ini juga sentiasa memastikan perjalanan kerja penyediaan teks khutbah ini berjalan lancar. Di samping menyediakan surat-surat dan memo pengurusan kerja-kerja kepada semua individu yang terlibat, mereka juga akan memastikan kehadiran dan keterlibatan panel penyemak dan penulis melalui panggilan telefon. Kerja-kerja inilah yang membantu menjamin kelancaran sistem yang telah disediakan.

ii. Penyeliaan dan Pengawasan Yang Berjadual

Kekuatan di sudut ini pula terbukti dengan Carta Aliran Kerja di cawangan ini yang memberi gambaran jelas terhadap perjalanan kerja yang perlu disempurnakan. Tambahan pula setiap proses kerja penyediaan teks khutbah ini disertakan dengan tempoh hari bekerja yang perlu dipatuhi. Proses penyediaan yang dianggarkan memakan masa selama 19 hari bekerja dikawal selia oleh pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan disiplin masa yang ketat. Proses

ini diawasi dengan baik bermula pada hari pertama teks khutbah diterima daripada panel penulis khutbah sehingga ia diedarkan ke masjid-masjid seluruh Wilayah Persekutuan pada setiap bulan.

Sepanjang pengamatan penyelidik sejak mula berkhidmat di JAWI pada Ogos 2006, belum pernah berlaku kelewatan penyediaan teks khutbah Jumaat untuk dibaca pada setiap minggu. Di samping penyeliaan yang sempurna secara berterusan, tempoh masa yang disasarkan pada setiap peringkat kerja penyediaan ini telah berjaya dipatuhi dan ia menjadi kunci kejayaan pengurusan Cawangan Khutbah JAWI.

Ketiga : Menganalisis cabaran dalam menyediakan teks khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

Selanjutnya objektif ketiga kajian ini pula telah dimuatkan di bahagian akhir Bab 4 di bawah tajuk ‘Cabaran-Cabaran Dalam Kerja Penyediaan Teks Khutbah’. Hasil pemerhatian, perbincangan dan temubual dengan mereka yang terlibat dengan kerja-kerja penyediaan khutbah ini dari peringkat awal hingga ke akhirnya, penyelidik berjaya mengumpul maklumat yang diperlukan. Penyelidik memulakan perbincangan dengan mengkategorikan cabaran dan permasalahan kepada dua bahagian; ‘Cabaran Dalaman dan Cabaran Luaran’ untuk memberi gambaran yang lebih jelas dalam pembentangan objektif ini. Setelah itu penyelidik membahaskannya secara menyenaraikan butiran cabaran-cabaran tersebut satu persatu. Sebagai penutup perbahasan, penyelidik memuatkan analisis dan rumusan perbincangan berkaitan cabaran yang dinyatakan di penghujung bab tersebut.

Apa yang diperolehi daripada pembentangan objektif ketiga ini adalah suatu usaha membantu pihak pengurusan Cawangan Khutbah JAWI dan individu atau organisasi yang terlibat dalam usaha ini bagi membuka mata dan minda mereka untuk melihat sudut-sudut kelemahan dan kepincangan pengurusan, sistem dan proses penyediaan khutbah yang wajar diperbaiki, juga menyedarkan mereka tentang skop-skop permasalahan yang perlu diatasi.

5.2 Saranan Dan Cadangan

Di penghujung disertasi, penyelidik melihat beberapa perkara yang merupakan pandangan peribadi yang perlu dikemukakan dengan tujuan untuk mencetuskan kebaikan dan manfaat yang boleh dikongsi bersama. Ia merupakan saranan dan cadangan kepada beberapa pihak yang dilihat boleh menyumbang sesuatu yang membawa kemajuan dan mengambil manfaat susulan dari pembentangan yang terhasil dari kajian ini. Untuk menjadikan saranan dan cadangan ini lebih fokus dan jelas, penyelidik telah menyusun pihak yang disasarkan saranan dan cadangan tersebut seperti berikut:

- i. Cadangan Kepada Cawangan Khutbah JAWI
- ii. Saranan Kepada Organisasi dan Bahagian yang menerbitkan teks khutbah Jumaat dan Jabatan-Jabatan Agama Islam Seluruh Malaysia
- iii. Saranan Kepada Penulis-penulis dan Ilmuan Islam.

5.2.1 Cadangan Kepada Cawangan Khutbah JAWI

Sebagai lokasi sasaran kajian ini, juga sebagai medan penelitian penyelidik selama lebih 3 tahun, penyelidik merasa bahawa Cawangan Khutbah JAWI adalah institusi utama yang wajar diberi saranan dan cadangan yang membina berdasarkan persepsi dan pengamatan penyelidik sepanjang penyelidikan yang dibuat di sini. Cadangan-cadangan penyelidik adalah :

Pertama : Cawangan Khutbah JAWI perlu lebih bersikap terbuka dengan melibatkan individu-individu luar yang dikesan mampu memberi sumbangan bagi meningkatkan kualiti dan hasil kerja. Pihak JAWI boleh melibatkan golongan pensyarah, pakar bahasa dan penulis-penulis Islam yang berketrampilan untuk terlibat dalam mana-mana peringkat proses penyediaan teks khutbah yang sesuai. Contohnya, mereka boleh ditawarkan sebagai penulis atau panel penyemak teks khutbah. Penglibatan mereka pasti akan memberikan impak positif dan peningkatan kualiti khutbah-khutbah yang diterbitkan.

Kedua : Mengenal pasti dan melantik Panel Penulis Khutbah Jumaat JAWI yang lebih berkeupayaan dan bertrampilan untuk melahirkan khutbah yang lebih baik dan bermutu. Cawangan Khutbah JAWI boleh mendapatkan penglibatan pensyarah dan mahasiswa pengajian Islam di mana-mana universiti tempatan untuk merealisasikan cadangan ini. Sementara itu, para penulis sedia ada perlu diberi pendedahan yang sesuai dengan keperluan mereka bagi meningkatkan kualiti penulisan mereka.

Ketiga : Mengenal pasti beberapa individu untuk dilantik sebagai satu kumpulan khas yang mampu menyediakan teks-teks khutbah gantian ketika diperlukan. Mereka adalah golongan pakar dalam penulisan dan peka dengan isu semasa di samping berpengetahuan agama. Dengan

wujudnya kumpulan khas ini, Khutbah Jumaat JAWI akan sentiasa tampil dengan persembahan yang segar dan memenuhi keperluan semasa masyarakat Islam khususnya di ibu kota Kuala Lumpur ini.

Keempat : Menyediakan peruntukan yang lebih kompetatif dan bersesuaian dengan kadar bayaran semasa untuk setiap teks khutbah yang ditulis. Imbuan yang diberikan oleh JAWI sebanyak RM200 untuk sebuah teks khutbah yang biasanya ditulis dalam enam muka surat helaian kertas A4 adalah terlalu kecil, tambahan pula ia adalah sebuah artikel ilmiah. JAWI perlu mengkaji semula kadar imbuan ini bagi menarik minat dan komitmen penulis-penulis yang lebih berkaliber dan berpengalaman.

5.2.2 Saranan Kepada Organisasi Yang Menerbitkan Khutbah Jumaat

Setelah penyelidikan disempurnakan, penyelidik melihat bahawa usaha dan kerja-kerja penerbitan khutbah di Cawangan Khutbah JAWI ini wajar diambil manfaat dan dikongsi bersama kebajikannya oleh organisasi-organisasi yang menerbitkan khutbah Jumaat. Perkongsian maklumat ini wajar diambil oleh pihak-pihak erbait khususnya Unit Penyediaan Khutbah yang biasanya terletak di bawah pentadbiran Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan-Jabatan Agama seluruh negara. Jabatan-Jabatan Agama Islam seluruh negara perlu menyedari tentang keperluan mempertingkatkan kualiti khutbah yang diterbitkan bagi memenuhi keperluan menyalurkan maklumat dan dakwah kepada umat Islam. Antara perkara yang ingin disarankan oleh penyelidik ialah:

Pertama : Organisasi yang menerbitkan khutbah wajar menjadikan metode penyediaan khutbah yang diguna pakai di Cawangan Khutbah JAWI sebagai rujukan untuk menyusun sistem kerja-

kerja penyediaan dan penerbitan teks khutbah Jumaat bagi meningkatkan kualiti khutbah yang diterbitkan. Metode penyediaan khutbah di cawangan ini boleh dijadikan panduan untuk diaplikasikan atau menjadi asas rujukan bagi membentuk suatu sistem kerja yang lebih berkesan.

Kedua : Organisasi ini juga patut mendapatkan khidmat nasihat dan perkongsian maklumat dari Cawangan Khutbah JAWI secara langsung, sama ada dengan cara mengundang mereka yang mengendalikan sistem ini untuk mengadakan bengkel atau kursus yang dapat memberi pendedahan dan perkongsian maklumat dan pengalaman. Amat baik jika program tersebut disusuli dengan lawatan kerja ke cawangan ini. Di samping dapat melihat sendiri suasana kerja dan proses penyediaan khutbah dilakukan, perbincangan secara langsung juga boleh dibuat bagi mendapatkan penjelasan dan perkongsian maklumat.

5.2.3 Saranan Kepada Penulis-Penulis Dan Para Ilmuan Islam

Golongan para penulis yang dimaksudkan di sini adalah mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan agama. Ini kerana khutbah Jumaat adalah artikel ilmiah yang merujuk kepada sumber-sumber utama Islam. Ia adalah sebuah penulisan yang berkaitan dengan Al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Lantaran itu hanya mereka yang berkeelayakan sahaja yang boleh melibatkan diri dalam penulisan teks khutbah. Antara saranan yang ingin penyelidik nyatakan di sini ialah:

Pertama : Gunakanlah bakat dan ilmu yang Allah SWT anugerahkan ini sebagai alat untuk menyumbang bakti untuk memperbaiki usaha-usaha dakwah melalui saluran penulisan khutbah.

Mereka yang berkemampuan dan berbakat di dalam bidang ini perlu tampil menabur bakti untuk sama-sama menggalas tanggungjawab ini.

Kedua : Para ilmuan Islam yang tidak dapat melibatkan diri dalam penulisan teks khutbah, disarankan agar dapat memberi sumbangan idea dan teguran membina kepada institusi yang menerbitkan khutbah Jumaat. Khutbah Jumaat yang saban minggu disampaikan oleh khatib dan sama-sama didengar, tentu ada sesuatu yang perlu diperbaiki dan dicadangkan untuk meningkatkan kualitinya demi kebaikan umat Islam setempat.

Dengan penglibatan, sumbangan idea dan pandangan daripada golongan penulis ilmuan Islam ini, institusi penyediaan Khutbah Jumaat diyakini akan mampu mempamerkan peningkatan kualiti sama ada di sudut isi kandungan khutbah mahupun di sudut metode dan kerja-kerja penyediaannya.